

LAPORAN PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA PENGAL PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 9 Disember 2013 (Isnin)

Masa : 9.30 Pagi

Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

Bil.	Nama	Ahli Kawasan/Jawatan
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lintang
10.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13.	YB. Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15.	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
16.	YB. Dr. Norlela Binti Ariffin	Penanti
17.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
19.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong

Bil.	Nama	Ahli Kawasan/Jawatan
20.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
25.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
27.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
28.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
29.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
30.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
31.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
32.	YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad	Pulau Betong
33.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
34.	YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
35.	YB. Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
36.	YB. Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
37.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
38.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
39.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
40.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A
PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

Bil.	Nama	Jawatan
1.	YB. Dato' Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Faiza Binti Zulkifli	Penasihat Undang-Undang Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari a/p Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan bersidang pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, bacaan Doa.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Doa.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula dengan Sesi Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2014 dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2014.

Ahli Yang Berhormat, sesiapa yang ingin mengambil bahagian dulu. Sepatutnya saya ingin mempersilakan Ketua Pembangkang, memandangkan masih belum, saya silakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dulu. YB. Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sebenarnya YB. Dato' Speaker, saya masih dalam proses penyediaan ucapan saya tetapi memandangkan Ketua Pembangkang rupa-rupanya tidak berminat untuk membahaskan dan juga tidak hadir pagi ini, saya akan meneruskan dengan ucapan saya sekarang.

YB. Dato' Speaker, pertamanya saya ingin mengucap terima kasih kepada rakyat Pulau Pinang dan juga kepada penduduk di kawasan Seri Delima kerana telah memberi mandat kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan Pakatan Rakyat memilih pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat untuk kali kedua untuk menerajui perjuangan untuk membela nasib rakyat. Saya ingin menyatakan di sini bahawa hasil ataupun kesan Penggal Pertama mula kita lihat di mana kubu kuat UMNO dan Barisan Nasional iaitu Seberang Jaya pula telah jatuh ke tangan Pakatan Rakyat. Harapan saya sekarang adalah dalam Pilihan Raya Umum Keempat Belas kita akan menawan saki baki kawasan yang ada dalam kawalan Barisan Nasional kerana kita lihat pagi ini, Ketua Pembangkang walaupun telah diberi tahu tentang betapa pentingnya sesi ini untuk membincangkan Perbelanjaan Bajet bagi rakyat Pulau Pinang rupa-rupanya tidak menunjukkan hormat kepada Dewan. Tidak juga menunjukkan hormat kepada ahli-ahli kawasan, penduduk-penduduk di kawasan beliau sendiri. Ini adalah satu sikap yang begitu leka yang patut ditegur oleh YB. Dato' Speaker.

Malahan saya menyeru Ahli-ahli *Backbencher* ataupun Ahli Dewan Undangan Negeri daripada Barisan Nasional UMNO mungkin bincang nanti dan pilih seorang Ketua Pembangkang yang boleh melaksanakan tanggungjawab dan bukan sekadar....ah dia hadir....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Teruskan YB. Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih. Saya akan meneruskan kerana sepatutnya Ketua Pembangkang hadir lima (5) minit, sepuluh (10) minit sebelum ini, Dewan telah bermula. Tapi seperti yang saya katakan tadi mungkin ini akan menjadi satu pembuka mata kepada penduduk-penduduk di kawasan, pengundi-pengundi di kawasan pembangkang yang akan sedar bahawa sebenarnya pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat lah yang hanya boleh melaksanakan tanggungjawab di dalam dan di luar Dewan.

Meneruskan dengan ucapan saya tentang Bajet, saya ingin menarik perhatian YB. Dato' Speaker kepada beberapa isu yang telah dibangkitkan dalam ucapan Ketua Menteri kita dan teks ucapan itu memang padat. Saya percaya merangkumi semua aspek perbelanjaan bagi manfaat masyarakat dan rakyat umum di Pulau Pinang. Tetapi terdapat satu dua perkara yang ingin saya membawa kepada perhatian YB. Dato' Speaker dan Dewan yang mulia ini. Masa kita ingin menyatupadukan rakyat dan memupuk semangat bersatupadu di antara kaum-kaum kerana ini adalah perkara penting untuk terus memacu ekonomi, untuk terus memastikan kesejahteraan. Saya amat dukacita dengan kenyataan-kenyataan berbau perkauman yang selalunya dilemparkan oleh UMNO dan Barisan Nasional.

Baru-baru ini minggu lalu, saya pun telah mengikuti liputan Perhimpunan Agung UMNO di Kuala Lumpur. Minat, minat kerana ada pemimpin-pemimpin UMNO yang mempersamakan perjuangan UMNO dengan perjuangan Nelson Mandela. Memang saya juga rasa itu adalah perkara yang luculah kerana memang tidak ada persamaan di antara perjuangan UMNO dan perjuangan Nelson Mandela. Lebih-lebih lagi kita lihat ada pemimpin-pemimpin UMNO yang telah mencadangkan konsep 1Melayu dan pemimpin UMNO ini adalah daripada Pulau Pinang, apa nama dia saya pun dah lupa. Tak apa, kita cari dalam Malaysiakini, terima kasih, Musa Sheikh Fadzir, baru ingat, terima kasih. Yang mengatakan bahawa dalam pilihan raya yang lalu, orang Cina dan orang India telah tikam belakang pemimpin UMNO, ada buka internet Malaysiakini ada sekarang dan mengatakan bahawa konsep yang sepatutnya didokong oleh UMNO adalah 1Melayu. Benar tidak ucapan ini dibuat oleh Musa Sheikh Fadzir, saya ingin tanya kawan-kawan saya daripada seberang dan apakah respons anda kepada kenyataan ini. Kita lihat MCA dan GERAKAN sudah mula menuntut supaya kenyataan itu ditarik balik. MIC tak nampak lagi lah. Tapi saya begitu dukacita, dukacita dengan kenyataan-kenyataan pemimpin UMNO yang menunjukkan *the actual truth*, menunjukkan sikap mereka di mana mereka sebenarnya tidak mengamalkan konsep 1Malaysia tapi sebenarnya mendukung cita-cita 1Melayu.

Kenyataan rasis ini saya ingin mengecap dan saya ingin menuntut supaya Musa Sheikh Fadzir meminta maaf, meminta maaf kepada rakyat Pulau Pinang. Saya percaya orang-orang Melayu sendiri tidak begitu selesa dengan kenyataan pemimpin UMNO yang bersikap kurang ajar ini. Sikap kurang ajar ini patut diberi amaran dan kalau tidak ada sebarang jawapan kepada isu ini daripada mana-mana pemimpin UMNO yang hadir di Dewan, malahan saya percaya kalau tidak dijawab perkara ini, tiada sebarang *response* itulah pendirian Yang Berhormat-Yang Berhormat UMNO yang hadir pada hari ini. Betul tidak, Yang Berhormat? Apa jawapan? Apakah respons anda? Apakah maklum balas terhadap perkara ini? Selain daripada itu, kita juga lihat macam-macam kenyataan perkauman telah dilemparkan, tuduhan telah dilemparkan dan tuduhan yang paling menyakitkan hati saya adalah menyatakan orang Cina dan orang India telah menikam UMNO di belakang dan saya juga ingin menyatakan Musa Sheikh Fadzir walau pun diminta untuk memohon maaf telah menyatakan bahawa beliau tidak akan meminta maaf di atas kenyataan tersebut.

Berkenaan isu merancakkan sektor pelancongan dan warisan. Yang Berhormat Ketua Pembangkang sendiri telah membangkitkan isu berkenaan dengan pemeliharaan dan penjagaan tempat-tempat warisan. Terutamanya rumah kediaman pemimpin-pemimpin dan tokoh-tokoh. Saya ingin bertanya Yang Berhormat, adakah anda telah membaca surat khabar minggu lalu? Candi-candi yang menunjukkan datangnya orang-orang beragama Hindu dan Buddha di Kedah telah pun diroboh dan dalam perhimpunan UMNO juga ada seorang perwakilan yang telah mengatakan jika candi-candi itu dibina semula UMNO akan hilang sokongan daripada rakyat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan Yang Berhormat. Boleh saya tahu apa pula jawapan Y.A.B. Ketua Menteri Kedah kepada persoalan candi-candi dirobohkan. Adakah dia membiarkan atau pun menghalang bahkan diaewartakan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sebelum itu Yang Berhormat, saya ingin tanya ada tidak kenyataan itu dibuat dalam perhimpunan UMNO?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya tanya, ada tak Y.A.B. Ketua Menteri Kedah membuat kenyataan selepas mengetahui bahawa tragedi perobohan. Menteri Besar Kedah membuat kenyataan selepas sahaja itu berlaku.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, saya tanya soalan dulu. Jawab soalan saya dulu.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Bahawa benda itu telah pun berlaku dan dibiarkan, apakah kenyataan rasmi oleh pemimpin nombor satu (1) Negeri Kedah kepada apa yang telah pun disebutkan oleh YB. Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, kena faham bahawa tanah tersebut sebenarnya telah pun dibenarkan untuk dimajukan sewaktu pimpinan oleh Barisan Nasional. Bukan, oleh Barisan Nasional jangan buat tuduhan melulu Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya cuma tanya tadi, apakah dia kenyataan rasmi yang dibuat oleh Y.A.B. Menteri Besar Kedah terhadap isu perobohan itu?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kenyataan rasmi itu, kenyataan rasmi....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Itulah dia jawapan Kerajaan Negeri Kedah, Menteri Besar Kedah atas apa yang berlaku.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Persoalan yang saya tanya sekarang adalah berkenaan dengan usul atau pun hujah-hujah perbahasan yang dibuat oleh seorang perwakilan semasa persidangan UMNO minggu lalu yang mengatakan bahawa sekiranya candi itu dibina semula, UMNO akan hilang sokongan daripada rakyat. Apakah jawapan Yang Berhormat mengenai isu itu? Adakah perkara itu dibidas, dikutuk oleh mana-mana perwakilan? Boleh Yang Berhormat memberi *response* kepada perkara tersebut. Kita lihat bukan saja candi tersebut memang tidak akan dibina semula malahan saya tidak mahu ulangi sekali lagi lah, saya ingin tanya Yang Berhormat sudahkah, kuil di Perai yang dirobuhkan oleh PPC dibina semula?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya masih menunggu jawapan apakah kenyataan rasmi yang dibuat kerana itu menunjukkan pendirian Kerajaan Negeri Kedah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya tidak tahu kenyataan rasmi...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kalau Yang Berhormat beria-ia mendengar ucapan daripada Perhimpunan Agung UMNO, kenapa tidak mendengar jawapan rasmi daripada Kerajaan Negeri Kedah. Kenapa tak mendengar? Kenapa tak disebut di dalam Dewan ini apa kenyataan rasmi yang dibuat oleh Menteri Besar Kedah? Candi itu bukanlah candi yang baru dibina, candi sejarah selepas dikorek baru mereka nampak benda tu ada dan terus diberhentikan, maka Kerajaan Negeri Kedah membuat pendirian bahawasanya tidak dibenarkan lagi beroperasi di kawasan itu. Untuk apa, untuk menjaga warisan sejarah di Malaysia ini. Bukan jadi isu yang itu, dan macam mana cara hendak bina semula pula. Ia kebanyakan yang saya tahu apa juga bahan-bahan, apa ini penemuan di Lembah Merbok tak salah saya, Lembah Bujang itu akan dikekalkan bahkan ada usaha-usaha untuk membina semula, meletak balik batu-batu bersejarah yang harus diketahui oleh semua masyarakat. So, mungkin Yang Berhormat tidak tahu apakah dia jawapan rasmi daripada Kerajaan Negeri Kedah tentang isu itu.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa sehingga perkara itu didedahkan dalam surat khabar oleh Yang Berhormat daripada Perai, Yang Berhormat Menteri Besar Kedah sendiri tidak tahu tentang kemajuan tersebut. Menteri Besar Kedah sendiri tidak sedar bahawa tapak tersebut sedang dimajukan. Jadi tidak ada manfaatnya kenyataan-kenyataan rasmi dikeluarkan kemudian, jika Menteri Besar sendiri tidak sedar tentang kemajuan di Kedah yang sedang berlaku. Beliau sendiri tidak sedar telah mengakui bahawa beliau tidak tahu bagaimana tanah tersebut boleh dijual kepada pemaju dan dimajukan. Benar tidak Yang Berhormat? Benar tidak? Tapi saya ingin menyatakan bahawa saya begitu tidak puas hatilah, macam saya katakan tadi dengan kenyataan-kenyataan oleh pembahas-pembahas perwakilan di UMNO yang mengatakan bahawa UMNO akan hilang sokongan daripada rakyat jika candi ini dibina semula, malahan saya percaya ia tidak akan dibina semula. Kita lihat banyak perkara-perkara yang begitu penting dalam sejarah telah pun ditinggalkan ditukar. Kalau satu ketika kita kata Yap Ah Loy adalah orang yang sebenarnya telah datang ke Kuala Lumpur bermulakan perniagaan di situ, *The Founder of Kuala Lumpur* Yap Ah Loy kita lihat perkara itu telah hilang daripada buku Sejarah sekarang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Dato' Speaker, saya nak mengajak YB. Seri Delima untuk kita bersama-sama ke Lembah Bujang melihat apa kelebihan yang telah pun dibuat sekarang ini bagi memastikan kesemua penemuan sejarah di tapak Lembah Bujang itu dikekalkan. Kita boleh pergi bersama untuk melihat dan tidak perlu dibahaskan di Dewan ini kerana benda itu berada di Lembah Bujang. Saya pernah melawat saya melihat bagaimana mereka menjaga tempat itu dan meletak semula batu-batu yang telah runtuh di bina semula untuk memastikan yang anak-anak kita tahu sejarah kedatangan, apa ni peradaban yang berlaku di Lembah Bujang itu. Ada di sana boleh pergi lihat.

Timbalan Ketua Menteri II:

Boleh bagi laluan sebab saya ingat Seri Delima sebut Perai kawasan saya, saya bangkit. Isu Lembah Bujang ini adalah satu warisan yang begitu lama di Malaysia beribu-ribu tahun. Apa yang mengejutkan kita ialah kenapa tempat seperti Lembah Bujang ini belum digazetkan oleh Kerajaan Negeri dan rasa persetujuan ataupun kebenaran untuk pemaju telah diberikan zaman Barisan Nasional bukan PAS. Ini bukan saya yang menciptakan ini datang daripada pegawai-pegawai muzium Lembah Bujang. Jadi tapak yang telah dirobohkan ini dibuat secara sistematik sebelum pokok-pokok kelapa sawit yang lama ditebang, tempat ini *footage*, tempat candi ini. Candi ini bermakna mungkin candi ini sebuah kuil, candi ini boleh dijadikan kubur, candi pun boleh jadi sebagai tempat sejarah artifak sejarah. Jadi saya mau tanya kenapa Pejabat Tanah Merbok memberi kebenaran kepada pemaju untuk memulakan kerja untuk membersihkan tanah.

Apa yang menghairankan kita ialah kenapa tempat ini seperti Pulau Pinang, bangunan-bangunan kolonial, seperti kita ambil Melaka boleh digazetkan di bawah UNESCO tetapi kenapa Lembah Bujang tidak boleh digazetkan di bawah UNESCO dan apa yang saya tidak mempertikaikan kenyataan Menteri Besar Kedah cuma adalah apa yang dibentangkan oleh Ahli Seri Delima ialah soalan-soalan yang timbul dalam Perhimpunan UMNO supaya kalaulah Kerajaan Negeri menggazetkan Lembah Bujang ini mungkin Kerajaan Negeri tidak akan memberi sokongan. Lagi tambahan pula mungkin ada sedikit salah anggapan, candi ini adalah tamadun Melayu, ini bukan tamadun India, tamadun Melayu di bawah Sri Vijaya. Sri Vijaya adalah tamadun Melayu. Jadi sini kita katakan mungkin tamadun ini ada pengaruh India, pengaruh Cina, pengaruh Arab. Tapi ini sebelum kedatangan Islam so apabila kita sebutkan candi ini adalah tamadun Melayu dan saya boleh berhujah bahawa tamadun Melayu ini bukan mula di Melaka tapi di Kedah.

Jadi ini adalah satu warisan untuk semua rakyat Malaysia, Melayu, Cina dan India. Tapi apa yang apa ini menghairankan kenapa Kerajaan Pusat, *Ministry of Tourism and Culture* ini atau pun di bawah itu Jabatan Warisan tidak mengambil satu langkah proaktif untuk menggazetkan tempat itu sebab muzium sebenarnya bukanlah yang sebenarnya ada kawalan terhadap tempat-tempat sejarah. Jadi apabila saya sebutkan semua ini, saya memang pengalaman dua tahun untuk buat *research* di Lembah Bujang semasa saya di Singapura. Jadi ini adalah pengaruh India ada, pengaruh *Buddhist* ada, pengaruh Hindu ada. Ini adalah tamadun Melayu bukan tamadun India, bukan tamadun Cina. Jadi apabila kita lihat ini adalah warisan yang kita perlu jaga, satu yang mesti kita apa ni sebagai satu sumbangan yang begitu besar kepada sejarah Malaysia. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat Perai, minta izin Seri Delima, saya berminat dengan hujah Yang Berhormat Perai. Kebanyakan candi-candi ini adalah candi yang kebanyakan yang telah ditelan masa, ditelan zaman dan kebanyakan yang telah pun ditimbun dengan tanah tertimbus, kita hanya mengetahui ada candi di situ setelah ianya dikorek dan bila dikorek dikenal pasti ada candi itu, memang saya bersetuju yang amat sangat supaya kita kekalkan di situ dengan tidak ada apa-apa kerosakan, bukan saja di

Kedah kami di Pulau Pinang pun jika sekiranya ada sahaja tapak warisan Melayu ke, Cina ke, India ke yang wujud di Pulau Pinang ini kita harus kekalkan terus gazetkan dan bukan menunggu dari Kerajaan Pusat untuk menggazetkan tetapi Kerajaan Negeri Pulau Pinang sendiri harus menggazetkan perkara itu.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima sila teruskan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat daripada Barisan Nasional dan UMNO tiap kali kita lihat di Dewan anda Yang Berhormat-Yang Berhormat menyatakan perkara yang lain, tetapi semasa dalam Perhimpunan UMNO lain yang dicakapkan. Talam dua muka. Kita lihat...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Seri Delima terdapat 2,750 perwakilan. Ada tak di antara kami di sini yang bercakap di situ. Kalau kami bercakap, kami boleh pertahankan tapi yang bercakap itu perwakilan lain luahan perasaan mereka terhadap perhimpunan orang-orang UMNO di situ. Jadi janganlah menyalahkan kami semua kerana mereka bercakap. Itu luahan perasaan mereka 2,500, 2,650 orang perwakilan. Janganlah bebankan kami semua untuk membuat mengatakan apa yang mereka bercakap. Yes, mereka berkata, kenapa, kerana itu perwakilan orang-orang Melayu di sana, orang-orang UMNO di sana. Ini kenapa nak letak tanggungjawab kepada kami pula. Bukan kami, kalau kami bercakap, yes kami akan pertahankan apa kami cakap. Tapi itulah pandangan-pandangan pendapat yang diutarakan oleh perwakilan kepada pemimpin Negara untuk dipertimbangkan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya ingin cabar Yang Berhormat, kalau sebenarnya anda tidak bersetuju tentang perkara-perkara yang dinyatakan di situ. Kalau sebenarnya UMNO mendokong, mendokong perjuangan 1Malaysia dan bukan 1Melayu, sepatutnya perwakilan daripada Pulau Pinang bangun di situ berani memberitahu perwakilan yang lain supaya tidak berhujah begitu ketika rakyat Malaysia yang terdiri bukan saja terdiri daripada orang Melayu, orang India, orang Cina, Punjabi ada, Kadazan ada semua yang sedang melihat pemimpin UMNO daripada Pulau Pinang sendiri mengatakan India dan Cina telah menikam belakang orang Melayu. Bukankah kenyataan itu berbaur hasutan? Kenyataan yang begitu *racist*. Mengapa tidak salah seorang daripada anda bangun mencabar memberitahu si bodoh ini jangan kata macam itu.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Dato' Speaker kalau nak berhujah tentang apa yang berlaku di perhimpunan UMNO kita buat di luar. Dalam Dewan ini kita ada tujuh hari untuk membincangkan tentang bajet, perbelanjaan tahunan Negeri Pulau Pinang. Sila beri tumpuan pada hari ini, kalau hendak berhujah pasal benda ini, saya hendak keluar

dari Dewan ini. Sebab ini membuang masa saya saja. Kami buat persiapan untuk berhujah tentang bajet, Laporan Audit bukan hal ehwal yang sebegini Yang Berhormat Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

YB. Dato' Speaker, saya nak bagi tawaran, lebih baik tahun depan kita jemput YB. Seri Delima hadir Mesyuarat Agung UMNO Malaysia sebab nampak dia berminat sangat. Jadi ahli tak bolehlah. Boleh? Kalau terima okey. Saya ingat kita akan jemput lah hadir sekali di Perhimpunan UMNO.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih. Terima kasih di atas jemputan tapi saya tak berminat. Saya rasa buang masa. Buang masa. Buang masa.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Tapi cakap buat apa.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kerana kita ingin lihat adakah apa-apa pertukaran dalam *mind set* pemimpin UMNO. Di luar kita cakap 1Malaysia...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

YB. Dato' Speaker, saya hendak tanya Seri Delima..(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dalam Dewan kita kata yang lain. Di perwakilan UMNO kita kata lain...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Dato' Speaker, Peraturan 46 (xvii)(c) muka surat 34 YB. Dato' Speaker. Perkataan-perkataan yang harus dan akan menimbulkan niat jahat dan perasaan bermusuhan antara kaum-kaum. Kalimah bodoh dan sebagainya tidak boleh digunakan. Kalau Yang Berhormat membiarkan Seri Delima meneruskan bercakap tentang isu itu, saya akan keluar Dewan kerana saya nak beri penumpuan Yang Berhormat pada Bajet kita kerana ini akan menentukan hala tuju Pulau Pinang 2014. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk. Peraturan sudah dibangkitkan. Saya cuma nak angkat satu sikap untuk menasihati satu mesej jelas kepada semua iaitu sila buat perbincangan tentang yang kena mengena dengan ucapan Bajet yang telah pun yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan juga jangan lagi bangkit perkara yang tidak kena mengena dan kalau tak ada nanti tersilap seperti Speaker di Negeri Kedah. Silakan Seri Delima. Teruskan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, saya minta maaf. Saya minta tunjuk ajar sikit daripada YB. Dato' Speaker. Peraturan yang dibangkitkan itu, peraturan apa YB. Dato' Speaker?

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Peraturan 46 (xvii).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, boleh saya respon dengan ringkas. Ucapan Bajet oleh Y.A.B. Ketua Menteri juga menyentuh tentang mengeratkan silaturrahim di antara masyarakat majmuk di Pulau Pinang. Semua cadangan-cadangan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri adalah untuk memupuk perpaduan mengeratkan hubungan kaum kalau kita lihat tiap-tiap muka surat saya ada baca. YB. Dato' Speaker, daripada muka surat 1 hingga 51 termasuklah pantun:

Pulau Mutiara digelar nama,
Pulau Pinang sudah ternama,
Rakyat majmuk hidup saksama,
Segala rahmat, nikmat bersama.

Isu tentang perkauman ini adalah isu penting. Yang Berhormat daripada... (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya minta izin. Beri laluan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

My floor, my floor.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Di sini ke Yang Berhormat hendak bawa.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

My floor, nak lawan pun boleh tak ada masalah. Tapi perkara ini berkenaan dengan perpaduan kaum. Silaturrahim. Kita di Pulau Pinang, saya di kawasan saya ada penduduk Melayu. Di kawasan Tun Sardon. Hari Sabtu yang lalu masa saya jalankan program dia kata apa Rayer? Buka TV nampak UMNO. Depa kata 1Melayu. Semua Melayu, itu Melayu, tapi rakyat di sini terbiar. Sejak DAP ambil alih dia kata *no problem, everything is taken care off...*(dengan izin). RM100.00 dapat. Pakaian seragam sekolah dapat, ibu emas dapat, warga emas dapat. Jadi kita bincang tentang Bajet. Mungkin Yang Berhormat-Yang Berhormat tak balik baca bajet ini. Pantun itu baca. Baca dak pantun. Rakyat berbilang kaum hidup bersama. Kalau seorang pemimpin daripada parti politik mengeluarkan kenyataan-kenyataan begitu serius, tikam belakang, *What do you call him* Yang Berhormat. Hanya orang yang tak ada akal akan mengatakan perkara tersebut. Bodoh kita panggil dia.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tarik balik.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya tak akan tarik balik.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tarik balik kata-kata tersebut.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya tak akan tarik balik kenyataan tersebut.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pulau Betong, Seri Delima, duduk. Perkataan itu bagi pengetahuan saya tidak menuju kepada sesiapa di sini. Seri Delima, pendekkan perbahasan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Saya nak merujuk kepada kenyataan dan juga permintaan daripada Seri Delima supaya Ahli-ahli Dewan di pihak kami membuat kenyataan pendirian. Cuma saya tertarik Seri Delima yang telah meneliti persidangan UMNO daripada awal. Cuma ingin saya nyatakan di sini bahawa walaupun Seri Delima begitu tertarik ikuti persidangan UMNO daripada mula sampai akhir tetapi Seri Delima juga harus faham bahawa kita mempunyai tata cara persidangan sebenarnya. Jadi apa yang diutarakan oleh salah seorang jurucakap di Dewan pada hari tersebut adalah mewakili semua bukan mewakili maksudnya ramai *speaker, he is the only one*. Tapi apabila dia bercakap, tidak ada ruang ya, sebenarnya tidak ada. Kecuali kalau Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri pada masa penggulungan mengiyakan. Tidak ada langsung mengiyakan. Jadi saya minta perkara ini tidak perlu dipanjangkan. Sebab ini kita akan nak mula dengan Bajet pun susahlah kalau macam ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Penjelasan itu saya terima. Memang mantap penjelasan itu walaupun penggal pertama berbanding Yang Berhormat penggal kedua memang mantap penjelasan itu. Saya terima penjelasan. Tapi saya masih tidak boleh memaafkan pemimpin tersebut. Saya teruskan. Kita lihat di muka surat 11, saranan Ketua Menteri tentang sektor pelancongan dan warisan. Saya *move on* YB. Dato' Speaker. Kemasukan pelancong telah disentuh di muka surat 12 perenggan 23, dua (2) *entry point* menurut Ketua Menteri, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang di mana pada tahun 2012 mencatatkan seramai 493,347 orang pelancong.

Di sini saya ingin menarik perhatian Dewan YB. Dato' Speaker. Dewan yang mulia ini kepada satu liputan surat khabar, minta maaf YB. Dato' Speaker benarkan saya untuk mencarinya. Ya, daripada The Star, Metro, *sudden heavy rain in the afternoon take Penangites by surprise flooding the airport and surrounding areas*. Bagaimanakah cara kita ingin mengatasi masalah ini, kita lihat tempat di mana pelancong-pelancong datang memang mereka tahu Pulau Pinang ini adalah Pulau Mutiara, sekelilingnya ada air. Tapi kalau saya ada seorang pelancong datang di Pulau Pinang alangkah terkejutnya sampai-sampai di *airport* saja sudah ada air. Keluar *airport* tak boleh masuk kereta ada air. Ini adalah projek yang dikelola oleh Kerajaan Persekutuan. Aduan yang saya terima daripada orang-orang yang kerja di situ termasuk pemandu-pemandu teksi kononnya pekerja-pekerja yang dilantik oleh kontraktor adalah semuanya pekerja-pekerja Bangla yang tidak ada sebarang kemahiran. Dan saya ingin menyentuh di sini muka surat dua (2), *Ending the flood misery, EXCO man-drainage plan for south east district being prepared....*(dengan izin) *when contacted yesterday Penang Local Government, Traffic Management and Flood Mitigation Committee Chairman YB. Chow Kon Yeow said that the state DID had commissioned a drainage plan for the south east district which included the Penang International Airport*. Saya berterima kasih ke atas penjelasan yang diberikan oleh YB. Chow Kon Yeow. Terpaksa juga Kerajaan Negeri...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tidak perlu sebut nama.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Tapi sini saya ingin menarik perhatian dewan sebab apa tidak ada sebarang maklum balas atau respons daripada Kerajaan Persekutuan, Menteri yang berkenaan. *Transport Minister*. *Transport Minister* belum dilantik lagi YB. Dato' Speaker, saya percaya. Kuota belum diisi, jadi siapa yang akan jalankan tanggungjawab. Adakah Pulau Pinang dianaktirikan? Dipinggirkan? Adakah tindakan ini dibuat semata-mata untuk sabotaj Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Minta laluan. Seri Delima, soalan saya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawasanya yang meluluskan pelan-pelan adalah Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Yang menyemak *drainage plan* adalah MPPP dan sebagainya. Kenapa hendak menyalahkan Kerajaan Pusat. Yang melukis adalah

consultant tetapi yang meluluskan, yang menyemak semuanya adalah Kerajaan Negeri Pulau Pinang, melalui MPPP. So benarlah kenyataan yang dibuat bahawasanya perlu ada *master drainage plan*, ini telah pun saya utarakan pada penggal yang lepas telah dijelaskan bahawa kita memerlukan satu *master drainage plan* untuk Pulau Pinang ini terutamanya kawasan di Balik Pulau. Jadi kenapa nak salahkan Kerajaan Pusat untuk memberi kenyataan apabila berlaku di situ. Kita mempunyai tanggungjawab bersama yang mengeluarkan pembiayaan adalah Kerajaan Pusat. Yang melaksanakan kontraktor untuk siapa, untuk Pulau Pinang. Untuk kemasukan pelancong ke Negeri Pulau Pinang memudahkan mereka dan menaikkan nama Pulau Pinang. Itu pengorbanan yang Kerajaan Pusat untuk Pulau Pinang, dah buat ada masalah kita selesaikan bersama lebih-lebih lagi kepada orang yang meluluskan pelan dan orang yang menyemak semula.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, cuba lihat gambar di sini. Mungkin nanti saya serah. Soalan saya rakyat di Pulau Pinang membayar cukai. Tidak ada sebarang Menteri menunjukkan inisiatif mengambil serius tentang masalah ini Yang Berhormat. Bukankah Yang Berhormat setuju bahawa sepatutnya ada wakil daripada Kerajaan Persekutuan, kalau tidak ada Menteri sekurang-kurangnya Timbalan Menteri, Setiausaha, siapa-siapa datang ke sini, lawat, memberi maklum balas, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini. *Where is the responsibility of the Federal Government.....*(dengan izin). Projek ini adalah projek Kerajaan Persekutuan, memang kelulusan diberi oleh Kerajaan Negeri. Tapi kita lihat inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah lebih serius. Kerajaan Persekutuan buat tidak tahu sahaja. Sehingga hari ini, tidak ada sebarang *official* respons daripada mana-mana Menteri-Menteri atau Kerajaan Persekutuan tentang hal ini. Benar tak Yang Berhormat? Jangan cakap pasal pelan. Apakah inisiatif? Kalau Perdana Menteri boleh naik helikopter, pergi ke Kuantan lihat keadaan banjir di situ, masalah begini serius. Di Pulau Pinang, kemasukan pelancong yang memberi sumber kepada beberapa orang, banyak orang, sumber pendapatan, mengapa tidak ada sebarang respons.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Penjelasan. Terima kasih Seri Delima. Yang Berhormat Dato' Speaker, masalah macam yang dibangkitkan oleh Seri Delima ini siapa pun tak mahu jadi. Persekutuan yang keluaran duit, kita Negeri Pulau Pinang yang nak menerima pelancong datang. Siapa pun tak mahu benda itu berlaku, tapi benda itu dah pun berlaku. Dalam kontrak ada *defect liability period....*(dengan izin). Dan Seri Delima melaung-laungkan tiada siapa ambil tahu. Tahu ke tiada siapa ambil tahu. Betul tahu. Apa tindakan dalaman telah dibuat oleh JKR ke yang mengawasi, MAB yang mengawasi projek itu dan kontraktor yang terlibat. Tiada siapa yang mahu benda-benda seperti ini berlaku, terutama sekali Kerajaan Persekutuan yang telah menyalurkan begitu banyak sekali peruntukan untuk memajukan Pulau Pinang sebagai pusat pelancongan macam-macam dah dibuat, sekurang-kurangnya terima kasihlah, benda yang berlaku tiada siapa mahu. Kalau dah berlaku saya nak tanya Padang Kota, apa Padang Kota dah buat sebagai EXCO yang bertanggungjawab untuk membantu masalah ini. Kita kena positif la, jangan dok pandang negatif ja. Tak ada apa yang elok, dok nampak yang tak elok saja.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, maklum balas ataupun jawapan saya kepada apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat daripada Telok Ayer Tawar itu adalah ringkas. Kita lihat daripada respons Kerajaan Negeri memang ada inisiatif. Sebab itulah surat khabar telah memberi liputan respons daripada Yang Berhormat Padang Kota. Tapi apa yang saya ingin nyatakan di sini, walaupun terdapat *defect liability period* dan sebagainya, kenapa tidak Kerajaan Persekutuan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil. Tidak ada sebarang *official respond*. Dan adakah ini menunjukkan sikap Kerajaan Persekutuan yang sejak 2008 sedikit demi sedikit menunjukkan bahawa mereka mengamalkan polisi menganaktirikan rakyat Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat Seri Delima, minta izin, minta laluan. Untuk mengatakan Kerajaan Pusat menganaktirikan rakyat Pulau Pinang saya rasa itu adalah agak keterlaluan. Kita bagi *airport* baru untuk Pulau Pinang. Tak *cancel* pun. Jambatan Kedua Pulau Pinang. Tak *cancel* pun. Dibina untuk siapa? Bukan untuk Seri Delima seorang tapi untuk semua. Nanti kita akan bahaskan monorel itu, saya ada *point* untuk monorel itu. Kita pun tahu YB. Perai telah membuat pengumuman telah ada syarikat yang membuat laluan dan sebagainya, kita akan bahas semula tentang monorel. Tetapi Kerajaan Pusat sentiasa memberi kepada Kerajaan Pulau Pinang. Mereka beri untuk Pulau Pinang ini. Dan kenyataan akhbar oleh Padang Kota mengatakan masa depan untuk daerah Barat Daya tidak juga merujuk kepada spesifik di tempat itu so biarlah yang kita kata Yang Berhormat Telok Ayer Tawar mengatakan tadi kita berniat baik untuk membantu Pulau Pinang. Tidak sesekali kita nam menganaktirikan Pulau Pinang ini. Bahkan kita menjaga. Bahkan kalau Kerajaan Pusat menganaktirikan Pulau Pinang, kami yang sepuluh orang ini akan bangun menentang mereka. Kita mahu supaya apa saja yang dibuat oleh Kerajaan Pusat adalah untuk rakyat Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Betulkah Yang Berhormat akan bangun dan memperjuangkan hak rakyat Pulau Pinang, betulkah, boleh, boleh tak apalah, saya tidak mahu buang masa. Satu lagi isu berkenaan pelancong yang ingin saya bangkitkan adalah berkenaan dengan kejadian-kejadian di Batu Feringghi. Perkara ini adalah perkara serius. Kita lihat banyak pelancong-pelancong mengunjungi persisiran pantai di Batu Feringghi dan sejak kebelakangan ini banyak kejadian yang tidak diingini berlaku.

YB. Dato' Speaker, sebelum peraturan dibangkitkan adalah berkenaan dengan muka surat 12, perenggan 23 teks ucapan Y.A.B. Ketua Menteri berkenaan dengan pelancong-pelancong yang masuk ke sini. Baru-baru ini terdapat satu kemalangan di mana seorang pelancong luar negara telah meninggal dunia kerana telah menaiki *parasailing* dan saya juga ingin merujuk kepada liputan surat khabar daripada The Star, The People's Paper, liputannya *True and fair and accurate....*(dengan izin), *no more bumbles at the beach, train beach boys on propose safety procedure by*, Kah Seap Chua.

Dalam liputan ini beberapa perkara telah dinyatakan memang benar pertamanya tentang pengusaha-pengusaha *water sports* yang tidak berlesen. Kedua, tentang ciri-ciri keselamatan *train beach boys on propose safety procedure...*(dengan izin), iaitu *mouth to mouth resuscitation*, *CPR* dan sebagainya. Saya ingin menyeru kepada Kerajaan Negeri supaya memberi perhatian kepada perkara ini, seringkali bila saya pergi ke sana saya juga lihat terdapat kuda ditunggang di kawasan tersebut tanpa menghiraukan keselamatan orang-orang yang mandi di tepi laut, terutamanya kanak-kanak. Kuda-kuda ini saya percaya adalah *former race horses*, kuda-kuda yang digunakan untuk berlumba, kuda tua, saya minta maaf, saya tarik balik kuda tua, tetapi amat tinggi risikonya dan tidak ada sebarang formula untuk mengawal semua aktiviti-aktiviti ini.

Saya ingin menyeru kepada YB. EXCO berkenaan, supaya memberi perhatian kepada perkara ini dan kedua supaya memastikan bahawa tiap-tiap hotel di kawasan tersebut juga memberi *doe's and dint's* umpamanya seperti *flayers* disediakan, *banner* disediakan, perkara-perkara seperti sama ada mereka wajib untuk mengambil perkhidmatan *parasailing* dan sebagainya, sama ada mereka boleh menolak dan sebagainya dan ada sebarang *guideline*, banyak sangat aktiviti-aktiviti yang berlaku dan kita lihat umpamanya seperti kita pergi ke Pesta. Baru-baru ini saya pergi ke Pesta terdapat *Exclusion Clause*. Orang-orang yang mempunyai sakit darah tinggi, wanita-wanita yang mengandung, tidak boleh menaiki *roller coaster* dan sebagainya. Tidak ada sebarang *guideline*, kalau boleh saya cadangkan supaya MPPP mewajibkan perkara ini tertera dinyatakan di hotel-hotel utama di kawasan-kawasan peranginan tersebut.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhammad Farid Bin Haji Saad):

YB. Seri Delima, yang ini saya setuju dengan Seri Delima, perkara yang baik kita setuju, kalau boleh YB. Dato' Speaker, kita hendak satu akta khusus tentang pengawalan aktiviti-aktiviti di tepi pantai diadakan di Pulau Pinang supaya kesemua aktiviti yang berlaku di situ akan dikawal dengan rapi, kita minta supaya diadakan akta kawalan aktiviti pantai.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima sila terus, saya peringatkan Seri Delima sudah hampir satu (1) jam.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Banyak lagi ini.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila ringkaskan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya juga ingin merujuk kepada satu lagi liputan daripada *The Star*, *The People's Paper*, *true and fair and accurate reporting*. *Accident waiting to happen, keep motorcycles out of Penang Botanic Gardens, from visitors*. Banyak juga pelancong-pelancong daripada luar Negara pergi ke Botanical Garden...(dengan izin), untuk beristirehat. Saya pun pernah pergi jogging di sana, pernah lihat Yang Berhormat di sana sekali sekala, tetapi banyak sangat kenderaan motosikal yang masuk dan sekarang mereka telah memperkenalkan kenderaan bermotor untuk membawa pelancong-pelancong mengelilingi kawasan tersebut dan saya lihat orang-orang yang memandu kenderaan tersebut bukanlah orang-orang yang saya percaya mempunyai kelayakan untuk mengawal kenderaan itu. Jikalau berlaku apa-apa kemalangan di situ, soalan pertama saya, adakah terdapat perlindungan insuran bagi kenderaan tersebut, kedua adakah orang-orang yang memandu itu telah diberi kebenaran untuk memandu dan adakah kenderaan itu juga mempunyai kelulusan daripada pihak-pihak MPPP dan sebagainya untuk kenderaan itu digunakan di dalam kawasan pantai. Ini adalah tiga perkara berkenaan pelancongan yang ingin saya bangkitkan bagi perhatian Yang Berhormat berkenaan untuk menjawab semasa penggulangan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanashekaran A/L Autherapady):

Minta laluan, tadi Yang Berhormat sentuh tentang kuil di Perai yang telah diroboh pada dua (2) tahun yang lalu. Di sini saya ingin tahu adakah kuil itu telah dibina semula?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jangan tanya Seri Delima Yang Berhormat, saya tidak tahu, aku janji itu dibuat oleh bekas Yang Berhormat yang telah lari ke Persekutuan sekarang Dato' Seri Hilmi, YB. Telok Bahang. Sampai sekarang kuil itu tidak dibina lagi. Mungkin sahabat saya dari hujung sana boleh memberi ulasan. Kuil itu yang dirobohkan pada tahun yang lalu, aku janji yang telah diberikan adalah untuk membinanya semula dalam masa dua bulan, mula-mula dua bulan, lepas itu lima bulan, lepas itu enam bulan dan sampai sekarang tidak tahu apa cerita. Apakah jawapan Yang Berhormat, mungkin Ketua Pembangkang boleh memberi penjelasan. *It is still not constructed yet....*(dengan izin) YB. Dato' Speaker. Mungkin saya boleh bertanya kepada Yang Berhormat daripada Perai.

Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Seri Delima, saya tidak pasti, tetapi saya ingat saya boleh *confirm*, saya ingat kuil ini tidak dibina semula seperti yang telah dijanjikan dan pada sesi yang lalu masa itu YB. daripada Telok Bahang, dia memang beri masa untuk menentukan sama ada ini akan jadi atau tidak tetapi sampai sekarang saya belum dengar bahawa kuil itu telah dibina, saya kembalikan kepada Penang Port Commission supaya apa yang sebenarnya berlaku dan memang pada masa itu sebelum mereka memberi peruntukan RM30,000.00, dia membuat sedikit perasmian dengan MIC bahawa janji dapat dilaung-laungkan dalam surat khabar bahawa kuil ini akan dibinakan, tetapi sampai sekarang kuil ini belum dibina lagi.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Minta laluan sikit, saya hendak mengesahkan apa yang YB. Perai memang betul, ada pengakuan oleh YB. Telok Bahang pada masa itu dan kita akan semak dengan YB. Telok Bahang.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tetapi Yang Berhormat, semua YB. Barisan Nasional kena faham, semasa pilihan raya kita lihat calon-calon MIC yang bertanding pergi duduk di kawasan tersebut mengadakan sembahyang olok-oloklah, bukan sembahyang sebenarnya, sembahyang seolah-olah kuil itu akan dibina semata-mata untuk mengaburi dan mempengaruhi rakyat bahawa kuil itu akan dibina selepas pilihan raya mereka sudah lupa macam biasalah. YB. Sungai Dua juga telah memberi aku janji pada sidang yang lalu, beliau menyokong dan saya berterima kasih kepada beliau walau pun beliau daripada UMNO Barisan Nasional Yang Berhormat ini dia lain sikit, beliau menyokong inisiatif untuk membina semula kuil tersebut, mungkin YB. Sungai Dua boleh memberi perhatian kepada perkara ini.

Saya ingin menyentuh juga kepada ucapan Y.A.B. Ketua Menteri berkenaan penyediaan tempat-tempat beriadah dan sukan. Kita lihat dalam teks ucapan YB. Dato' Speaker, untuk isu peraturan masih dalam muka surat dua puluh, minta maaf YB. Dato' Speaker, kalut sikit. Menggalakkan pembangunan belia dan sukan agar Pulau Pinang dikenali sebagai Bandar Raya Sukan. Dalam teks ucapan Y.A.B. Ketua Menteri telah menyentuh tentang penyediaan tapak-tapak sukan. Saya ingin sarankan supaya tapak-tapak sukan itu dipastikan digunakan sepenuhnya bukan seperti perbelanjaan Kerajaan Persekutuan, kita lihat dalam liputan surat khabar The Star, The People's Paper, *millions go down the drain, hardly anyone playing Futsal at poorly maintained* 1Malaysia courts, not 1Melayu, lihat seluruh Malaysia, berjuta-juta wang telah dibelanjakan, tetapi tempat tersebut sekarang menjadi kandang kerbau, kandang lembu dan tidak digunakan. Di kawasan saya Tun Sardon pun ada satu tapak futsal yang telah bertukar menjadi kandang lembu, kita lihat perbelanjaan wang begini merugikan rakyat, hanya memanfaatkan kontraktor-kontraktor yang ada kabel dengan UMNO dan Barisan Nasional dan tidak memberi manfaat sepenuhnya kepada rakyat yang menjadi sasaran utama projek-projek sebegini. Jadi saranan saya kepada Kerajaan Negeri memang baik dan saya menyokong cadangan ini, tetapi memastikan supaya tiap-tiap tempat riadah dan sukan ini digunakan sepenuhnya bagi manfaat rakyat.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima tiga (3) minit lagi.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Akhir sekali, tak apalah saya ikut YB. Dato' Speaker, memang adil kepada saya. Saya berterima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri dan seluruh EXCO yang berjimat cermat menggunakan wang untuk rakyat bukan seperti isteri Perdana Menteri kita *executive jets not used by PM alone*, betulkah YB. Pembangkang, isteri Perdana Menteri menggunakan wang rakyat tidak naik *Malaysian Airlines* kerana ikut

perwakilan UMNO, dia kata oh Perdana Menteri kita sayang isteri dia, takut kalau Jet Malaysian Airlines terhempas, nanti berlaku apa-apa kepada Kak Ros, Perdana Menteri cinta kepada beliau, tidak salah tapi naiklah Malaysia Airline, apa pakai wang rakyat...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Minta laluan, saya rasa YB. Seri Delima suka membangkitkan hal remeh temehlah, pesawat untuk *official*...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Guna wang rakyat.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Pergi untuk urusan rasmi dia tidak pergi jalan-jalan naik *private jet* itu.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Makan angin Yang Berhormat, beli beg.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Siasat betul-betul sebelum membuat tuduhan yang melulu...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dia beli beg, banyak beg ada.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tengok tu beli beg, beri buktinya sebelum membuat tuduhan yang pelik-pelik itu. Yang Berhormat sebagai seorang Peguam tahukan tanggungjawab kalau membuat kenyataan kalau tidak ada bukti-bukti yang kukuh, pergi nyatakan di luar, jangan nak *cheap publicity* ...(dengan izin).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

This not cheap publicity.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Buat *cheap publicity*, membuat tuduhan melulu dan menyalahi peraturan di dalam buku peraturan sengaja nak sakitkan hati orang terutamanya orang yang tidak ada dalam Dewan ini, yang tidak boleh mempertahankan diri. Inikah cara Seri Delima sepatutnya menjadi wakil rakyat yang dah matang, tidak menunjukkan kematangan dan YB. Dato' Speaker saya tidak tahu berapa ramai lagi yang nak bercakap kalau Seri Delima dah diberi lebih daripada satu jam, saya nak tuntutan supaya semua 10 orang kami ini diberi lebih daripada satu (1) jam.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima tadi saya beri tiga (3) minit, sekarang hanya tinggal satu (1) minit saja.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayera A/L Rajaji):

Terima kasih la kalau begitu, Yang Berhormat jangan marah. Ini fakta. Sakit hati pasal apa? Tidak dapat beli beg. Ini betul ni, Yang Berhormat sendiri naik Malaysia Airlines, mengapa tidak isteri Perdana Menteri kita naik Malaysia Airlines. Naik jet sendiri, tidak perlu cakap tentang hal itu. Akhir sekali saya ingin menyatakan terima

kasih kepada Pimpinan Pakatan Rakyat, cap yang boleh dijamin bukan sekarang, bukan esok, seratus tahun kita akan membela nasib rakyat. Dulu, kini dan selamanya. Terima kasih saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya saya minta Ketua Pembangkang sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*. Salam sejahtera.

Pergi ke kedai di bulan puasa,
Balik ke rumah dua-dua bersama,
Ingatlah anda yang pegang kuasa,
Laksanakan amanah dengan saksama.

Asam kandis asam gelugor,
Bumi meluas tanaman menjalur,
Pulau Mutiara cukup termashyur,
Peliharalah supaya sentiasa makmur.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB. Dato' Speaker yang telah memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Pembentangan Usul Rang Undang-Undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2014 yang telah dibuat oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada 29 November yang lalu. Terima kasih juga kepada YB. Dato' Speaker kerana telah wakil saya, pihak-pihak media, terutamanya yang telah kena gam dulu telah dibenarkan membuat liputan sidang Dewan kali ini, tinggal satu (1) sahaja permohonan pihak-pihak media kepada Ahli Air Putih kalau buat sidang media tu hanya selama lima (5) minit harapnya dapat mengamalkan sikap yang terbuka membenarkan mereka membuat soalan, jadi ini permohonan pihak media. Terima kasih.

YB. Dato' Speaker, Bajet yang pertama yang dibentangkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk 2014 pertama selepas memenangi mandat untuk memerintah Negeri Pulau Pinang Penggal untuk Yang Kedua adalah bajet yang *people centric* ...(dengan izin) yang akan memenuhi saya harap, harapan dan jangkaan rakyat yang memberi kuasa kepada Kerajaan Pakatan Rakyat untuk memerintah. Sejak tahun 80-an lagi semasa Kerajaan Barisan Nasional meneraju pemerintahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang memang pun Pulau Pinang telah mencatatkan kegemilangan pembangunan sehingga berturut-turut pada tahun 80-an lebih 12% pertumbuhan yang telah membawa pembangunan yang pesat sehingga menjadikan Pulau Pinang terutama sekali Bandar Raya George Town ...(dengan izin) sejak sebelum 2008 lagi *the top ten most liveable city in the world* dan juga *the most liveable city in Malaysia*.

Jadi ini adalah pencapaian Negeri Pulau Pinang seperti gelongsor air yang telah meniti ombak, ombak besar pembangunan Negara Malaysia telah berjaya menerajui pemerintahan pentadbiran di bawah Barisan Nasional untuk mentadbir dan membawa kemajuan yang begitu besar kepada Negara kita dan membawa kemakmuran dan kesejahteraan untuk rakyat dan kita telah menikmati limpahan kemakmuran untuk Negeri Pulau Pinang. Jadi kita seharusnya bersyukur kerana telah dapat turut serta memperoleh kemakmuran di Pulau Mutiara ini. Analisa Bank Dunia dalam *doing business* 2014 menyatakan bahawa Malaysia disenaraikan sebagai Negara keenam daripada 189 buah Negara lain di dunia yang mempunyai kemudahan untuk menjalankan perniagaan dan pelaburan. Analisa data pada Jun 2012 iaitu setelah sedikit sahaja di belakang Singapura, Hong Kong, New Zealand, United States dan Denmark. Namun demikian, kita tidak boleh mendabik dada dan berpuas hati dengan apa yang telah dicapai selama ini, kerana harus dipertingkatkan dan segala kelemahan yang wujud dapat dibaiki dan diatasi supaya tidak berulang-ulang selepas ini.

Saya ingin menarik perhatian kepada Dewan bahawa kita seharusnya menilai kedudukan kita, di manakah kita sekarang, rakyat Negeri Pulau Pinang. Kita telah sampai tahap ini mempunyai 1.628 juta penduduk dan dari jumlah penduduk itu hampir seimbang kaum Bumiputera, Cina dan juga kaum India hampir 10% dan lain-lain. Yang harus diberi perhatian di sini ialah dari segi kemakmuran tadi, apa yang dinyatakan dalam pantun Ahli Kawasan Air Putih "segala rahmat dinikmati bersama". Bagaimanakah rahmat kemakmuran Negeri Pulau Pinang ini boleh dinikmati bersama oleh semua rakyat Negeri Pulau Pinang?

Saya ingin menarik perhatian kepada purata pendapatan kasar bulanan isi rumah mengikut status Malaysia daripada Jabatan Perangkaan Malaysia iaitu untuk Malaysia tahun 2012 purata adalah RM5,000 sebulan, tetapi terdapat perbezaan antara bandar dan luar bandar. Di bandar RM5,742, di luar bandar RM3,080, sudah terdapat jurang di antara pendapatan purata bulanan isi rumah di Malaysia. Di Pulau Pinang terdapat lompong iaitu purata pendapatan isi rumah RM5,055 tetapi bandar RM5,270, luar bandar RM3,970. Jadi di sini juga terdapat lompong yang luas antara bandar dan luar bandar dan di antara kaum, Bumiputera RM4,457, Cina RM6,366, India RM5,333. Jadi adalah tidak benar menyatakan bahawa nikmat kemakmuran dirasakan bersama kerana kalau kita lihat dari segi pendapatan kasar bulanan isi rumah, jumlah angka ini telah menunjukkan segala-segalanya keupayaan untuk menikmati kehidupan yang seimbang yang selesa.

Jadi perbezaan ini harus diberi perhatian dan pertimbangan antara kaum, antara bandar dan luar bandar dan tentu sekali *synonymous*. Kalau kata kaum Melayu Bumiputera yang berpendapatan terendah di Pulau Pinang yang tinggal di kawasan luar bandar adalah kumpulan yang perlu diberi perhatian. Jadi kalau Kerajaan Negeri dalam sesi perbahasan yang lepas menyatakan bahawa tidak ada agenda pembangunan Bumiputera untuk Pakatan Rakyat di Negeri Pulau Pinang, ini adalah satu perkara yang tidak harusnya berlaku ianya akan membawa masalah yang lebih besar di masa hadapan kerana jurang ini akan lebih membesar, lompong ini akan menjadi lebih mendalam dan ini akan membawa ketidakseimbangan, ketidaksaksamaan kepada rakyat Pulau Pinang untuk menikmati segala nikmat.

Saya beri contoh satu sahaja. Dari segi pelancongan misalannya, dalam penglibatan Bumiputera dalam sektor pelancongan adalah hampir 200 hotel yang dimiliki Bumiputera hanya lima (5), dari segi pemilikan komersial. Ini yang menunjukkan penglibatan dalam sektor perdagangan. Semuanya adalah cukup-cukup kecil dan ini adalah satu keadaan yang merumitkan pembangunan rakyat yang tidak membawa kepada kesejahteraan yang seimbang. Jadi di sini saya berharap pembangunan dan kemakmuran yang harus dinikmati bersama oleh semua rakyat haruslah diseimbangi dengan dasar yang lebih terancang yang lebih *affirmative*. Tidak ada silapnya atau kurangnya, bahkan sepatutnya dasar-dasar yang lebih *affirmative* dilaksanakan untuk mengurangkan jurang ini. Saya berharap masalah ini tidak akan menimbulkan masalah yang lebih besar kepada kumpulan-kumpulan tertentu di Negeri Pulau Pinang....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayera A/L Rajaji):

Yang Berhormat minta laluan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Bagi la saya habis dulu.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayera A/L Rajaji):

YB. minta laluan. Saya nak tanya pandangan YB. tentang cadangan oleh Timbalan Perdana Menteri membenarkan kemasukan lebih kurang 500,000 pekerja-pekerja Bangladesh. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa kelulusan yang diberikan itu secara tidak langsung akan memberi kesan mendadak kepada semua lapisan masyarakat. Tidak kira orang Melayu, orang India, orang Cina malahan orang Melayu yang paling akan banyak mengalami kesan-kesan tersebut kerana banyak kerja-kerja kontrak dan sebagainya ketika ini dipelopori oleh kontraktor Bumiputera, tetapi kita lihat banyak sejak kebelakangan ada kontraktor-kontraktor Bangla yang telah mengambil alih Ali Baba kontrak tersebut. Adakah Yang Berhormat setuju kelulusan tersebut akan merampas, merompak pendapatan orang-orang Melayu di Malaysia.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih Seri Delima, kita nak membangunkan Negara mungkin pengusaha-pengusaha di Malaysia menghadapi masalah dari segi pekerja-pekerja atau mendapat pekerja yang kurang mahir, yang tidak mahu diisi oleh penduduk tempatan, tetapi seharusnya apa jenis kerja pun patut diberi keutamaan kepada penduduk tempatan dan kenalah *employer* ataupun pengusaha-pengusaha ini memberi bukti bahawa mereka telah berusaha untuk mendapatkan pekerja-pekerja tempatan sebelum mereka memohon untuk mendapat pekerja-pekerja dari luar. Jadi saya tak mahu berdebat tentang isu ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tetapi kenyataan Yang Berhormat bahawa kita kurang mahir...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya belum beri laluan pun...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Minta izin dulu.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta izin Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat menuduh bahawa penduduk-penduduk di Malaysia, pekerja-pekerja di Malaysia terutamanya kontraktor Melayu ini kurang mahir. Itu adalah kenyataan Yang Berhormat tadi.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tidak cakap pun tentang kontraktor Melayu, jangan nak memasuk-masukkan perkara yang tidak ada kena mengena.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Janganlah marah, kita hendak berdebat, *you are the opposition head*. Kalau tidak boleh berdebat mengapa beremosi.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tak emosi.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jangan masuk pilihan raya la.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Orang Seri Delima yang tidak masuk pilihan raya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kalau berani kita berdebat di sini. Tak berani tak apa.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Sebab selalu pergi manapun di luar Dewan dan dalam Dewan suka menyakitkan hati orang.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya tak menyakitkan hati.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima cukup.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kalau berani kita berdebat di sini, tak berani tak apa.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya nak teruskan YB. Dato' Speaker tentang perkara yang berkaitan dengan Negeri Pulau Pinang. Kerancakkan pembangunan Negeri Pulau Pinang adalah datangnya juga dari suntikan peruntukan Kerajaan Pusat. Kita juga seharusnya berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang telah memperuntukkan sebanyak RM4.17 bilion kepada Kerajaan Negeri di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 untuk 159 projek, di mana sebanyak RM743 billion telah dibelanjakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk 44 projek yang telah pun siap di Negeri Pulau Pinang dan sekarang kos sebanyak RM1.79 juta billion diperuntukkan bagi 41 projek masih dalam pembinaan untuk pembangunan infrastruktur di Negeri Pulau Pinang. Ini bermakna Kerajaan Negeri tahun lepas membentangkan bajet sebanyak RM363 juta dan perbelanjaan untuk projek Persekutuan sekarang untuk tahun 2013 RM980 juta.

Timbalan Ketua Menteri I:

Saya minta laluan. YB. Ketua Pembangkang menyebut tentang banyak penduduk-penduduk tempatan yang kurang berminat. Boleh tunjukkan data statistik yang menunjukkan penduduk-penduduk tempatan kurang berminat.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya minta maaf kerana di sini saya tiada statistik tapi kita boleh dapatkan misalannya untuk pembantu rumah, orang tempatan tidak minat. Dia lebih suka kerja kilang misalannya. Dan servis-servis sektor yang lain, pembinaan dan sebagainya tiada, saya minta maaf...(gangguan).

Timbalan Ketua Menteri II:

Minta laluan, saya terpaksa tegur Ketua Pembangkang. Kenyataan ini, Ketua Pembangkang kata pekerja tempatan tidak berminat. Ini adalah satu kenyataan yang perlu dibuktikan. Ini sentiasa disebut oleh pemimpin-pemimpin dan ini memerlukan satu justifikasi untuk membawa pekerja asing. Apa justifikasi untuk membawa pekerja asing, beribu-ribu, 500 juta, 600 juta. Ini saya rasa ini jadi satu kekhuatiran rakyat Malaysia.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

600 juta apa.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

The figure.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

600 juta?

Timbalan Ketua Menteri II:

Maaf. 600 ribu.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya terkejut 600 juta.

Timbalan Ketua Menteri II:

600,000 pekerja asing, bukan juta, tapi saya rasa jumlah mungkin jutalah. Tetapi saya rasa kenyataan ini tidak berminat, satu aspek adalah majikan tempatan tidak bagi gaji yang besar. Ini memberikan satu justifikasi dan saya bimbang begitu ramai. Saya kira pekerja asing yang *legal* yang ada dokumen, yang tidak ada dokumen, saya rasa adalah 30% jumlah pekerja, apabila Ketua Pembangkang katakan ini tidak berminat saya minta maaf. Ini perlu satu justifikasi, satu penjelasan yang kukuh, kalau tidak saya rasa pekerja ini akan terus meningkat apatah lagi memandangkan pilihan raya yang akan datang.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih YB. Perai. Sekurang-kurangnya untuk kerja *maid* di rumah memang penduduk tempatan tidak minat dan ini membawa masalah. Kita pun tidak mahu ramai pekerja asing melimpah di kawasan kita, di Negara kita kerana mereka membawa banyak masalah kerana dulu malaria dah dihapuskan, sekarang dah balik semula, tibi dan sebagainya yang dibawa masuk oleh pekerja-pekerja asing. Walau bagaimanapun saya akan cuba dapatkan jawapan untuk soalan yang telah dibangkitkan tadi.

YB. Dato' Speaker, berbalik kepada projek pembangunan yang telah dibawa bermakna menyatakan bahawa Negeri Pulau Pinang dianaktirikan, Negeri Pulau Pinang tidak diberi perhatian dan sebagainya oleh Kerajaan Pusat adalah tidak betul, sebaliknya kalau dilihat jumlah peruntukan yang telah diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada semua Negeri-negeri di Malaysia, Pulau Pinang duduk di tempat yang cukup selesa mendapat jumlah peruntukan yang cukup besar untuk pembangunan-pembangunan infrastruktur dan kesejahteraan rakyat. Dan bayangkan untuk tahun 2013 sahaja, hampir RM1 bilion peruntukan untuk pembangunan diberikan dan ini tidak termasuk pembangunan mega projek seperti Empangan Mengkuang, Jambatan Kedua, Landasan Berkembar dan banyak lagi yang semua ini suntikan pelaburan yang membawa kepada *multiplier effect* ... (dengan izin), *economic spin off* yang membawa kepada pertumbuhan pembangunan yang begitu pesat di Pulau Pinang. Oleh sebab itu, Kerajaan Negeri seharusnya lah memberi kerjasama sepenuhnya untuk membantu menyelaras dan memudahkan pelaksanaan projek-projek ini dan bukan sebaliknya menyusahkan dan juga memberi masalah kepada ataupun menghindari daripada pelaksanaan projek-projek ini dilaksanakan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Bagi saya habiskan dulu. Tidak ada laluan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tapi jangan membuat tuduhan, kata kita....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tidak tuduh. Saya minta Kerajaan Negeri memberi kerjasama membantu menyelaraskan. Ada masalah yang timbul yang dapat diselesaikan. (gangguan). Saya tidak beri laluan. Sila duduk.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jangan buat tuduhan. Ada bukti, mana bukti kita bagi masalah.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Dato' Speaker, saya tidak bagi laluan. Sila duduk.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya kata jangan buat tuduhan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Jadi YB. Dato' Speaker, contoh misalannya ialah River of Life, Sungai Pinang. Kita tengok dah hitam dah. Tapi sekarang melalui peruntukan yang telah diberi dan Fasa Pertama telah disediakan peruntukan untuk ditempatkan semula setinggi-setinggi, tetapi walaupun peruntukan pampasan telah diberi, tetapi sehingga sekarang setinggi-setinggi tidak dapat dipindahkan. Ini akan memberi masalah kalau nak pohon peruntukan tambahan untuk meneruskan Fasa Kedua, Ketiga, kerana Fasa Pertama tidak dapat diselaraskan dengan sempurna. Bahkan selain daripada itu juga oleh kerana disebutkan tadi pendapatan penduduk Bumiputera yang tidak seimbang dengan bangsa-bangsa lain menyebabkan mereka tidak berupaya untuk membeli perumahan-perumahan yang mahal dan ini juga akan menyebabkan penghijrahan ke kawasan-kawasan yang...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Minta laluan. YB. Telok Ayer Tawar tadi ada dua (2) perkara Yang Berhormat nyatakan. Satu (1) ialah Yang Berhormat kata hendak kerjasama daripada pihak Kerajaan Negeri untuk dapat kita melaksanakan program-program. Saya nak tanya Yang Berhormat untuk menjawab bagi Kerajaan Pusat sekarang ini, kalau kita hendak minta kerjasama daripada Kerajaan Negeri, dan *in fact* saya setuju dan saya merujuk kepada kenyataan Y.A.B. Perdana Menteri dalam sidang UMNO yang lalu dia kata kita mesti buat *reconciliation* dan mengulangi pendirian beliau perlu ada *reconciliation*. Dalam pada ini saya setuju perlu ada *reconciliation* dan pada ini berkenaan satu usaha ada satu tabung di peringkat Kerajaan Pusat iaitu Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia. Saya percaya YB. Telok Ayer Tawar tahu berkenaan tabung tersebut. Di mana tabung tersebut untuk tujuan penyelenggaraan projek-projek perumahan iaitu penyelenggaraan masalah kritikal dan apa yang akan berlaku untuk rumah-rumah kos rendah, 90% akan diberi oleh Kerajaan Pusat manakala projek perumahan kos sederhana rendah 70% dan untuk keseluruhan Malaysia baki tersebut perlu di *top up* oleh badan pengurus projek perumahan tersebut kecuali di dua (2) negeri iaitu di Pulau Pinang dan di Selangor, Negeri Pakatan Rakyat di mana Kerajaan Negeri mempunyai tabung dia sendiri untuk membiayai atau *top up* pembiayaan tersebut. 10% or 30% respectively sama ada kos rendah atau kos sederhana rendah.

Saya nak tanya YB. Telok Ayer Tawar tahu atau tidak di Pulau Pinang setakat ini di bahagian Pulau dan Seberang di kedua-dua tempat, 119 permohonan telah dibuat kepada Kerajaan Pusat untuk mendapat dana daripada TP1Malaysia ini. 119. Dan setakat ini tahu atau tidak kalau kita nak bincang tentang kerjasama, tahu atau tidak setakat ini cuma tiga projek sahaja yang diluluskan oleh Kerajaan Pusat. Setakat ini *only three projects*. Ini adalah jawapan yang saya dapat. Setakat ini jawapan yang saya dapat daripada PBT-PBT berkenaan. So kalau nak bekerjasama masalah kritikal

di projek-projek perumahan, kita dah buat permohonan 119 sehingga kini langsung tidak diluluskan. Kita sedia tabung yang dikenali dengan Tabung HAPPY 50 juta kita sedia *top up*. Badan pengurusan tidak perlu. Kita sedia *that is the first issue*. Saya nak tanya tetang kerjasama yang dinyatakan.

Nombor 2 saya nak *clarify* dan memberi penjelasan. Saya ingat YB. Dato' Speaker pun tahu mungkin begitu *interested* dalam soalan ini kerana ia melibatkan Sungai Pinang. Saya tahu rakan saya dari Padang Kota akan beri ulasan secara terperinci. Saya nak *clarify* di sini perkara yang saya rasa langsung tidak betul yang dinyatakan oleh Telok Ayer Tawar. Saya bercakap selaku ADUN Datok Keramat, bukan sebagai EXCO untuk perkara lain, ini merupakan Sungai Pinang dalam kawasan saya. Macam mana Telok Ayer Tawar boleh kata kita tidak buat apa-apa untuk menempatkan semula setinggan.

Saya nak bagi tahu Dewan ini, Dato' Speaker sendiri tahu, dulu EXCO yang menerajui JPS kawasan berkenaan sungai, saya nak jelaskan di sini bahawa projek rancangan tebatan banjir Sungai Pinang adalah satu daripada 23 projek Rancangan Tebatan Banjir yang wujud di keseluruhan Negara Malaysia. No 2 ia adalah yang terbesar, *it is the biggest Flood Mitigation Project ...*(dengan izin), *in the whole of* Malaysia dan ia merangkumi empat fasa. Fasa 1, Fasa 2, 3 dan 4. Fasa 2 yang terbesar kerana ia yang akan merentasi kawasan bahagian dalam Pulau, *the inner part of* George Town dan akan dapat mengatasi masalah banjir yang berlaku dalam bandar. *Epecially* kawasan Counter Hall dan Jalan P. Ramlee, kita semua tahu tentang isu ini. Saya nak bagi tahu Dewan ini Fasa 1 siap pada tahun 1999, iaitu dari muara sehingga kawasan Jelutong dekat Toyota. Fasa 2 yang terbesar saya sentuh apa Dato' kata kerana ini fakta mesti betul, Fasa 2 ialah penempatan semula setinggan di kawasan tebing sungai. Keseluruhannya, 223 orang melibatkan 100 *structure*. Saya tahu tentang perkara ini kerana kita mesti menangani tiap-tiap penduduk ini.

Apabila kita mengambil alih pimpinan pada 2008, YB. Dato' Speaker sendiri tahu Fasa 2 telah di *abandoned*, telah tidak diteruskan sejak 1999 kerana apa, kerana Barisan Nasional takut sensitiviti penempatan semula setinggan tersebut. Kita terpaksa mula pada 2008 *after a gap of nearly 9 years*(dengan izin) *of no action*. Kita mula dengan ada jawatankuasa kecil untuk penempatan semula setinggan. Dan sehingga sekarang *we have to do it and*, sehingga saya boleh kata lebih 70% kita telah tempatkan semula dan kita harap YB. Padang Kota akan beri butir-butir nanti. Kita harap *by the middle of next year...*(dengan izin) semua penempatan boleh berlaku. Adalah tidak adil, Telok Ayer Tawar *just* tidak adil tadi untuk kata kita tidak buat apa-apa saja untuk penempatan setinggan. Mengapa boleh kata begitu, saya harap Dato' dapat klarifikasi itu tidak betul. Itu satu fakta yang tidak betul...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Barisan Nasional yang tidak buat apa-apa. Kita yang buat. Kita dalam proses buat. Dalam penggal pertama dan dalam penggal kedua ini kita akan selesaikan isu ini, saya harap fakta mesti tepat, betul.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ini bukan menggulung lagi. Boleh gulung tambah lagi. Jadi terima kasih Datok Keramat. Saya tidak kata Kerajaan Negeri tidak buat apa-apa. Saya kata Kerajaan Negeri seharusnya memberi kerjasama tolong jangan *put words into my mouth ...* (dengan izin).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Tolong *check the hansard*. *You are...*(gangguan). Memang Telok Ayer Tawar kata tadi...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Let's not debate over that okay. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Telok Ayer Tawar teruskan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Seri Delima tolong tutup mulut. Jangan dok kata sandiwaralah, bodohlah. Perkataan-perkataan itu *very unparliamentary* sebagai seorang Ahli Dewan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Telok Ayer Tawar mahu saya jawab.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tak payah.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tak berani tak apa. Sandiwara dulu kini dan selama-lamanya.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ayer Tawar teruskan dengan perbahasan. Ahli-ahli Yang Berhormat lain jangan ganggu Ahli-ahli yang sedang berucap. Sila.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih YB. Dato' Speaker saya rasa kita semua bertanggungjawab untuk memelihara martabat Dewan ini, kita ni bukan sarkas dalam ini, tapi ada yang berbentuk sarkas di sini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat yang jadikan sarkas.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima duduk, teguran, sekali lagi...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Telok Ayer Tawar menjadikannya sarkas, tipu.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila ikut peraturan-peraturan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Apa yang saya tipu? YB. Dato' Speaker suruh Seri Delima tarik balik kata saya tipu. Bila yang saya tipu? Tarik balik. YB. Dato' Speaker saya minta dia tarik balik.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima, saya beri teguran tadilah, yang Telok Ayer Tawar pun saya bagi peluang untuk buat penjelasan, jadi saya rasa tidak perlu timbulkan perkataan-perkataan yang tidak sopan dalam Dewan ini, saya memberi teguran kepada semua dan satu nasihat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada dalam Dewan ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya tarik balik YB. Dato' Speaker, tipu kata cakap tak benar. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jangan ganggu Ahli-ahli Yang Berhormat yang sedang berucap. Silakan Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya harap tambahan masa dapat diberi kerana apa ini banyak gangguan. Berbalik kepada proses pembangunan tadi Kerajaan Negeri juga perlu menyediakan suasana yang mesra kepada pelabur-pelabur. Saya dimaklumkan bahawa ada penapisan yang dibuat di peringkat Negeri untuk projek-projek yang dilaksanakan di mana perlu mendapat *green light*...(dengan izin) lampu hijau oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di kawasan berkenaan bukan kawasan

Barisan untuk pelaksanaan projek-projek ini. Jadi ini adalah satu amalan yang tidak sihat kerana bila kena dapatkan persetujuan kebenaran, lampu hijau daripada Ahli Parlimen dan ADUN-ADUN PKR di kawasan-kawasan berkenaan ini menyebabkan adanya berlaku ataupun mengundang....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Peraturan-peraturan. Tolong duduk Yang Berhormat Telok Ayer Tawar.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima peraturan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Peraturan 46 (xiii) seseorang Ahli itu mestilah jangan menuduh seseorang Ahli yang lain mempunyai niat yang tidak baik mendakwa seorang Ahli yang lain itu atas sesuatu perkara yang bersangkutan dengan diri sendirinya menggunakan perkataan-perkataan yang menyakitkan hati saya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Seri Delima pemajukah?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat jangan buat tuduhan bahawa perlu dapat, sila duduk Telok Ayer Tawar, kenyataan Yang Berhormat Telok Ayer Tawar perlu mendapat *green light* daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum projek itu dilaksanakan adalah sesuatu yang begitu serius. Mungkin diamalkan masa Barisan Nasional bukan sekarang. Saya minta kenyataan itu ditarik balik. *That is a serious allegation* YB. Dato' Speaker, tidak pernah diamalkan. Semua pelantikan dibuat oleh pejabat *district office* melalui cabutan-cabutan, tender-tender dan sebagainya, tidak pernah dibuat melalui apa-apa kelulusan daripada Yang Berhormat ataupun *green light* daripada Yang Berhormat, *serious allegation*, menyakitkan hati saya. Mohon ditarik balik.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima saya akan uruskan. Telok Ayer Tawar saya minta bahawa kalau boleh bagi justifikasi terhadap dakwaan yang dikemukakan, kalau tak ada saya minta supaya dakwaan itu boleh ditarik balik.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya akan buktikan dan justifikasikan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya cabar dibuktikan sekarang.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Dato' Speaker ada Ahli Dewan di sini yang sengaja nak sakitkan hati dan sengaja nak mengganggu Dewan...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat telah membuat tuduhan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya belum habis cakap...(gangguan) sampai tak boleh nak cakap apa, semuanya nak dihalang.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tanpa bukti.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima saya sudah urus peraturan yang telah dibangkitkan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tak boleh benarkan kenyataan itu masih dalam hansard. Saya minta buktikan sekarang. Mana ada, menuduh semua kita mempengaruhi kerja-kerja kontrak di kawasan kita?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tak kata kontrak pun. Mana ada dalam hansard saya kata kontrak?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya cabar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya kata pembangunan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima, jelaslah peraturan telah pun dikeluarkan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat jangan buat kenyataan itu.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya telah pun minta bahawa Telok Ayer Tawar supaya memberi penjelasan atau justifikasi terhadap dakwaan tersebut kalau tak ada sila tarik balik dan itu adalah apa yang saya sebut tadi so saya minta Ketua Pembangkang minta berilah justifikasi terhadap dakwaan tersebut kalau tak ada saya minta Telok Ayer Tawar supaya tarik baliklah. Itu satu dakwaan yang tidak bagus dan tidak sihat dalam perbahasan. Sila Ketua Pembangkang.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Banyak sangat gangguan YB. Dato' Speaker sampai saya dah *disoriented*.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Spesifik kepada tadi.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Jadi YB. Dato' Speaker saya mintalah YB. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya mintalah Yang Berhormat tarik balik. Tarik balik kenyataan itu seorang peguam.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya sedang urus, saya sedang urus.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat seorang peguam. *Conduct yourself with honour*, kalau ada bukti kemukakan buktikan sekarang.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tak fahamkah proses yang sedang dilalui.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tarik balik kenyataan itu.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sabarlah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kalau nak berucap bangun.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima saya sudah buat. Seri Delima sila duduk saya sudah urus, saya sedang menunggu, tak boleh sabar sikit. Ketua Pembangkang ikut apa yang telah saya nyatakan tadi.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Agaknya memang dah diberi arahan untuk sengaja-sengaja mengganggu sampai....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat tarik balik, tolonglah tarik balik kenyataan itu. Janganlah buat tuduhan begitu.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Sampai Ketua Pembangkang nak bercakap apa pun tak boleh. Inikah caranya berdemokratik di dalam Dewan ini?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Itu adalah satu pertuduhan. Sila tarik balik.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima sila duduk.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tuduh mengatakan...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tutup mulut itu.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya sedang uruskan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tarik balik Yang Berhormat, tarik balik.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kalau tak ada saya akan uruskan dengan lebih tegas. Sila duduk, Seri Delima sila duduk. Saya telah minta Ketua Pembangkang supaya ikut apa yang saya sebut tadi saya sedang tunggu respon. Kalau tak ada saya akan buat ketetapan. Sila duduk. Ketua Pembangkang ikut apa yang saya sebutkan tadi kalau dakwaan itu tidak tepat dan tidak berasas dan tidak boleh diberikan justifikasi sila tarik balik.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Dato' Speaker saya ingin merujuk kepada jawapan yang telah diberi oleh Ahli Kawasan Datok Keramat kepada soalan saya.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ketua Pembangkang, dakwaan kata perlu mendapat *green light* daripada Ahli Parlimen ataupun Ahli Kawasan projek sebelum dilaksanakan sila jawab.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kerana YB. Dato' Speaker sekarang ini saya tak boleh memberi maklumat terperinci untuk menenangkan suasana supaya tidak menghindar membantutkan ucapan saya ini saya tarik baliklah.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Sila teruskan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Berkenaan dengan pembangunan perumahan, Negeri Pulau Pinang sejak sepuluh tahun telah melihat kenaikan harga rumah sekali ganda dah 200% terutama sekali permintaan tinggi di tempat-tempat yang tertentu seperti di daerah Timur Laut, Seberang Perai Tengah di mana terdapat kepadatan penduduk yang tinggi dan juga permintaan yang tinggi. Kita berharap pembangunan rumah-rumah kos rendah dan sederhana rendah ini dapat dilaksanakan dengan segera seperti yang telah dilaporkan dan dimaklumkan di dalam ucapan pembentangan bajet yang lepas dan juga kenyataan-kenyataan akhbar yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri tentang pembinaan rumah-rumah ini.

Saya dengan ini tarik perhatian kepada penduduk Rumah Hijau di Mak Mandin seramai 70 keluarga yang tinggal di kawasan itu kawasan apa Parlimen Bagan Kawasan Air Putih. Masalah ini penduduk-penduduk di Rumah Hijau dah tinggal di situ seramai 70 keluarga sekarang selama 45 tahun dan mereka memang cukup terdesak ramai yang dah berpindah ke Ampang Jajar kerana sebab-sebab terlalu tertekan dengan kehidupan di situ dan perlu diberi pembelaan. Saya dimaklumkan di sini akan dibina 250 buah rumah di Mak Mandin. Adalah diharapkan keutamaan dapat diberi kepada penduduk-penduduk yang sedang menderita di kawasan Rumah Hijau Mak Mandin ini untuk dipindahkan rumah itu dibina dengan segera dan dipindahkan dan diperuntukkan rumah percuma kepada mereka, sayangnya di sini sebelum pilihan

raya yang lalu tahun 2008 semasa Timbalan Perdana Menteri melawat kawasan itu, sejumlah RM11 juta telah pun diperuntukkan oleh Kerajaan Pusat untuk membina rumah. Sejurus selepas itu Ketua Menteri telah mengumumkan akan mencari tapak untuk kawasan itu dan ini telah diumumkan dan keluar dalam surat khabar pun, saya tak bawa keratan akhbar itu dan sehingga sekarang masalah tak dapat diselesaikan, Jadi saya rasa sebagai Ahli Parlimen kawasan itu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta laluan. Nombor satu saya amat kecewa bahawa Ahli Yang Berhormat Telok Ayer Tawar *simple mathematics* dia tak tahu kira, tahun ini ada 2013 dan mereka pindah pada tahun 1972 hanya 41 tahun di sini dia lagi nak putar belit Dewan kata 45 tahun. Sepanjang saya pengetahuan saya Rumah Hijau adalah *transfer houses* sahaja di mana pada masa itu ada Alliance dan selepas itu Barisan Nasional telah janji bahawa nak bagi dia rumah kos rendah. Di Dewan yang mulia ini begitu bangga dan saya telah dicabar bila saya duduk di kerusi sana, saya mengatakan hanya pampasan habis tinggi RM25,000 dan pada masa itu MCA melalui ADUN Bagan Jermal kata ribuan terima kasih kepada Barisan Nasional kerana nak bayar RM25,000, RM25,000 itu cukup munasabah. Barisan Nasional. Akan tetapi siapa yang pi janji kosong di sana? UMNO yang tulis surat pada mereka kata sini tempat nak kekalkan, saya faham di politik di antara Barisan Nasional, siapa nak dapat projek ini siapa nak dapat projek itu tetapi tidak terlibat dengan DAP. Saya nak kata di sini YB. Dato' Speaker di sini Ahli Yang Berhormat daripada Telok Ayer Tawar sebagai seorang Ketua Pembangkang dan ada satu (1) ADUN yang begitu berpengalaman dalam di sini adalah 304 unit rumah yang dibina di Ampang Jajar untuk kesemua di sana. Siapa yang rancang? Barisan Nasional yang rancang pada itu. Siapa yang sabotaj projek itu, UMNO. Siapa yang buat, Barisan Nasional, *You are one big family, you sabotaj the whole project*. Oleh yang demikian 75 rumah itu tidak dapat dipindah, *why could happen* kemungkinannya *personal interest* terlibat di sanai. Nak bukti? Kalau ada bukti macam mana? Saya anak di Mak Mandin, Rumah Hijau saya tahu, saya bila ucap di sana saya bagi sejarah, Rumah Hitam untuk orang Melayu, Rumah Biru untuk orang Hindu, Rumah Hijau untuk orang Cina, masa itu anda ada duduk di sini. Yang Berhormat ada duduk di sini, gelak sama saya, mahu bukti? Kalau ada bukti macam mana? Cakap? Kalau ada bukti macam mana?

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Dato' Speaker Rumah Hijau itu bercampur penduduk di situ bukan Cina sahaja.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya sudah kata Rumah Hitam, Rumah Biru, Rumah Hijau kerana pentadbiran Barisan Nasional adalah untuk mengasingkan semua kaum, Rumah Hijau untuk Cina, Rumah Biru untuk orang Hindu, Rumah Hitam untuk orang Melayu, saya ada bukti mahu tak?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Dato' Speaker, boleh saya mahu sambung.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Bukan di sini Ahli Yang Berhormat mesti berhormat jangan cakap yang tak benar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Selepas ini kita pergi melawat tengok penduduk di situ YB. Sungai Puyu memang ariflah kawasan itu kawasan Bagan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Memang saya arif, saya memang lebih arif daripada Ahli Yang Berhormat di sini.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Di sini *hand in hand go and visit*....(dengan izin).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

YB. Dato' Speaker, saya tak mau *hand in hand*, nanti kotor saya punya tangan, saya tak mau *hand in hand*.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, YB. Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ini kenyataan yang menghinakan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dia tak sebut nama. Bagan Jermal.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Terima kasih YB. Telok Ayer Tawar. Sedarkah Yang Berhormat, masalah ini adalah warisan dari pemerintah dahulu. Saya pun kena bagi jawab sikit kerana saya sebagai ADUN tempatan, Yang Berhormat memberi perhatian kepada mereka tetapi

saya pun kena memberi balas kepada tuduhan itu juga. Sebuah rumah pangsa telah di bina di Ampang Jajar 320 unit. Cuma sekarang hanya ada setengah saja mendiami kawasan itu saja. Baki 70 unit itu, adalah orang-orang yang enggan berpindah. Mereka meminta supaya rumah pangsa kos rendah dibina di atas tapak yang asal. Tetapi ini tidak diambil timbang oleh Barisan Nasional pada masa dahulu. Jadi masalah ini berlanjutan sehingga hari ini. Dan kita ada mencari satu jalan keluar supaya kita....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya tak paham. Jadi bila-bila.. (gangguan)

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Saya buat ringkas saja. Saya buat satu rancangan supaya satu blok yang lebih *low density* dibina di sana. Itu saja. Tunggulah masa. Kita sedang menunggu peruntukan dari Kerajaan Pusat untuk merealisasikan rancangan kita ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya minta kalau dua-dua ADUN dari Bagan yang tahu tentang isu ini kita lepaskan YB. Ketua Pembangkang kerana dia tidak tahu isu ini, ini pun bukan kawasan dia, nanti lebih cakap nanti Yang Berhormat Ketua Pembangkang lagi kena teruk kerana isu ini saya rasa tak rugi sama kita, untung sama kita kerana kalau kita bincang lebih lagi isu ini yang kena teruk ialah Barisan Nasional. Kerana ini ialah angkara Barisan Nasional. So, biar kita lepas, biar Ketua Pembangkang teruskan ucapan kerana saya nak dengar hujah-hujah lain. Isu ini saya ingat YB. Ketua Pembangkang akan rugi.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih. YB. Dato' Speaker, saya hanya mengutarakan permohonan mereka untuk disegerakan, walaupun peruntukan dulu telah diberi saya pun tak tahu macam mana kalau boleh didapati semula RM11 juta peruntukan yang telah di umumkan oleh Timbalan Perdana Menteri.

YB. Dato' Speaker saya ingin menarik perhatian tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh pengerai-pengerai dan peniaga-peniaga terutama sekali kaum Bumiputera dan merujuk kepada keratan akhbar 5 Disember 2013 berkenaan dengan dua (2) pengusaha Mohd Sabri Mad Said dan ibunya Ramlah Ahmad dan Mohd Fairus Saad yang telah diusir dan gerai mereka dirobohkan oleh MPPP walaupun mereka telah pun berniaga di situ selama 20 tahun tanpa diberi notis. Jadi ini ialah satu klasik kes yang mana pengusiran, perobohan yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Di samping itu, saya ingin menarik perhatian Dewan kepada jawapan bertulis oleh YB. Padang Kota yang menjawab bagi pihak Ketua Menteri berkenaan dengan soalan saya restoran-restoran makanan laut yang telah timbul, wujud selepas siap PORR di Butterworth itu yang telah dibina di tanah kerajaan tanpa kebenaran yang telah wujud tak macam gerai tadi 20 tahun. Ini baru 10 tahun saya ingat. Empat (4)

kedai ini dah ada dan hanya di kompaun. Empat kali kompaun tahun 2010, 2011, 2012, 2013. Setahun sekali kompaun. Peniaga-peniaga ini, yang semuanya berbangsa Cina dapat terus berniaga di kompaun setahun sekali sahaja. Dan selepas saya bertanya soalan Lobster Village itu....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya nak minta dia tarik balik kerana ini unsur-unsur kata bahawanya nak bagi satu gambaran seolah-olah MPPP, MPSP ambil tindakan terhadap orang Melayu saja orang Cina dia tak buat. Ini ada cukup sensitif. Minta...(gangguan) minta tarik balik.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Gerai ini tidak diroboh pun hanya dikenakan kompaun setahun sekali dan dibenarkan untuk terus berniaga...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Kalau kata...(gangguan). Minta tarik balik.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Gerai Melayu ini sudah 20 tahun berniaga terus pergi roboh saja. Ini fakta, ini fakta...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Kalau kata restoran tidak diroboh itu lain cerita. Di sini cuba memberi gambaran yang orang Melayu, orang Cina....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Apa impression, apa pandangan rakyat.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta dia tarik balik.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya akan urus. Duduk. Duduk. Duduk. Saya akan uruskan. YB. Telok Ayer Tawar sila beri penjelasan terhadap dakwaan ini. Kalau tidak itu adalah tidak sihat, sila beri penjelasan yang lebih terhadap dakwaan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya rujuk kepada jawapan. Jawapan bertulis oleh YB. Padang Kota.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Jawapan ada tulis Melayu tak?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ini faktanya.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Jawapannya ada tulis Melayu tak?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Bukan Melayu ini restoran *seafood*, *Lobster Village*, *restaurant northern coastal seafood*.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Tarik balik.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kedai makanan Ah Chong.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Tarik balik.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Apa silapnya.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Silapnya jawapan tidak tulis Melayu atau Cina, *you* sendiri yang taruh. Tarik balik.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Puyu cukup, duduk dulu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Cukuplah, sudah berapa tahun. 36 tahun cukup bagus.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kalau tidak ada diskriminasi.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Apa yang diskriminasi. UMNO yang diskriminasi.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

PKR pun kata....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Tarik balik.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Semua duduk. Semua duduk. Matikan *mic* dulu. Saya minta Ketua Pembangkang atas apa yang dinyatakan tadi telah pun menimbulkan perasaan yang tidak senang. Tetapi saya telah minta Ketua Pembangkang supaya buat penjelasan atas apa yang telah dinyatakan, kalau tak ada ini adalah satu yang tidak sihat. Ini adalah satu yang perlu di *seriously*.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya nak. YB. Dato' Speaker saya nak penjelasannya.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Penjelasan yang lebih, kalau tak ada, ini adalah satu teguran, tidak bagus.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Jawapannya tertulis di sini, tiga (3) restoran masakan makanan laut di kawasan pantai Bagan Ajam ini terus wujud berkembang, membesar, tidak ada kawalan. Kalau nak bagi terus beroperasi pun buatlah proses pemutihan. Bagilah kalau nak bagi.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Cuma saya hendak jelaskan di sini, saya akan tanya, sila duduk... (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tidak pasti sama ada mereka ada lesen atau tidak.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya akan urus sila duduk.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Kami tak terima kerana dia kata jawapan, jawapan dibaca kata Melayu dia cakap Cina, tunjuk jawapan itu mana ada tulis Cina atau Melayu. ...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tak payah tulislah. Pergi tengok kedai itu, kedai siapa.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Jangan cakap macam ini. 56 tahun sudah cukup.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tak payah tulis. Ini bukti nyata di depan mata.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli Sungai Puyu duduk, saya sudah...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Bukan. Saya minta dia tarik balik kerana Pulau Pinang kami tak cakap pasal bangsa, agama atau kepentingan politik, tarik balik.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Puyu, saya akan, ada nak jelas lagi. ..(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Dato' Speaker, kedai makanan Ah Chong. Saya hendak perbetulkan lagi, memang nama Cina. Apa silapnya?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, tapi penguatkuasaan tindakan saman. Penguatkuasaan atas dasar perkauman.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Jadi saya tidak boleh sebut nama Ah Chong.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Di sana tidak tulis. Itu nama kedai.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Roslan Bin Saidin):

YB. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Itu nama kedai.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Okey nama Muhamad.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Sungai Puyu sila duduk, YB. Jawi pun sila duduk, Ketua Pembangkang. Saya dalam Dewan yang mulia ini saya nak minta jelas, adakah ketua pembangkang tadi, telah pun menyatakan bahawa kedai-kedai itu adalah punya Cina, tetapi saya nak minta sila jelaskan bagi jawapan yang jelas adakah Ketua Pembangkang tadi berniat bahawa anda nak menyatakan PBT, Pihak Berkuasa Tempatan hanya menguatkuasa terhadap gerai-gerai Melayu sahaja? Saya nak jawapan yang jelas sahaja dan isu ini saya akan hentikan di sini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tak kata PBT mengambil tindakan hanya kepada orang Melayu. Kalau ada *impression* macam itu, saya minta maaf kerana kita minta supaya berlaku keadilan bukan baru berniaga sehari, dua (2) hari, dah dua puluh (20) tahun. Kemudian perlulah dilihat. Kalau nak ambil tindakan, ambil tindakan ke atas semua. Kenapa pilih-pilih?

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

YB. Dato' Speaker, minta laluan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jawi Duduk, Seri Delima duduk. Saya sudah dapat jawapan dan penjelasan yang jelas dari Ketua Pembangkang di mana kalau Ketua Pembangkang sudah nyata kalau dia telah mendatangkan *impression* itu Ketua Pembangkang sudah minta maaf. So, yang lain tidak perlu lagi membawa isu-isu yang tidak sabit menyabit. Saya minta Ketua Pembangkang juga tolong *straight to the point* jangan pergi ke jalan tepi-tepi.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya nak tarik perhatian Dewan kepada satu perkara yang menarik di sini. Iaitu adanya satu pulau di Pulau Pinang ini yang dah diberi nama baru. *Mazu Island* dan *Mazu Island* ini adalah nama baru. Dan sebenarnya *Mazu Island* ini adalah Pulau Jerejak. Yang mana telah diberi nama baru oleh seorang pengusaha yang mempromosikan dalam bentuk pelancongan yang telah

di bina, ini gambarnya....(tunjuk gambar). Sebuah tokong besar di Mazu Island semua tanpa kebenaran. Saya agaknya. Dan juga merupakan seorang kawan baik kawan kita. Ini gambar yang keluar dan.... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Gambar siapa, gambar siapa, tak dapat lihat YB. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kalau nak tengok nanti saya bagi.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, kalau gambar itu merujuk kepada Y.A.B. Ketua Menteri saya ingat ia satu tuduhan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ini tak tuduhlah, ini fakta dan bangunan yang dulunya menempatkan Pusat Pemulihan Kusta telah diambil alih dan dijadikan kuil. Tokong *sorry*. Di dalamnya ada tokong-tokong. Selain daripada itu, juga mendapat restu Ahli Batu Maung, dan ramai lagilah. Betulkan yang jaga Agama Islam kemudian pergi bagi sumbangan kepada mereka. Jadi Ahli Pantai Jerejak tolong ambil, kita semualah tolong ambil perhatian. Jadi ini mengundang *impression* yang saya sebut tadi ...(dengan izin). Apa dah jadi? Apa dah jadi dengan Pulau Jerejak? Saya *contact* UDA kerana UDA adalah pemegang saham besar Jerejak Island Resort. UDA terkejut. Tak tahu pun yang bangunan ini telah ditukar syarat ke, apa ke dan dijadikan tokong, besar pula itu tokongnya di kawasan itu. Ini kerana kita rapat, kita kenal, tak bermakna kita boleh buat sesuka hati.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato Speaker, itu sudah-sudah melampau. Itu sudah melampau. (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya kata ini *impression* yang dibuat.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Itu menuduh.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Sampai Ketua Pembangkang tak boleh cakap apa pun sampai nak tutup mulut saya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ini adalah cara yang telah tidak menidakkan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker peraturan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Demokrasi dalam Dewan ini....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker saya bangkitkan peraturan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima saya hendak dengar peraturan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dalam ucapan tadi YB. Telok Ayer Tawar telah mencadangkan (46) (xiii). Ya, menuduh seolah-olah Kerajaan Negeri telah memberikan kelulusan semata-mata kerana demokrasi....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tidak tuduh....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya akan urus dengan adil. Sila duduk. Seri Delima habiskan peraturan dengan hujah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, saya minta supaya kenyataan-kenyataan yang tidak elok itu ditarik balik. Seolah-olah kelulusan itu diberi kerana orang itu mengenali Ketua Menteri. Jangan buat tuduhan begitu. Itulah maksudnya tadi seluruh Dewan dengar.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey. Saya akan uruskan. Untuk kali ini. Sila YB. Telok Ayer Tawar sila teruskan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tapi YB. Dato' Speaker kenyataan ini tak boleh dibenarkan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Apa kenyataan yang tak boleh dibenarkan, ini fakta, fakta....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Fakta apa?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ini fakta semua orang boleh tengok..(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Di mana Yang Berhormat dapat gambar itu.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Semua boleh tengok dalam *website* pun.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Mana ada bukti bahawa Ketua Menteri telah memberi kelulusan...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tak katapun Y.A.B Ketua Menteri beri kelulusan...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Itulah persepsi tadi yang diberikan oleh Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Macam mana benda itu boleh wujud...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tak boleh Yang Berhormat. Tarik balik Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Macam mana tokong itu boleh naik kalau tak ada yang...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey,Seri Delima sila duduk.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Itu adalah isu yang tidak ada asas langsung.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Izinkan saya Dato' Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila duduk, saya sudah urus untuk perkara ini, saya tak dengar apa-apa tuduhan terhadap Y.A.B. Ketua Menteri yang perlu dipandang serius...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dato' Speaker, saya ulangi kenyataan, saya minta YB. Dato' Speaker, *please ruling*, saya minta *ruling* kenyataan YB. Dato' Speaker, kenyataan YB. Telok Ayer Tawar janganlah kalau kita kenal seseorang itu benarkan orang itu buat sesuka hati, tak boleh, itu menuduh Y.A.B. Ketua Menteri telah memberi kebenaran, kelulusan untuk pembinaan itu dibuat...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tengok gambar ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Gambar apa itu?...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Gambar Y.A.B. Lim Guan Eng....(gangguan), Penang Goldens of The Sea, Mazu of Temple Penang Island...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Seri Delima duduk dulu...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat tak boleh buat tuduhan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tak tuduh.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tarik balik. Tak boleh.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dokumen, duduk dulu, YB. Seri Delima pun duduk, semua duduk. Kalau apa yang telah dihujahkan oleh Ketua Pembangkang tadi ini semua boleh nanti nanti dijawab oleh Yang Amat Berhormat atau pun EXCO-EXCO yang berkenaan tetapi dalam hujah tadi saya tidak mendengar apa-apa tuduhan khas terhadap sesiapa itu. Sila YB. Telok Ayer Tawar masa tidak cukup saya minta teruskan...(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

YB. Dato' Speaker dan Ketua Pembangkang saya nak tanya soalan kepada Ketua Pembangkang. Tadi Ketua Pembangkang tunjukkan gambar yang dimana Ketua Menteri *shake hand*, itu gambar. Apakah maksud persepsi untuk gambar tersebut, sila jelaskan, sila jelaskan. Saya minta YB. Telok Ayer Tawar sila jelaskan. Apakah motif tunjukkan gambar ini, gambar ini bermaksud apa, ada perkataan apa ke? Atau di mana, bila ambil gambar itu apakah gambar itu, *thank you*.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Gambar itu dimuat turun dari *website*, Mazu Island ini ada persatuan dia. Saya boleh bagi pada Ahli Yang Berhormat nanti, ya...(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

YB. Dato' Speaker, saya minta YB. Telok Ayer Tawar memberi penjelasan untuk gambar itu di mana ...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Nak tengok lagi gambar itu...(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Saya bukan nak tengok gambar itu, saya nak dengar penjelasan mengapa Ketua Pembangkang tunjukkan dan tunjuk gambar itu di Dewan ini, adalah untuk apa? Apa motif, itu membuktikan apa, kita kena faham...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila beri penjelasan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Saya sebagai wakil rakyat, saya ingin minta YB. Telok Ayer Tawar memberi penjelasan...(gangguan), saya nak beri penjelasan kerana ini jadi tuduhan lagi, ini

nanti jadi satu *impression* yang salah lagi kerana YB. Telok Ayer Tawar persepsi sekarang menganggap sekarang 'oh' ini ini Cinalah, India-lah. Kita tak mahu isu-isu ini berlaku, isu-isu doktor yang *racist* yang masih belum selesai. Saya tak mahu isu ini berlaku, saya minta YB. Telok Ayer Tawar memberi penjelasan gambar yang ditunjuk ini tadi tujuan untuk apa. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Okey, okey, mungkin, mungkin Y.A.B. Ketua Menteri beri penjelasan, saya pun tak tahu, saya pun nak tahu juga gambar ini timbul dalam *website*...(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

YB Dato' Speaker, saya minta laluan daripada Telok Ayer Tawar. Saya tahu gambar ini di *print* oleh dari *website*, tapi mengapa Ketua Pembangkang tunjukkan gambar ini di Dewan ini, untuk maksud apa, tak akan. Saya sebagai wakil rakyat, dengar saya nak cakap dulu...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah bagi laluan, bagi Jawi habiskan dulu.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Bagi la saya habiskan dulu...(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Saya seorang pun belum habis lagi, bagilah saya habis dulu sesiapa wakil rakyat nak tunjuk gambar atau pun mana-mana dokumen di Dewan ini mesti ada sebabnya. Saya nak tahu sebabnya apakah gambar ini menunjukkan, apakah motif ini? Tak akan sebagai wakil....(gangguan), minta gambar-gambar dari *website* ikut suka hati...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey habis soalan, saya minta...(gangguan) habis soalan. YB. Telok Ayer Tawar?....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB Dato' Speaker, daripada ucapan tadi persepsi adalah beliau menuduh Y.A.B Ketua Menteri menyalahgunakan kuasa membenarkan pembangunan tersebut semata-mata orang itu adalah kawan Y.A.B Ketua Menteri, itu adalah persepsi yang diberikan...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Seri Delima duduk, saya minta YB. Telok Ayer Tawar bagi...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta Telok Ayer Tawar tarik balik kenyataan itu, tuduhan itu amat serius... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

YB Dato' Speaker, saya nak minta bahawa Ahli YB. Telok Ayer Tawar jelaskan tujuan dan maksud apabila tunjuk gambar itu? Tujuan dan maksud adakah kemungkinan yang apabila tunjuk gambar itu, dibagi satu *body language* atau *body sign* bahawa Y.A.B. Ketua Menteri sendiri telah luluskan pertukaran nama daripada Pulau Jerejak ke Pulau Mazu. Minta bagi satu penjelasan yang di kerana semua saya percaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat ingin nak tahu tujuan dan maksud... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jangan lupa YB. Dato' Speaker, ada surat khabar di sini liputan ini akan dibuat. Ini adalah tuduhan yang akan diberi liputan esok...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Seri Delima duduk, sila Ketua Pembangkang tujuan dan maksud, jelas di sini....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Maksud saya, saya pun nak minta penjelasan, kita pun tak tahu apa dah jadi, tiba-tiba ada *Mazu Islands*, ada projek lawatan pergi sembahyang di situ, bila ada kelulusan diberi. Soalan saya pun, nak tanya soalan macam mana Ahli YB. Batu Maung pergi bagi sumbangan kepada mereka? Pihak Berkuasa Tempatan yang sibuk-sibuk roboh sana sini. Apa kebenaran yang diberi(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Issue of religion, issue of religion, racist.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tengok itu.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kenyataan ini berbau perkauman.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima sila duduk.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Apa Ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat Telok Ayer Tawar memberi persepsi bahawa seolah-olah....
(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Speaker, saya malas bercakap dalam Dewan ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Gerei-gerei Melayu dirobohkan, tapi tokong Cina tak dirobohkan...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Seri Delima sila duduk...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tak guna cakap.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima sila duduk.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat Dato' Speaker. Telok Ayer Tawar...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya buat ketetapan, sila duduk. Ketua Pembangkang ...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Ahmad):

Minta maaf, YB. Dato' Speaker, sekiranya perbahasan ini tidak dapat dikawal dan dicelah-celah tanpa alasan yang kukuh, saya rasa tak perlu kami berada di sini, saya minta dirilah...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila teruskan perbahasan...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Seri Delima cakap seoranglah untuk semua...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk, duduk, semua duduk, kalau...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Dato' Speaker, saya banyak perkara tentang Pulau Pinang saya nak cakap tapi dengan sikap yang ada dalam Dewan ini saya jemu dan jelak, minta maaf. (gangguan).

[Semua Ahli Pembangkang keluar dari Dewan Persidangan]

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sesi perbahasan sila diteruskan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian sila...(ketawa). Sila.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Terima kasih kepada YB. Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2014 dan juga usul Anggaran Pembangunan Tahun 2014. YB. Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ingin menyatakan kesedihan saya dengan pemergian seorang tokoh politik dunia yang disanjung tinggi iaitu mendiang Nelson Mandela pada tiga hari yang lepas. Semangat gigih beliau dalam memperjuangkan prinsip demokrasi, kebebasan dan juga keadilan telah memberi inspirasi kepada ramai anak-anak muda di seluruh dunia termasuklah diri saya sendiri. Memanglah rasa sedih dengan pemergian seorang idola politik yang lebih menyedihkan saya ialah ada pihak cuba menaikkan populariti mereka dengan mengatakan apa yang mereka lakukan selama ini seakan-akan memiliki merupakan serupa dengan apa yang diperjuangkan oleh Nelson Mandela. Kalau apa yang disebut oleh pihak tersebut adalah betul maka saya meminta pemimpin pihak tersebut segera meletak jawatan sebagai pemimpin Negara Malaysia kerana Nelson Mandela disanjung tinggi bukan kerana prinsip perjuangan beliau semata-mata, beliau juga terkenal dengan sikap beliau yang tidak gila kuasa kerana beliau cuba cuma memegang Presiden Afrika Selatan selama satu penggal. Itu saja dan beliau lepaskan perjawatan tersebut. Tambahan lagi Nelson Mandela telah dipenjarakan selama 27 tahun atas perjuangan beliau. Kalau pemimpin pihak tersebut ingin menyamakan perjuangan mereka saya rasa adakah beliau sanggup masuk penjara begitu lama dan saya yakin beliau tidak sanggup dan tidak berani.

YB. Dato' Speaker, itu adalah merupakan satu perjuangan kecil pemimpin negara kita itu yang cuba mengalihkan perhatian daripada kedudukan negara, kewangan negara di mana hutang Negara Malaysia sekarang telah mencecah 53% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Hutang Negara telah bertambah dari RM348.9 bilion pada tahun 2009 sehingga kini adalah RM549.19 bilion. Kalau dibandingkan dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah Pakatan Rakyat meskipun membentangkan bajet defisit tapi pada akhir tahun kita dapat mencapai lebihan. Ini boleh kita lakukan kerana tiada ketirisan dan juga kebocoran dalam perbelanjaan mengurus.

YB. Dato' Speaker, memandangkan kedudukan kewangan Negeri Pulau Pinang kian hari kian kukuh, saya berharap agar lebih banyak pembangunan infrastruktur dapat dilaksanakan dalam masa terdekat. Di sini saya ingin memohon agar peruntukan dapat disalurkan pada tahun hadapan bagi memulakan kerja pembinaan projek pelebaran jalan dan juga menaik taraf jalan dari satu lorong ke dua lorong dari Jalan Perusahaan ke persimpangan lampu isyarat Jalan Tok Kangar di mana projek tersebut kini adalah di peringkat reka bentuk oleh perunding. Selain itu, bagi memastikan rangkaian jalan yang selesa dan sempurna bermula daripada susur keluar Jambatan Pulau Pinang di kawasan Seberang Perai melalui kawasan perindustrian iaitu di Jalan Perusahaan menghala ke Taman Sains Pulau Pinang, *Penang Science Park* ...(dengan izin)...dengan menggunakan Jalan Tok Kangar dan Jalan Kebun Baru dan seterusnya daripada Taman Sains Pulau Pinang bolehlah kita sampai ke Batu Kawan dan terus menyambung ke Jambatan Kedua Pulau Pinang.

Di sini saya juga memohon agar peruntukan dapat disalurkan dalam tahun 2014 bagi kerja-kerja perundingan bagi tujuan pelebaran jalan dan menaik taraf jalan dari satu lorong ke dua lorong bagi Jalan Kebun Baru tersebut iaitu P183 dan juga Jalan Juru P176. Penaiktarafan kedua-dua jalan tersebut adalah perlu dan wajar pada masa terdekat bagi memastikan rangkaian jalan yang sempurna dan selesa di kawasan tersebut yang boleh menyambungkan beberapa kawasan perindustrian utama iaitu kawasan Perindustrian Perai, Taman Science Park Pulau Pinang dan juga kawasan perindustrian di Batu Kawan dan juga kawasan sekelilingnya termasuklah Jambatan Pulau Pinang dan juga Jambatan Kedua Pulau Pinang.

YB. Dato' Speaker, pembangunan infrastruktur perlu juga tumpukan di peringkat mikro dan juga akar umbi khususnya pembangunan infrastruktur asas seperti jalan mini tar kampung dan juga menaik taraf parit kampung di kawasan desa atau pun kawasan luar bandar. Saya ingin merujuk kepada soalan saya berkenaan dengan peruntukan khas untuk tujuan tersebut, di mana saya menanya sama ada Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan khas untuk tujuan pembangunan infrastruktur asas seperti penurapan jalan mini tar di kawasan luar bandar. Jawapan yang saya dapat itu tidak menjawab secara langsung soalan saya, meskipun memang ada projek-projek pembangunan infrastruktur asas dilaksanakan di kawasan luar bandar selama ini.

Di sini saya ingin mencadangkan bahawa satu peruntukan khas diperuntukkan khusus untuk tujuan tersebut iaitu pembangunan fizikal infrastruktur di kawasan luar bandar. Selama ini peruntukan sebanyak RM100.000 untuk portfolio EXCO Pembangunan Luar Bandar telah diperuntukkan setiap tahun tetapi peruntukan ini

hanya untuk tujuan latihan dan juga program kemasyarakatan di kawasan luar bandar. Jadi selama ini banyak pembangunan fizikal seperti menaik taraf jalan kampung menjadi jalan mini tar dibiayai dengan peruntukan pembangunan di bawah tajuk P16(02). Jadi kalau kawasan DUN yang merangkumi banyak kampung-kampung ataupun kawasan luar bandar di mana permintaan tinggi terhadap pembangunan ataupun pembinaan infra asas ini amat mendesak. Jadi berdasarkan itu saya juga memohon agar jumlah peruntukan untuk P16(02) ini untuk kawasan DUN yang merangkumi banyak kampung-kampung ataupun kawasan luar bandar tersebut harus dipertambahkan untuk tujuan tersebut.

YB. Dato' Speaker, pada Sidang DUN yang lepas Dewan ini dimaklumkan bahawa Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang dijangka dilaksanakan pada tahun depan. Saya percaya pelaksanaan Enakmen tersebut semestinya melibatkan ataupun mempunyai implikasi kewangan yang banyak. Dengan ini saya ingin mendapatkan penjelasan bahawa sama ada Bajet 2014 tersebut telah mengambil kira implikasi kewangan tersebut di mana saya jangka kemungkinan ada penambahan jawatan iaitu pelantikan Pegawai Maklumat di bawah Enakmen tersebut di setiap jabatan bawah Kerajaan Negeri dan mungkin juga elaun-elaun yang perlu dibayar untuk Ahli-ahli Lembaga Rayuan dan juga kewangan untuk menguruskan urusan pentadbiran dalam proses melaksanakan Enakmen Kebebasan Maklumat ini. Jadi saya inginlah mendapat penjelasan sedikit...(gangguan), sama ada bajet yang telah dibentangkan itu telah mengambil kira implikasi kewangan tersebut. Silakan Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih Yang Berhormat, saya ingin jemput Yang Berhormat untuk memberi pandangan sebagai seorang peguam. Baru-baru ini terdapat satu peruntukan baru yang telah diperkenalkan di bawah Kanun Keseksaan di mana jika peruntukan itu menyatakan seorang kakitangan kerajaan mendedahkan maklumat-maklumat atau rahsia kerajaan kakitangan itu mungkin boleh dituduh di mahkamah untuk kesalahan jenayah, memang peruntukan tersebut yang telah digubal oleh Kerajaan Persekutuan dan diperkenalkan di Parlimen menentang arus, menentang arus polisi Kerajaan Negeri yang telah memperkenalkan maklumat Akta Hak Kebebasan Maklumat. Jadi apakah cadangan ataupun pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan peruntukan baru itu yang saya rasa secara tidak langsung akan memberi satu halangan kepada mana-mana kakitangan kerajaan yang mungkin ingin mendedahkan sesuatu ketirisan atau salah guna kuasa dalam implimentasi projek-projek dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat memberi pandangan? Terima Kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Saya ingat saya bahas Bajet tetapi perlu pula memberi ulasan undang-undang. Apa pun saya rasa sebelum pindaan terhadap Kanun Keseksaan tersebut semasa kita mengubah Enakmen Kebebasan Maklumat memang juga ada pandangan sesetengah pihak bahawa wujudnya '*Official Secret Act*' (OSA) yang sedia ada tersebut telah menghadkan ataupun membataskan kuasa kita untuk mengubah Enakmen Kebebasan Maklumat tersebut, jadi dengan penambahan pindaan terhadap Kanun Keseksaan itu ia cuma satu penambahan dan satu halangan kepada kakitangan kerajaan sekiranya kakitangan kerajaan yang rasa mereka ingin

memberikan maklumat bahawa terhadap sekiranya ada penyelewengan di dalam pentadbiran, saya rasa ya memanglah satu halangan untuk mereka membuat demikian.

Baik YB. Dato' Speaker saya teruskan, YB. Dato' Speaker setelah saya membaca teks ucapan Bajet Y.A.B. Ketua Menteri yang telah dibentangkan pada Jumaat lepas, saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan lanjut tentang butir-butir terperinci beberapa perkara. Dalam ucapan tersebut telah dinyatakan bahawa sebanyak RM84.87 juta diperuntukkan kepada JKR untuk projek jalan khususnya di Seberang Perai, dengan ini saya ingin mendapatkan butir-butir projek, lokasi dan sebagainya. Seterusnya juga ada disebut tentang RM18 juta juga diperuntukkan untuk Projek Tebatan Banjir dan butir yang saya ingin dapatkan ialah sama RM18 juta ini diperuntukkan ataupun dilaksanakan oleh jabatan mana sama ada dia adalah peruntukan tahunan yang sedia ada ataupun peruntukan tambahan yang diberikan oleh kepada Jabatan Pengairan dan Saliran. Juga dalam teks ucapan juga dinyatakan bahawa MPSP akan memperuntukkan RM9.1 juta untuk projek tebatan banjir pada tahun depan dan sama ada RM9.1 juta. Ini merupakan kewangan ataupun disalurkan daripada kewangan MPSP sendiri ataupun daripada sumber kewangan yang lain. Juga ada disebut juga RM49 juta telah diperuntukkan untuk membiayai secara peringkat lapan (8) projek baru pada tahun depan dan dalam teks ucapan tersebut cuma dinyatakan secara ringkas tiga (3) projek tersebut. Jadi saya memohonlah sedikit butir-butir tentang lima (5) projek lagi yang tidak diberi *detail* nya.

YB. Dato' Speaker juga untuk mendapat maklumat yang terperinci yang terakhir adalah MPSP akan melaksanakan enam (6) projek pasar awam, tiga (3) kompleks makanan dan empat (4) tapak penjaja dan MPSP pula akan melaksanakan dua (2) projek pasar awam dan sebuah kompleks makanan. Jadi saya juga ingin mendapatkan butir-butir seperti lokasi dan sebagainya.

YB. Dato' Speaker, akhir sekali saya ingin menyatakan cadangan saya bahawa Bajet yang telah dibentangkan memanglah satu Bajet yang telah merangkumi semua aspek tetapi saya rasa kalau dengan adanya satu dialog bersama semua *stakeholders* ataupun badan-badan profesional dan juga termasuklah Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri satu dialog sebelum menyediakan bajet ini iaitu satu pra-Bajet dialog diadakan ia akan memberi peluang kepada Kerajaan Negeri dalam menyediakan satu Bajet yang lebih menepati permintaan ataupun harapan penduduk di Negeri Pulau Pinang ini. Dengan itu saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila yang seterusnya, Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Alhamdulillah Washolatu Wassalam Ala Rosulillah Wa Ala Alihi Washobihi Wamantabiu Walah dan Salam Sejahtera, YB. Dato' Speaker pertamanya saya mengucapkan terima kasih diberi kesempatan pada pagi ini untuk membahas berkaitan dengan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2014 yang telah dibentangkan pada minggu lalu oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan sepertimana yang telah dinyatakan oleh

rakan-rakan dan juga di kalangan pembangkang dan Ketua Pembangkang tadi. Terutamanya berkaitan dengan ucapan dalam perhimpunan UMNO oleh para perwakilan termasuklah perwakilan daripada Pulau Pinang dahulunya dengan 1Malaysia kemudian nak ubah kepada 1Melayu kononnya sebab mengatakan orang-orang Cina dan India tak sokong UMNO Barisan Nasional itulah yang tak perlu lagi ada 1Malaysia, 1Melayu sahaja menggambarkan orang bukan Melayu ini tak sokong UMNO Barisan Nasional. Bagi saya ianya bukan sebab di kalangan masyarakat Cina dan India dipinggirkan tetapi mereka nampak UMNO Barisan Nasional parti yang tak pandai urus tadbir ekonomi Negara, ini ada di kalangan masyarakat Tionghua, India dan Cina ada sebut macam itulah. Kalaulah bagi orang meniaga kalau meniaga ini sudah tentulah nak dapat keuntungan tetapi Negara kita apabila dikuasai oleh UMNO Barisan Nasional hutang Negara semakin bertambah seperti yang disebut rakan-rakan kita yang lain. Akhir-akhirnya rakyat akan menanggung bebanan dan rakyat juga akan melunaskan hutang-hutang yang dihutang oleh Kerajaan UMNO Barisan Nasional.

YB. Dato' Speaker pertamanya saya ingin juga bersimpati dengan rakan-rakan kita, masyarakat kita rakyat yang berhadapan dengan banjir sama ada di Selatan ataupun di Pantai Timur yang saya mengharap supaya mereka dalam keadaan bersabar menghadapi situasi dan musibah yang kadang kala menimbulkan pelbagai-bagai terpaksa menanggung bermacam-macam kesusahan. Walau macam mana pun *Insha-Allah* saya yakin dan percaya bahawa setiap sumbangan dan bantuan akan sampai mengikut sasaran-sasaran tertentu.

YB. Dato' Speaker, pertama-tamanya setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan kepada *Allah s.w.t* dan mengizinkan kita semua dengan amanah yang begitu besar untuk memimpin masyarakat dan rakyat Pulau Pinang ke arah keredaanNya. Sempena dengan persidangan Dewan yang mulia ini saya juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat kerana berjaya mendapat mandat dan sokongan yang lebih baik dalam Pilihan Raya Umum Ketiga Belas baru-baru ini dan juga mendapat pengiktirafan daripada Ketua Audit Negara 2012 dalam keupayaan Pulau Pinang menambah baik pengurusan Kewangan.

YB. Dato' Speaker, saya amat menyokong penuh usaha Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada tiga (3) teras utama pembangunan negeri iaitu merencanakan pertumbuhan ekonomi, mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan juga menjamin keadilan sosial ekonomi bersesuaian dengan tema Bajet tahun ini Negara Bertaraf Antarabangsa dan prihatin dan apa yang saya tengok dan lihat di dalam ucapan Bajet 2014 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri seolah-olah bagi saya satu isyarat seperti mana sebelum ini juga pada bajet-bajet yang lepas apabila dibentangkan bersesuaian pula bertepatan dengan apa yang telah diadakan dalam muktamar PAS dahulunya Negara berkebajikan dan banyak serba itu segala bentuk kebajikan-kebajikan kepada rakyat dan masyarakat disampaikan oleh Kerajaan Negeri. Pada kali ini pun saya nampak seolah-olah bersesuaian dan bertepatan pula sempena tema muktamar PAS baru-baru ini rahmat untuk semua. Ini menggambarkan bahawa satu keadaan yang mana Bajet ini kita rasa yang saya lihat secara menyeluruh bahawa selain daripada beberapa bentuk sumbangan dan kekalkan pelbagai-bagai bantuan dan juga ada penambahan-penambahan baru khususnya untuk meningkatkan lagi kualiti kehidupan masyarakat dan rakyat di Pulau Pinang ini.

YB. Dato' Speaker berkaitan dengan pertumbuhan ekonomi, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri agar mengadakan Program Pengkaderan Usahawan agar remaja pemuda belia dan anak muda Pulau Pinang didedahkan dengan suasana perniagaan lebih awal di usia muda kerana tidak dinafikan bidang perniagaan merupakan 9/10 daripada punca rezeki seperti kita semua maklum daripada mafhum yang kita sama-sama dapat melalui apa yang telah dinyatakan oleh *Nabi s.a.w.*

Berkaitan dengan peluang pekerjaan, saya juga ingin mencadangkan kerajaan bersikap proaktif dengan mendekati graduan-graduan lepasan universiti, kolej, institusi kemahiran dan sebagainya melalui program-program wajib dihadiri oleh graduan dengan sedikit imbuhan sebagai inspirasi kepada mereka yang berjaya bertungkus-lumus menamatkan pelajaran dalam bidang masing-masing. Dalam program tersebut pendedahan peluang pekerjaan dapat disampaikan kepada mereka.

YB. Dato' Speaker, Pulau Pinang juga menjadi peneraju awal di Malaysia selain Kelantan dan Selangor dalam program-program emas yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Pulau Pinang, berbagai-bagai bantuan sama ada bantuan kepada warga emas, ibu tunggal, pelajar emas, berbagai-bagai emaslah, ibu emas, bantuan IPT... (gangguan).

Timbalan Ketua Menteri I:

Saya mohon penjelasan bila disebut Pengkaderan Usahawan Muda tadi, jadi boleh bagi penjelasan apa maksud skop Pengkaderan Usahawan Muda?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Terima kasih sebab kita lihat apabila setiap tahun ada di kalangan pelajar-pelajar yang keluar sama ada universiti, kolej yang masih menunggu peluang pekerjaan, jadi kalau kita dapat apa yang boleh kita usahakan boleh membantu ke tahap mana yang dapat kita boleh mengemblengkan tenaga dan peranan kita di samping kita boleh juga meningkatkan keupayaan mereka sebab saya rasa mereka ada kemampuan dan kebolehan yang tersendiri, jadi kalau kita boleh mendidik, melaksanakan dan mengangkat martabat mereka sebagai orang yang boleh terjun dalam bidang-bidang yang tertentu, saya rasa boleh kita bagi bantuan dan memanfaatkan kepentingan itu terpulanglah kepada mereka sendiri, saya rasa yakin bahawa Pulau Pinang mampu dapat melakukan yang terbaik.

YB. Dato' Speaker apabila disebut berkaitan dengan peneraju awal di Negeri kita di Pulau Pinang ini yang amat bertepatan dengan hadis *Iman Bukhari "As S'ie 'Alal Armalah Wal Miskin Kal Mujahid Fi Sabillillah"*. Ada dinyatakan yang bermaksud orang yang berjalan-jalan memberi bantuan khususnya kepada ibu-ibu tunggal dan orang-orang miskin, ganjaran dan pahalanya adalah seperti *Mujahid Fi Sabilillah* ataupun berjuang pada jalan Allah. Oleh itu YB. Dato' Speaker saya mengimpikan dan sentiasa berdoa Pulau Pinang akan terus makmur, aman, damai rakyatnya hidup harmoni bantu membantu tanpa mengira sempadan politik, bangsa dan agama. Dengan sikap prihatin Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat yang berjiwa rakyat ini tidak mustahil satu hari nanti para belia dan beliawanis yang kita nampak, yang selama ini

telah pun di kalangan ataupun Kerajaan Negeri sudah banyak memberi bantuan-bantuan sampai kepada semua peringkat termasuklah di peringkat awal persekolahan, di peringkat dalam sistem pendidikan, bantuan-bantuan sudah disampaikan dan berhasrat saya juga ingin menyatakan di sini kalau berkemampuan di kalangan khususnya Kerajaan Negeri yang saya rasa dan saya impi-impikan yang saya sebut tadi, terutamanya para belia dan beliawanis yang ingin melangsungkan perkahwinan pertama akan diberi bantuan Kerajaan bagi untuk meringankan urusan perkahwinan mereka di samping sebagai galakan dan motivasi serta persediaan melangkah ke arah rumah tangga yang mencabar, sebab sebelum ini anak emas kita boleh bagi, ibu emas, warga emas kita boleh bagi, pelajar emas kita bagi jadi untuk nak menggalakkan nak dapatkan anak emas ini tentulah melalui proses perkahwinan maka perkahwinan juga perlu, saya rasa Kerajaan berfikir untuk diberikan juga bantuan dan sumbangan.

Mengenai perancangan pembangunan fizikal di seluruh Pulau Pinang saya melihat perkara ini satu perkara yang amat serius, minta dikekalkan kawasan kampung sedia ada malah dinaik taraf menjadi perkampungan-perkampungan tradisi sebagai satu tarikan pelancong sama ada dalam dan luar Negara. Saya juga amat bimbang dan khuatir sekiranya *zoning* perkampungan sedia ada ditukar kepada *zoning* lain seperti perniagaan, kediaman baru, kediaman baru yang akhirnya penduduk kawasan tersebut akan di pindah ke kawasan lain yang tinggal di situ hanyalah yang telah pun berlaku, yang ada hanyalah masjid tanpa anak kariah seperti kawasan-kawasan terutamanya kawasan di kawasan saya khususnya di Bukit Minyak dan terdapat juga di tempat-tempat yang lain. Jadi di kawasan seperti ini di kelilingi hanyalah masjid yang ada jadi kebanyakan penduduk-penduduk yang berada di luar kawasan masjid. Saya juga mengambil kesempatan kepada Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan khas untuk menaik taraf jalan-jalan kampung memandangkan peruntukan ADUN amatlah terhad seperti yang telah dicadangkan oleh rakan saya Bukit Tengah tadi.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker persepsi negatif mainan media utama dan pembangkang mengatakan seolah-olah rumah mampu milik atau rumah sederhana rendah dan kos rendah dilonggokkan hanyalah di kawasan Batu Kawan sahaja ini, mainan media. Ini adalah tidak benar sama sekali sebab itu saya yakin masyarakat hari ini lebih pandai memilih dan kini majoriti di kalangan masyarakat telah mengambil langkah dengan merujuk kepada media alternatif seperti blog-blog *twitter* dan *facebook* untuk mendapat maklumat. Walau bagaimanapun bahawa akhbar-akhbar masih lagi menjadi sumber rujukan yang utama khususnya di kalangan ataupun di kawasan-kawasan luar bandar. Saya berharap juga sangat-sangatlah Kerajaan Negeri dapat mengadakan rumah mampu milik di setiap daerah dengan keperluan semasa mengikut daerah di Pulau Pinang ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker saya juga menyanjung tinggi usaha berterusan yang telah dinyatakan dalam Bajet baru-baru ini yang dilakukan dalam mempromosikan gaya hidup sihat melalui "PENBAR" mimbar 'Penang Bebas Asap Rokok'. Saya amat berharap kepada semua rakyat Pulau Pinang yang cintakan nyawa mereka supaya bersama-sama Kerajaan Negeri dalam "PENBAR" ini, justeru itu Majlis Agama Islam Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Pulau Pinang juga seiring

sejalan dengan usaha Kerajaan Negeri dengan mengadakan satu-satu projek yang dinamakan (MASBAR) iaitu lah Masjid Bebas Asap Rokok yang baru sahaja dilancarkan semalam 8 Disember 2013 di Masjid Abdullah Fahim oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat, saya mengalu-alukan perkara itu mungkin saya boleh cadangkan supaya kita juga wujudkan kuil-kuil bebas rokok kerana kita lihat semasa bebas asap rokok atau kita larang sama sekali, kita larang sama sekali tiada masalah bagi seorang beragama Hindu mencadangkan perkara itu juga diberi perhatian, kalau kita lihat masa Thaipusam dan sebagainya banyak sangat pemuda-pemuda kita yang hisap rokok, kalau boleh supaya cadangkan cadangan itu juga diamalkan ataupun dikuatkuasakan di kuil-kuil Hindu juga. Terima Kasih

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Terima kasih. Seri Delima, saya amat mengharapkan Kerajaan Negeri akan lakukan sesuatu. Sekarang kita bermula di masjid yang kita rasa tempat ibadat khusus di kalangan umat Islam dan saya rasa ini Pulau Pinang negeri yang pertama bebas asap rokok di kawasan ibadat orang-orang Islam termasuk juga surau-surau sebab surau ini di bawah Masjid, jadi saya rasa dan harap bahawa di kalangan Jawatankuasa Kariah Masjid dapat panjangkan bahawa tempat-tempat ibadat ini hendaklah bebas daripada asap rokok.

Projek ini sebenarnya Majlis Agama Islam telah rancang sejak setahun yang lalu. Kita buat kajian secara perlahan-lahan dengan penuh teliti walaupun di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat telahpun bermula 2009, dengan kerjasama di Jabatan Kesihatan, Pejabat Kesihatan, juga untuk melarang supaya bebas daripada asap rokok di tempat-tempat yang tertentu. Rasionalnya ialah, sebagai permulaan dan titik mula untuk menjadikan Pulau Pinang Negeri yang pertama bebas asap rokok di Malaysia. Kemudian, untuk memperkasakan fatwa yang melarang umat Islam merokok, fatwa telah dikeluarkan. Kebanyakan pula tanah masjid adalah tanah wakaf di mana Majlis Agama Islam juga tidak mahu umat Islam duduk dalam suasana kehinaan dan terjerumus di dalam kebinasaan. Sebab kita lebih fokus kepada kesihatan sebab itu projek ini diharap menjadi perintis dalam melaksanakan program yang baik sebegini dan seterusnya Kerajaan Negeriewartakan menjadi kawasan bebas asap rokok yang mempunyai unsur-unsur pentarbiahan, pendidikan dan boleh dilaksanakan penguatkuasaan undang-undang.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sikit lagi Yang Berhormat. Perkara ini saya ingin tambah supaya Pihak Berkuasa Tempatan juga memberi perhatian kepada tempat-tempat riadah dan makanan yang menyediakan khidmat rokok shisha, banyak sangat yang telah sekarang bermula beroperasi di kawasan-kawasan saya di Seri Delima juga ada, tempat merokok shisha, di mana kita lihat seringkali pemuda-pemuda disitu duduk berkumpul sehingga larut malam dan merokok shisha. Kalau boleh perkara ini juga diberi perhatian bukan sahaja di kawasan saya, tetapi juga di persisiran pantai dekat Batu Feringghi, terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Terima Kasih, Seri Delima. Majlis Agama Islam Pulau Pinang juga sebenarnya amat serius dalam mewujudkan umat yang terkehadapan dan kuat dari segi jasmani dan rohani. Majlis Agama Islam Pulau Pinang juga mengharapkan semua pengurusan masjid dapat bekerjasama dengan pihak Majlis Agama Islam Pulau Pinang dalam memasang papan tanda di setiap pintu utama masjid yang berjumlah 207 buah di seluruh Pulau Pinang ini. Kita laksanakan program ini bukannya sebab seluruh Ahli Majlis Agama Pulau Pinang tak hisap rokok, bukannya sebab kita tak hisap rokok, tapi dengan sebab kita nak menjaga keharmonian. Kadang-kadang berkaitan dengan masalah kebersihan. Apabila kita tengok terutamanya di masjid-masjid ini kadang-kadang setiap kali dia orang merokok, jadi, hak lebihan rokok tadi lempar rata, kemudian ada pula, ada bekas-bekas habuk-habuk rokok bertebaran. Jadi mengakibatkan suasana yang tidak baik di kawasan rumah-rumah ibadat.

Majlis Agama Islam Pulau Pinang dalam perancangannya untuk memasang *billboard* besar di beberapa lokasi strategik di seluruh Pulau Pinang ini mengenai projek MASBAR yang maha penting sebagai salah satu cara pemberitahuan maklumat kepada seluruh masyarakat dalam dan luar Pulau Pinang. Kita tidak nak jadi seperti ayam berkokok, riuh sekampung. Cakap kuat sahaja tapi diri sendiri tak buat. Jadi kita kena mula di sini dan kita akan praktik bahawa apa yang kita buat itu antara yang terbaik, tak mustahil pada masa hadapan di dalam pemilihan ahli jawatankuasa dan juga pegawai-pegawai masjid, kita akan letakkan salah satu syarat untuk mereka sebagai pentadbir kariah dan masjid, ini dari sudut kriterianya adalah tidak merokok. Kita serius sebenarnya dalam hal-hal yang sebegini, walaupun mungkin adalah di antara perokok-perokok ini duduk dalam keadaan senang hati tetapi apa yang kita buat untuk mengambil dalam masa jangka masa panjang berkaitan dengan masalah kesihatan dan MASBAR ini atau Masjid Bebas Asap Rokok dan PENBAR, PENBAR dianjurkan oleh Kerajaan Negeri bebas asap rokok, Penang Bebas Asap Rokok adalah dua projek Majlis Agama Islam dan Kerajaan Negeri, diharap dapat menjana potensi rakyat Pulau Pinang ke arah kehidupan yang lebih baik, lebih sihat, lebih kuat, lebih bertenaga, lebih mampan, lebih berkebolehan, lebih sihat akal fikiran dan juga pengharapan yang tinggi *Al-falak Mardhotillah* itulah hidup kita semua sentiasa di dalam pengawalan dan sentiasa dalam *Mardhotillah* ataupun diredhai oleh Allah s.w.t.

YB. Dato' Speaker, antara perkara yang juga telah dibentangkan dalam Bajet baru ni, sentuh berkaitan dengan PPK, Pegawai Penyelaras KADUN, JKKK, PPS, Pasukan Peronda Sukarela dan Briged Wanita adalah beberapa institusi dan agensi yang berada di akar umbi masyarakat. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana akan menaikkan elaun Pengerusi dan SU JKKK kepada RM650.00 dan RM550.00 setiap bulan. Namun, saya ingin juga mencadangkan peruntukan 02, 03 ADUN juga ditambahlah, begitu juga peruntukan untuk PPS dan Briged Wanita juga ditambah. Dan apa yang saya lihat juga, terutamanya, walaupun tidak disebut tentang keperluan-keperluan ataupun peruntukan bantuan yang lain.

Apa yang saya tengok, apa yang saya lihat ialah berkaitan dengan petugas-petugas Dewan ini yang bertungkus lumus sampai ke malam, siang malam, juga saya rasa perlu ada satu insentiflah untuk diberi dan diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri, *Insyaa-Allah*. Sebab saya rasa nampak petugas-petugas Dewan ni, hai, tanpa dia orang ni mungkin perjalanan Dewan tak lancar lah. Jadi sebab itu saya harap sungguh-sungguh bahawa Kerajaan Negeri juga jangan lepas pandang segala urusan dan kerja buat mereka.

YB. Dato' Speaker, untuk warisan dan pelancongan, saya difahamkan bahawa satu galeri arkeologi akan dibina di perkampungan Guar Kepah dengan kos perbelanjaan lebih kurang RM3.2 juta berdasarkan pembentangan bajet tahun lepas. Saya amat berharap projek ini dapat diteruskan sebagai satu projek penjana ekonomi penduduk kampung setempat bila mana pelancong dalam dan luar negeri melawat ekologi ini apabila menjadi kenyataan nanti. Apatah lagi YB. Dato' Speaker, dengan keadaan Lembah Bujang yang berada dekat hampir dengan negeri berhampiran kita yang menjadi tarikan pelancong yang saya nampak ramai yang telah berkunjung di sana. YB. Dato' Speaker, saya ingat itulah sedikit apa nama ni, perbincangan saya pada pagi ini dan sekali lagi saya ingin menyatakan bahawa bajet kali ini adalah bajet rahmat untuk semua, dengan ini saya menyokong. Sekian.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Seterusnya, Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Terima Kasih, YB. Dato' Speaker kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Bajet bagi tahun 2014. Yang Berhormat Dato' Speaker, isu yang ingin saya sentuh dalam Dewan yang mulia ini pada hari ini adalah isu tentang pelancongan Negeri Pulau Pinang. Melalui ucapan Ketua Menteri yang telah dibentang bahawa setelah Kerajaan Negeri berbincang dengan Malaysia Association Of Hoteliers Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah memutuskan bahawa mulai Mac 2014 Kerajaan Negeri akan mengutip levi sebanyak RM2 setiap malam penginapan dan di hotel 3 star dan ke bawah. Hotel-hotel 4 star dan 5 star akan dikenakan levi sebanyak RM5.00 setiap malam. Juga difahamkan bahawa tujuan pengutipan ini adalah untuk membolehkan Kerajaan Negeri melaksanakan aktiviti-aktiviti pembangunan industri pelancong Pulau Pinang dan juga membantu industri pelancongan dalam misi-misi promosi di luar Negara. Dengan cadangan ini, adakah Kerajaan Negeri dapat satu anggaran bahawa dengan kutipan ini berapakah Kerajaan Negeri mampu dan dapat melaksanakan kerja-kerja dan aktiviti yang seperti disebutkan tadi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pernah bercadang dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Negeri perlu mengutip levi pelancong asing sebanyak RM10.00 seorang setiap kali mereka mengunjungi ke Negeri Pulau Pinang. Tujuan cadangan tersebut adalah kerana Negeri Pulau Pinang merupakan satu tapak pelancongan yang terkenal dengan unsur-unsur kebudayaan, warisan dan juga makanan yang enak. Lebih-lebih lagi sebahagian George Town Negeri Pulau Pinang juga telah diisytiharkan oleh UNESCO tapak warisan dunia pada tahun 2008. Oleh

yang demikian, jumlah bilangan pelancong yang mengunjungi ke Pulau Pinang terus meningkat. Saya memang bersetuju bahawa kita memerlukan kos yang tinggi ataupun satu tabung untuk menaikkan taraf tapak warisan dan juga tempat pelancongan supaya kita dapat menarik lagi lebih banyak pelancong. Akan tetapi, Kerajaan Pusat yang kurang memberi perhatian kepada Negeri Pulau Pinang telah menyebabkan Kerajaan Negeri perlu mewujudkan satu cadangan yang baik dan mencari pendapatan untuk menjayakan sektor pelancongan Negeri Pulau Pinang.

Oleh itu, saya memang bercadang dan berpendapat bahawa kita perlu mengutip levi RM10 setiap pelancong asing ini dan juga kutipan Kerajaan Negeri dapat sekurang-kurangnya RM10 juta setahun untuk tujuan pembangunan sektor pelancongan. Maka, kita tidak perlu sentiasa menunggu, tunggu Kerajaan Pusat memberi peruntukan. Walaupun cadangan tersebut tidak dapat dilaksanakan selepas perbincangan antara Kerajaan Negeri dan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Pulau Pinang (MTPNPP) dan telah pun dicadangkan levi penginapan setiap malam dikenakan. Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa cadangan caj levi tersebut juga boleh merupakan satu cadangan yang boleh membantu sektor pelancongan Negeri Pulau Pinang terus berkembang maju. Dan saya memang berharap bahawa Kerajaan Negeri dapat menggunakan wang tersebut untuk mempromosikan dan lagi pelancongan Negeri Pulau Pinang dan aktiviti-aktiviti kebudayaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terdapat isu satu lagi yang saya ingin bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini adalah memastikan untuk menjayakan matlamat memastikan setiap warganegara mempunyai tempat kediaman atau sebuah rumah. Akan tetapi, terdapat satu masalah yang kita hadapi sekarang adalah membimbangkan. Saya percaya kebanyakan rumah pangsa yang bertingkat sering menghadapi masalah lif yang rosak atau kemudahan yang tidak diselenggara dengan baik. Tetapi, selepas siasatan dibuat, kita mendapati bahawa masalah yang timbul adalah mempunyai penduduk-penduduk yang tinggal di sana ada kebanyakan mereka tidak membayar yuran penyelenggaraan atau *maintenance fees* ...(dengan izin) atau dan juga *vandalism*(dengan izin) yang teruk menyebabkan fasiliti bangunan tersebut tidak dapat dibaiki. Saya berasa terkejut apabila mendapati bahawa penduduk-penduduk yang menghutang *maintenance fees* yang begitu tinggi sampai berpuluh-puluh ribu ini, bermaksudnya, mereka berhutang *maintenance fees* ini bukan hanya dalam masa yang singkat sahaja. Yang telah berhutang banyak tahun dan tidak dikutip. Walaupun Kerajaan Negeri telah mengeluarkan satu skim 80:20 dengan Kerajaan Negeri memperuntukkan 80% kesemua kos menaik taraf lif dan 20% dibayar oleh penduduk. Malangnya disebabkan ada penghutangan tersebut, hutang *maintenance fees* yang menyebabkan mereka tidak mampu membayar 20% yang sepatutnya dibayar oleh mereka.

Oleh itu, saya memang berharap Kerajaan dapat mengkaji atau mencari satu cara penyelesaian untuk membantu menangani masalah tersebut. Saya bercadang pihak Kerajaan Negeri dapat mengkaji sama ada kita boleh mengambil alih kerja mengutip bayaran *maintenance fees* dan kerja menaikkan taraf juga dibuat oleh Kerajaan Negeri. Kita boleh ambil satu contoh daripada Negara jiran kita Singapore HDB, Housing Development Board ...(dengan izin), mereka telah mengawal ke semua pembayaran dan mengutip semua *maintenance fees* dan kerja menaik taraf dan mereka juga boleh menjadi satu contoh yang kita boleh lihat sistem yang mereka

menjalankan amat berjaya. Kutipan yuran penyelenggaraan, *maintenance fees* itu mereka memang tidak menghadapi masalah yang hutang itu. Di samping itu, satu kes rusuhan pekerja asing yang duduk, melibatkan pekerja asing yang berlaku di Singapore kelmarin, walaupun kes ini bukan berlaku di Negara kita, tapi Negara kita juga perlu mengambil perhatian yang amat serius dengan isu-isu pekerja asing agar tidak timbul masalah di tempat yang mereka duduki.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat. Bercakap tentang warganegara asing ini, saya telah beberapa kali membangkitkan isu berkenaan dengan tempat-tempat perniagaan yang kita lihat diusahakan oleh peniaga-peniaga daripada luar Negara terutamanya Bangladesh, Nepal dan Pakistan. Saya lihat sejak kebelakangan ini tempat itu telah sama ada diluaskan lagi dan perniagaan telah jadi semakin laris dan satu tempat yang kita boleh lihat masa Dewan berehat nanti adalah berdekatan dengan GAMA dekat dengan KOMTAR dalam baris yang sama dengan Heng Lee dan Hin Lee sebelum kedai nasi kandar di sebelah kiri kita lihat tempat itu adalah tempat yang menjual rempah-rempah dan sebagainya yang diusahakan oleh seorang warganegara Bangladesh.

Bukan sahaja itu Yang Berhormat, di kawasan Yang Berhormat sendiri, tempat itu dipanggil Little Hanoi. Banyak sangat gadis-gadis Vietnam di tempat tersebut. Nak tanya saya macam mana saya tahu, saya dapat aduan. Di Sungai Pinang pun banyak dan kita lihat banyak sangat masalah-masalah sosial yang telah berlaku. Saya sendiri sebagai Peguam telah mengendalikan dua kes, dua kes penceraian di mana isteri menceraikan suami kerana isteri syak suami itu mengadakan perhubungan sulit dengan seorang pekerja Vietnam. Inilah bagaimana saya mengetahui.

Jadi saya rasa sebab itu saya bangkitkan tadi dalam kehadiran YB. Telok Ayer Tawar, cadangan oleh Kerajaan Persekutuan untuk membawa masuk ramai lagi pekerja asing. Memang kita tahu mereka mempunyai niat yang lain, bukan kerana penduduk di Malaysia tak mahir dan sebagainya. Kita juga tahu bahawa ada tuduhan-tuduhan seperti projek IC dan sebagainya di mana warga asing diberi IC untuk menjadi pengundi hantu. Tapi selain daripada itu di Pulau Pinang masalah sosial sudah menjadi begitu serius.

Saya minta supaya Pihak Berkuasa Tempatan mengambil tindakan segera menutup semua premis-premis makanan perniagaan ini supaya rakyat Malaysia di Pulau Pinang, rakyat Pulau Pinang khususnya diberi peluang perniagaan. Premis-premis tersebut boleh disewa oleh rakyat Pulau Pinang untuk mereka mengusahakan perniagaan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Saya bagi sedikit penjelasan tentang kedai-kedai yang diniaga oleh warga asing. Kami ada pernah buat siasatan dengan *council*. Pihak *council* ada bagi kebanyakan tuan kedai itu ialah atas nama warganegara kita. Mungkin *sublet* kepada mereka yang menjual. *So that's why* saya ingin minta Pihak Kerajaan Tempatan dapat mengkaji satu cara untuk mengatasi masalah yang dihadapi.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sedikit tambahan, ada juga satu perniagaan muzik di KOMTAR di tingkat bawah dekat Maybank yang menjual CD lagu-lagu Hindustan. Juga diusahakan oleh seorang warganegara Bangladesh. Dua minggu lalu bila isteri saya minta lagu-lagu Hindustan saya pergi beli sana. Itu untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat yang ada di sini kerana mereka pandai berniaga tentang lagu-lagu Hindustan dan sebagainya diusahakan oleh seorang warganegara Bangladesh. Mungkin perkara itu juga diberi perhatian, terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Tambahan YB. Dato' Speaker. Saya juga berhadapan dengan situasi ini di kalangan khususnya warga asing yang seolah-olah menggambarkan bahawa itu adalah kawasan atau pun Little Hanoi. Ini Little Hanoi, Hat Yai. Di kawasan Bukit Mertajam, pekan Bukit Mertajam yang seolah menggambarkan dikuasai oleh warga asing. Seluruh gerai-gerai atau setiap pintu perniagaan semua telah dikuasi oleh warga asing iaitu Bangladesh dan amat sangat membimbangkan terutamanya hari-hari cuti mingguan atau pun cuti awam. Cuti umum ini memang dipenuhi, dikuasai oleh warga asing sehingga warga tempatan tak berani nak lalu kawasan tersebut dan nak buat apa urusan dengan di kawasan khususnya di pekan Bukit Mertajam. Saya sendiri pun naik takut. Ini perlu juga walaupun saya banyak juga berucap, bercakap di peringkat di bawah tindakan daerah dan seterusnya tetapi harus juga apabila kita dapat berkaitan dengan apa yang telah berlaku di Pulau Pinang khususnya pekerja-pekerja asing. Sekian.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Satu lagi YB. Dato' Speaker. Saya nak bawa perhatian kepada Yang Berhormat berkenaan. Di kawasan Sungai Gelugor, kawasan saya ada sebuah kedai dekat dengan masjid, di mana kedai itu diusahakan oleh dua orang warga Pakistan menjual permaidani dan perabut-perabut. Bila saya lalu di situ memang banyak sangat orang-orang tempatan yang pergi beli perabut di situ. Saya minta supaya diberi perhatian perkara itu juga. Sama ada mereka mempunyai lesen permit perniagaan yang sah atau pun tidak. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

YB. Dato' Speaker, memang kedai-kedai yang *private sector* memang kita susah untuk mengawal. Tapi sebaliknya di KOMTAR, KOMTAR sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri. Tapi di tingkat dua (2) memang wujudnya banyak gerai-gerai makanan atau gerai-gerai yang menjual yang diusahakan oleh warga negara asing. So ini KOMTAR yang dijaga ialah PDC, so saya berharap atau ADUN Kawasan KOMTAR boleh beri sikit penjelasan dan saya berharap bahawa PDC dapat membuat siasatan terhadap kes ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya kerana ini juga memburukkan imej Kerajaan Negeri. Jika orang luar datang melawat KOMTAR dan tengok mengapa orang Negara asing banyak berniaga di sini. Tujuan kerajaan kita nak capai tahap *international city* di Pulau Pinang tapi *international city* tak termasukna kena ada *international* punya orang. So YB. Dato' Speaker..... (gangguan).

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Penjelasan. Terima kasih YB. Pengkalan Kota memang perihatin kepada *international city* yang ada di KOMTAR. Memang Dato' Speaker, dalam pembahasan ucapan terima kasih Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri pada sidang DUN yang lepas, saya pernah bangkitkan isu-isu sebegini. Maklumat-maklumat yang dibekal oleh PDC memang 34 unit yang disewa oleh pemilik swasta kepada warga asing menjalankan perniagaan. Tetapi mereka dapatkan *loophole* bukan warga asing yang dapatkan lesen mungkin pasangan dia. Isteri dia, suami dia dapatkan lesen daripada PBT untuk menjalankan perniagaan. So dalam cadangan saya pada DUN yang lepas kita cadangkan PDC atau Kerajaan Negeri untuk mengeluarkan dana untuk beli balik semua unit yang dijual di fasa KOMTAR untuk memajukan KOMTAR supaya dia tidak dijadikan sebagai satu Little ASEAN atau *little* kawasan untuk berkumpul warga-warga asing ini lah.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Penjelasan, mungkin YB. Pengkalan Kota telah bangkitkan satu isu yang *interesting*, menarik. Saya baru-baru ini menanyakan satu soalan Dewan. Menanyakan statistik dan juga mendapat penjelasan daripada YB. Perai. Soalan itu saya tanya berapa jumlah pendatang asing, pekerja asing yang sah di Pulau Pinang? Angka yang saya terima mungkin saya bantu YB. Pengkalan Kota pada tahun 2013 dari Januari sampai akhir Oktober, 108,304 orang pekerja asing yang sah. Paling banyak bukan Hanoi, bukan Bangladesh, bukan Vietnam, Nepal. Saya pun terkejut, Nepal paling tinggi 27,432 orang, baru Indonesia ketiga Bangladesh. Angka yang saya terima daripada YB. Perai juga 40.11 % dari sektor pembuatan, *manufacturing* bukan buat kedai, bukan buat restoran tapi 40% di sektor perkilangan. Oleh itu mungkin saya setuju dengan YB. Pengkalan Kota, kita perlu ada usaha dari segi kilang-kilang kita. Kilang-kilang di Bayan Lepas, kilang-kilang di Bukit Minyak dan kilang-kilang sebagainya perlu mengurangkan penggantungan kepada pekerja asing. Kalau kita boleh mengurangkan penggantungan kepada pekerja asing impaknya terhadap sosial, impaknya perumahan, impaknya terhadap perkhidmatan hospital akan dikurangkan. Kita tidak mahu jadi macam Singapura ada rusuhan. Di mana? Di jalan apa? *Can't recall*. Little India Singapore, saya tengok gambar. Kereta Polis diterbalikkan. Satu rusuhan yang begitu sejarah sudah lama tidak berlaku di Singapura tapi terjadi sebegini. So saya bersetuju YB. Pengkalan Kota dan rakan-rakan supaya kita lihat mungkin agensi-agensi berkenaan dari segi kilang juga perlu lihat bagaimana mengurangkan penggantungan terhadap pekerja-pekerja asing.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pengkalan Kota teruskan isu yang terlalu banyak bagi pandangan dan penjelasan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

YB. Dato' Speaker, saya teruskan perbahasan saya dan sekejap lagi saya beri laluan. Isu yang seterusnya tentang perumahan juga. Isu-isu perumahan memang merupakan satu isu yang sangat popular di Negeri Pulau Pinang. Di sini saya juga

ingin mengucapkan syabas kepada EXCO Perumahan Ahli Datok Keramat kerana dalam masa yang pendek, enam bulan selepas pilihan raya dan beliau telah boleh nampak inisiatif YB. Datok Keramat kerana telah meluangkan banyak masa dan usaha untuk meneliti masalah dan mengatasi masalah perumahan dengan cara-cara dan cadangan-cadangan yang bagus. Apabila kita membaca teks Bajet 2014 Pulau Pinang yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri bahawa akan meningkat pemilikan rumah., terutamanya bagi golongan yang miskin dan berpendapatan rendah. Maka Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM500 juta bagi membiayai pembinaan 20,000 unit perumahan mampu milik di seluruh Negeri Pulau Pinang. Juga polisi yang baru berkenaan perumahan kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik, Kerajaan Negeri bercadang meminda dasar penjualan rumah kos rendah, kos sederhana rendah di Negeri Pulau Pinang bagi permohonan penjualan dan pindah milik.

Dasar rumah kerajaan tidak boleh dijual dalam tempoh 10 tahun daripada tarikh surat perjanjian jual beli akan dikekalkan. Tetapi bagi rumah yang dibina oleh pihak swasta tempoh had penjualan akan dilanjutkan daripada 5 tahun sekarang kepada tempoh 10 tahun. Demi memastikan penjualan dalam tempoh 10 tahun adalah golongan yang perlukannya, maka ia boleh dijual kepada pembeli yang tersenarai. Pembeli yang tersenarai adalah senarai pembeli yang dikumpulkan oleh bahagian Kerajaan Negeri sebagai rakyat memiliki rumah yang kos rendah dan kos sederhana rendah. Ini bermaksud Kerajaan penjualan ini tidak boleh dijalankan dalam pasaran terbuka dan ini kita boleh tengok dengan ini ialah inisiatif Kerajaan Negeri dengan cadangan dan cara yang bagus dan menikmati akan *benefit* kepada rakyat Negeri Pulau Pinang.

Dengan inisiatif dan usaha yang dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan semua orang atau lebih banyak orang dapat memiliki rumah pada masa yang sama, saya ingin juga memohon jasa baik Kerajaan Negeri supaya memperkenalkan satu peraturan untuk memastikan pekerja asing tidak menduduki LMC di dalam pusat bandaran juga perlu mengambil tindakan terhadap orang yang sewa rumah mereka LMC kepada agensi-agensi pekerja asing kerana sepertimana yang pernah saya bangkitkan isu pekerja asing yang telah terlalu banyak menduduki di LMC dan kawasan Pengkalan Kota telah banyak membawa isu ketidakselesaan dan juga tugas menjejaskan kehidupan penduduk sekelilingnya. Pada masa yang sama ada beberapa unit rumah yang telah diduduki oleh pekerja asing maknanya kekurangan unit yang sebanyak untuk rakyat jelata kita. Oleh itu saya akan...(gangguan).

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Penjelasan. Ahli Pengkalan Kota sekiranya begitu ramai pekerja asing yang telah bekerja di sini dan tidak ada tempat untuk mereka tinggal, apakah cadangan bagi Pengkalan Kota untuk meletakkan mereka di mana? Begitu ramai pekerja-pekerja asing yang datang untuk bekerja, kerja-kerja yang tidak mahu dikerjakan oleh orang tempatan. Kerja-kerja tersebut adalah yang kotor, merbahaya dan gajinya rendah. Adakah mereka hanya kita sebagai hamba? Saya rasa perkara ini kena juga diambil berat sekiranya kita sebagai wakil rakyat yang prihatin terhadap hak asasi manusia.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Penjelasan, minta laluan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Yang minta penjelasan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Saya ingin...(gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Selepas saya duduk kerana yang minta penjelasan itu memang...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Ini berkaitan dengan...(gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Memang berkaitan dan saya faham, saya tidak pernah membantah pekerja asing, hanya kita sebagai kerajaan yang dipilih oleh rakyat Negara kita, kita perlu jaga manfaat rakyat Negara kita dahulu dan kita perlu ada satu cadangan yang bagus, bagaimana menduduki pekerja-pekerja asing di tempat tertentu yang membolehkan mereka dalam keadaan yang lebih selesa dan pada masa yang sama tidak menjejaskan kehidupan rakyat jelata Malaysia.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Minta penjelasan, minta laluan. Demi menjaga kebajikan rakyat Malaysia, sebab itu saya ingin memberi pandangan saya. Pertama sekali dalam isu pekerja asing, sebenarnya perbincangan kita pada hari ini tidak *balance*, tidak seimbang kerana ia berkaitan dengan gaji minimum rakyat Malaysia yang terlalu rendah di mana banyak pekerjaan, di mana rakyat Malaysia sendiri yang tidak ingin membuat, sebab itu banyak syarikat perlu bergantung kepada warga asing. Ini masalah gaji minimum dan yang kedua sistem pelajaran di Malaysia tidak memberi pengiktirafan yang secukupnya kepada kemahiran-kemahiran teknikal vokasional, maka banyak rakyat Malaysia yang tidak tertarik untuk membuat setengah pekerjaan yang kini dibuat oleh pekerja asing. Ketiga adalah masalah pelarian juga, Sistem Negara kami hari ini *refugee* tidak berhak bekerja, kanak-kanak mereka tidak berhak pergi ke sekolah. Tanpa menyelesaikan masalah-masalah ini kita tidak mungkin menyelesaikan masalah-masalah yang telah dibangkitkan pada hari ini dan mengikut kajian di Negara-negara lain di mana mereka juga ada masalah dalam mengendalikan masalah warga asing di Negara mereka, biasanya kalau anda meletakkan semua warga asing dalam satu kawasan dan yang dipinggirkan daripada warga tempatan ia akan membangunkan satu *slum* atau kawasan di mana ia akan mencetuskan lebih banyak masalah lagi dan juga akan menjejaskan negeri dan Negara, maka saya ingin berharap kerana...(gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Saya ingin menghabiskan kerana saya rasa YB. Pulau Tikus tidak faham dan saya ingin tegaskan bahawa saya tidak pernah membantah pekerja asing di Negara kita, hanya saya ingin mencadangkan satu cadangan supaya kerajaan mengkaji satu cadangan atau cara yang lebih baik untuk mendiami pekerja warga asing dan saya hendak tegaskan LMC yang dibina oleh Kerajaan Negeri sepatutnya dimiliki oleh rakyat Kerajaan Negeri yang membayar cukai. Saya ingin teruskan..(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta jalan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Kena bagi kerana EXCO.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

YB. Dato' Speaker, memang pelarian pada masa kini secara rasmi kami memang tidak dapat memberi bantuan secara langsung kerana pelarian yang sudah ada di Malaysia khususnya di Pulau Pinang kebanyakannya adalah Rohingya, jumlah adalah lebih kurang, lebih dari 20,000 pelarian di sini. Usaha bersama dengan UNHCR telah dijalankan dan sehingga kini tidak dapat satu *illegal* pelaksanaan dan Kerajaan Pusat telah memberitahu bahawa kerana Malaysia telah menandatangani polisi, *a policy not interference in the south in the ASEAN region*, oleh yang demikian dasar kerajaan tidak dapat bagi dia bantuan.

Walau bagaimanapun di Negeri Pulau Pinang secara langsung *we are working with NGOs to provide them medical and provide them education*. Jika di Butterworth di mana ada konsentrasinya satu sekolah juga dibuka untuk mereka tetapi secara langsung tidak secara rasmi supaya mereka tidak menjadi *illiterate*. Ini telah dijalankan. Dan itu memang dalam Kerajaan Pusat tak ada bagi bantuan secara langsung, itu juga masalah Kerajaan Pusat supaya Ahli Yang Berhormat dari Pulau Tikus sedar bahawa ini adalah keadaan, terikat tetapi secara kemanusiaan bantuan-bantuan di mana disalurkan melalui orang ketiga telah dibuat.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pengkalan Kota sila habiskan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Oleh itu, kita perlu memikirkan satu jalan untuk mengatasi masalah tersebut dengan segera supaya kerja keras yang, kerja kuat yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri tidak dirosakkan oleh masalah yang timbul ini.

YB. Dato' Speaker saya ingin membuat satu cadangan atau memaklumkan di Dewan yang mulia ini satu cadangan untuk mengatasi masalah ini yang kami belajar di Negara Singapura yang diketuai oleh YB. Datok Keramat bersama YB. Bagan Jermal, YB. Seberang Jaya dan juga YB. Paya Terubong telah melawat kampung pekerja asing di Negara jiran kita di Singapura dan di kampung pekerja asing tersebut memang mendapati bahawa fasiliti-fasiliti yang tertentu semuanya penuh. Ianya termasuk *hypermarket*, *supermarket*, *mini market* dan juga dobi yang menolong pekerja asing itu membasuh baju dan terdapat juga tempat-tempat yang tidur, sama seperti juga rumah yang ada tempat mandi, dapur untuk memasak dan juga tempat untuk bersenam dan *basketball court* pun ada dan sebagainya. Kami difahamkan juga dalam kampung pekerja asing ini tersebut terdapat syarat-syarat yang perlu diikuti oleh penduduk sana dan kampung pekerja asing tersebut hanya menerima hanya dapat menyewa unit-unit tersebut melalui majikan-majikan yang mengupah mereka dan semuanya adalah berlesen. Pekerja asing yang berlesen dan juga ada kerja yang tertentu. Ini akan juga mengelakkan pekerja asing yang tanpa lesen ini sudah bercampur dengan yang berlesen.

Oleh itu untuk menjaga kesejahteraan kehidupan rakyat jelata dan tidak menjejaskan kehidupan warga Negara kita pada masa yang sama rakyat juga boleh dapat lagi mempunyai rumah untuk diduduki. Saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya mengambil satu contoh, satu tempat tanah lapang yang dekat dengan tempat perindustrian atau perkilangan di luar bandar untuk mendirikan kampung pekerja asing supaya dapat menyewa unit-unit tersebut kepada pekilang untuk membolehkan pekerja mereka dapat tempat untuk tinggal dan dapat mengawal pekerja mereka yang lebih senang.

Cadangan ini bukan sahaja dapat memastikan pekerja asing sentiasa dalam kawalan malahan pula dengan cadangan ini juga dapat menolong atau memastikan rakyat jelata kita dapat menikmati rumah LMC atau LC yang sepatutnya diduduki oleh rakyat kita, ini merupakan *administration*...(dengan izin) yang akan memanfaatkan rakyat kita dalam pengurusan Negara dari segi keselamatan dan kediaman. Ini juga menunjukkan saya sekali lagi menegaskan bahawa saya tidak pernah membantah pekerja asing di Negara kita dan saya pun hendak membawa satu cadangan bahawa kita kena jaga cara kehidupan mereka juga.

Saya pun terima satu jawapan bertulis yang diberi oleh YB. Prof. P Ramasamy Timbalan Ketua Menteri II kita YB. Perai yang berbunyi Kerajaan Negeri melalui PDC Pulau Pinang mempunyai perancangan untuk menyediakan kampung pekerja asing atau *workers village* ...(dengan izin). Dua tapak telah dikenal pasti iaitu di Juru dengan keluasan 12.6 ekar dan Batu Kawan 18.2 ekar. Pelaksanaan projek ini akan dibuat secara penswastaan melalui RFP ataupun *Request For Proposal* bagi mendapatkan syarikat yang berpengalaman dalam bidang tersebut. RFP telah dibuka pada 17 September 2013 dan akan ditutup selepas tarikh 18 November 2013. Jadi ini menunjukkan Kerajaan Negeri pun ada inisiatif untuk menjaga hak milik rakyat Negeri kita. Ini saya hendak tunjukkan gambar-gambar kami yang telah diambil, mengambil semasa membuat lawatan. Ini merupakan bangunan yang mereka tinggal ada tempat yang spesifik untuk mereka yang sakit, jika sakit mereka juga ada tempat untuk rehat dan dengan lebih selesa dan juga ini merupakan bilik kedudukan mereka, *actually* yang terpilih tersebut ialah lebih luas daripada flat-flat yang mereka tinggal sekarang,

yang sewa sekarang dan juga tempat untuk membasuh baju dan juga tempat untuk memasak, jim punya tempat pun ada, jadi ini adalah untuk bersenam *indoor* pun ada, di luar *basketball court* pun ada, so maksudnya ini pun memang selesa dan fasilitinya memang mencukupi. Oleh itu saya berharap Kerajaan Negeri dapat menerima cadangan saya kerana jawapan yang saya dapat adalah di Seberang *Mainland* sahaja, jadi saya berharap di *Island* di luar daripada bandar pun ada yang dekat dengan tempat pengilangan pun boleh adakan satu *scheme* seperti ini. Dengan ini saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan Dewan akan bersidang semula pada jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.

Dewan bersambung semula jam 2.30 petang.

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan disambung semula.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih YB. Timbalan Speaker. Salam sejahtera. Saya juga berterima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Bajet 2014 yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

YB. Timbalan Speaker, visi dalam bajet ini adalah sangat jelas untuk negeri bertaraf antarabangsa dan pintar. Jadi pada pendapat saya keseluruhan Bajet Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2014 yang dibentangkan ini adalah konservatif, saya fikir ada banyak ruang juga boleh dibajetkan supaya kita boleh mempercepatkan kemajuan ekonomi kita. Saya fikir tidak ada bajet Mega Projek yang baru untuk maksud tersebut. Walaupun Kerajaan Negeri dipuji keupayaannya dalam mengamalkan sistem pengurusan kewangan dengan baik tetapi banyak lagi kelemahan dan pembangunan asas perlu dipertingkatkan dengan *political will* seperti infrastruktur pengangkutan awam, skim perumahan untuk *middle class*(dengan izin), dan sistem pembekalan makanan asas dan bekalan air iaitu air mentah dan minuman untuk 30 atau 50 tahun yang akan datang semasa menghadapi krisis.

Saya fikir untuk mencapai tujuan yang tersebut, kita harus seperti dalam ucapan bajet bukan sahaja fokuskan pencarian sumber-sumber baru dan kreatif dalam maksimumkan penggunaan sumber sedia ada yang terhad. Kerajaan Negeri harus berhasrat tinggi dan positif untuk mencapai prestasi ekonomi dengan peningkatan yang lebih mencabar dan tinggi iaitu setiap tahun 5% hingga 10%,

walaupun sektor-sektor penyumbang utama kepada ekonomi Negeri Pulau Pinang terdiri daripada sektor pembuatan, sektor pembinaan, sektor perkhidmatan dan sektor pelancongan tetapi sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan juga sektor pelancongan, pada masa ini memainkan peranan yang penting iaitu masing-masing *contribute* kan 30% masing-masing dan mungkin 10%, 10% adalah *contribute* oleh sektor pembinaan, tetapi penyumbangan sektor pembinaan akan tidak bermakna dan bernilai sekiranya pembangunannya yang tidak mampan dan menjejaskan alam sekitar yang tidak bernilai itu tidak menjejaskan. Alam semula jadi tidak dapat dibina semula jika dihapuskan, malah pembangunan manusia masih boleh dibina semula.

YB. Tuan Timbalan Speaker, saya ada meminta satu soalan tentang kaji semula Pelan Struktur Pulau Pinang tahun 2007 tetapi kaji semula Pelan Struktur Pulau Pinang 2007 yang selaras dengan seksyen 11A Akta 122 yang perlu dan harus disegerakan dan disempurnakan tahun 2013 untuk maksud tersebut untuk memberi satu jaminan kepada kita semasa kita membuat pembangunan. RSNPP 2020 tersebut yang dikaji semula, saya fikir jawapan yang diberikan masih belum dipamerkan sehingga hari ini untuk laporan publisiti dan draf akhir kajian semula pun belum disempurnakan seperti yang dijangkakan diselesaikan pada akhir tahun 2013 ini. Kalau kita ingin mencapai visi bertaraf antarabangsa dan pintar selain daripada kajian semula RSNPP 2020 tersebut saya fikir pewartaan pelan tempatan Pulau Pinang juga mesti disempurnakan sekurang-kurangnya pada hujung tahun 2014, jangan lagi ia ditangguhkan dan difahamkan sementara pelan pewartaan Pulau Pinang ditangguhkan atas sebab-sebab yang tidak boleh difahami dan yang tertentu dan juga mengambil kira RKK kawasan Tapak Warisan Dunia Georgetown dan RKK Kawasan Taman Botani dan kini mungkin tidak bersangkutan dengannya ialah RKK Bukit Bendera. Untuk mengambil kesempatan ini saya juga mencadangkan dua (2) rancangan dimasukkan ke dalam Pelan Tempatan Pulau Pinang tersebut. Dua (2) RKK yang pertama RKK Taman Tambunan iaitu *reclaimed land, master plan...*(dengan izin). Ia diadakan agar tanah kerajaan termasuk perairan laut kita dapat diurus dengan lebih bernilai dan untuk kepentingan awam.

Dalam RSNPP itu rajah 4.4 menunjukkan tanah tebus guna termasuk Sri Tanjung Pinang, tiga pulau binaan E&O, The Light, Middle Bank, Telok Tempoyak, Permatang Damar Laut untuk kegunaan *extension of airport...*(dengan izin), Batu Kawan dan sepanjang pantai, feri, terminal Butterworth ke muara Sungai Muda, semuanya diwartakan demi kepentingan persendirian atau komersial yang sekarang telah menunjukkan dengan bukti semua ini dipakai oleh pemaju dan kebanyakan *waterfront* tidak dapat diakseskan orang ramai misalnya The Light, ada satu ada dua pembangunan yang sangat hebat, ada jeti-jeti untuk tuan rumah-tuan rumah, *private use.....*(dengan izin). Ini semua contoh yang di mana satu kesalahan, kelemahan dalam RNSPP memberikan syarat yang begitu baik kepada pemaju di mana mengorbankan rakyat kita sendiri. Hingga masa ini saya juga dapat satu jawapan dari soalan saya iaitu mula dari tahun 1976 hingga 1999, luas tanah tebus guna adalah 2,217.76 ekar. Kegunaan tanah tebus guna semua ini kita harap boleh memanfaatkan rakyat dari segi *sustainability* pembangunannya.

Pelan induk mengenai RKK Tanah tambunan amatlah penting juga untuk mengawal, memelihara dan menjaga alam sekitar dan ekosistem lautan kita. Misalnya Middle Bank yang disasarkan dalam kawasan sebagai kawasan tanah tambunan dalam rajah 4.4 itu dan juga dalam RNS yang sedia ada itu akan tentu memusnahkan

kawasan unik yang tidak ada ekosistem laut kita iaitu *sea grassbed*.....dengan izin). *Sea grassbed* di Middle Bank dan juga Pulau Gazumbo. Pulau Gazumbo adalah satu pulau binaan manusia di tepi Jambatan Pulau Pinang dan kawasan Middle Bank yang meliputi *sea grassbed* ini adalah lebih kurang luasnya 125 hektar terletak antara Pulau Gazumbo di tepi Jambatan Pulau Pinang dan muara Sungai Pinang, dasar laut di muara Sungai Pinang. Sepanjang *Seagrass Bed* itu lebih kurang ada 6 *species seagrass* yang terunggul di Negeri kita. Kawasan *Seagrass Bed* ini adalah satu ekosistem yang mustahak yang menjadi satu kawasan untuk habitat lautan dan sungguh unik, produktifnya. Pada masa ini kawasan ini masih kekal dan produktif untuk menyokong hidupan lautan termasuk *dolphin*, dugong, ketam, penyu, *sea horse* dan lain-lain lagi. Ia adalah satu *food bank* untuk semua ikan-ikan di laut ini.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

YB. Tanjong Bunga, saya tertarik dengan *argument* dan juga debat Tanjong Bunga tentang *Seagrass Beds* ini, saya minta Tanjong Bunga mungkin boleh beri komen tentang laporan *World Applied Sciences Journal* tahun 2013 terdapat pencemaran petroleum *hydrocarbon* yang wujud di sepanjang Selat menghubungkan Pulau dan Seberang Perai. Saya kebetulan tanya soalan itu dan telah mendapat jawapan secara bertulis daripada Kerajaan Negeri. Sebenarnya saya lihat jawapan ini lebih kurang dua paragraph dan mungkin saya akan edar kepada pemberita selepas ini. Terdapat Jabatan Alam Sekitar (JAS) menjawab dia belum mengambil kira Parameter *Polycyclic Aromatic Hydrocarbon* (PHAs). Oleh yang demikian, JAS akan mengambil kira PHAs dalam persampelan yang akan dijalankan selepas mengikut standard baru yang dikeluarkan. Saintifik dia punya jawapan. Tapi apa yang saya sebagai elimen saya tengok jawapan ini macam tak ada persampelan yang dilakukan oleh JAS. Jabatan Alam Sekitar tak ada apa-apa pelan yang dilakukan ke atas kewujudan petroleum *hydrocarbon* ini. Adakah sekiranya *World Applied Sciences Journal* ini menyatakan sesuatu yang betul, adakah ia akan mempengaruhi ekosistem *Seagrass Bed* yang dikatakan oleh Tanjong Bunga ini. Apakah *impact* sekiranya ini benar? Apakah cadangan Tanjong Bunga untuk mengatasi masalah ini?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta penjelasan. Memang bila laporan ini dikeluarkan dia dikeluarkan secara umum untuk seluruh Malaysia dan sampel-sampel ada diambil di bahagian sungai-sungai Perai di mana terdapat begitu banyak di kilang-kilang perindustrian dan bukan di bahagian Pulau di mana ada *sea grass*, *sea grass* itu lebih kurang 10 hektar dan saya sedang memantau perkembangan di sana dan Middle Bank memang tidak terlibat dengan kawasan sana. Dan di sini juga kami melihat bahawanya ada dua (2) cara *sampling*. Satu (1) *sampling* ada cara ambil air dan satu (1) lagi ambil selut. Apabila ambil selut memang saya kena akui bahawa sejak perindustrian mula di Mak Mandin dan di Prai, memang sebelum kami ambil alih ini sudah jadi satu warisan dari Barisan Nasional. Usaha-usaha untuk membersihkan tapak-tapak sedang dijalankan. Misalnya sesiapa yang menggunakan Jambatan Pulau Pinang sebelum 2008 memang bila sampai tol memang boleh pengsan kerana dia punya bau begitu kuat. Tetapi hari ini jikanya sesiapa yang menggunakan Jambatan Pulau Pinang memang bau itu amat kurang. Saya tidak nafi bahawa usaha-usaha kena dijalankan dan di sini kehendak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat dan saya amat bersyukur bahawa Jabatan Alam Sekitar Pusat dan Negeri berusaha bersama-sama. Oleh demikian,

kami dapat menjayakan. Untuk selanjutnya, kami sekarang sedang berbincang selepas laporan itu dikeluarkan, cara macam mana diambil. Saya ucapkan ribuan terima kasih Ahli Yang Berhormat Air Itam yang membangkit isu ini yang telah diperhebatkan kepada bulan November. Saya ambil perhatian. Terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih pandangan daripada Yang Berhormat Sungai Puyu dan YB. Air Itam. Memang *hydrocarbon* ini adalah satu isu yang terkini dibangkitkan oleh pelajar. Tetapi pencemaran laut kita memang berlaku bukan tahun kebelakangan ini, tapi ia memang berlaku dalam 30 tahun wujudnya pada masa itu memang ada Indah Water atau kumbahan terus masuk ke laut dari Georgetown dan juga air kotor dari Georgetown masuk ke laut dan juga ada *leachate-leachate* dari *landfill* masuk ke laut dan juga pada masa mungkin 20 tahun yang lalu ada juga sisa-sisa atau najis khinzir masuk ke laut dan juga *industrial water waste* juga masuk ke laut. Ini berlaku bukan semata-mata lima (5) tahun yang lalu sahaja. Ia memang wujud 10 tahun yang lalu. Jadi memang ini akan mencemarkan laut, perairan laut kita di sekitar termasuk juga di kawasan Batu Feringghi dan juga di kawasan selatan.

Jadi *hydrocarbon* adalah satu *maybe* isu yang dibangkitkan yang harus diambil perhatian oleh semua pihak terutamanya JAS di mana saya fikir usaha lebih kuat harus diambil tindakan lebih serius harus diambil oleh JAS dan saya dapati bahawa ada dua *pump house* di Seberang Perai di mana air *industrial waste* yang kononnya sudah diproses dan dikeluarkan dari kilang-kilang ia akan masuk dalam kawasan dua (2) pam itu dan pam itu akan pam air keluar ke laut. *My follow up* ...(dengan izin), 10 tahun yang lalu sehingga hari ini memang MPSP pada tahun yang lalu ada bekerja dengan kuat di mana sampah-sampah di dalam kolam *pump station* sana sudah dikeluarkan dengan jadual yang ditetapkan. Pada masa kebelakangan ini bila saya lawat tapak terdapat kolam itu telah bersih tiada sampah. Tetapi air memang masih kotor itu air *industrial waste* dan lain-lain yang mungkin tak betul juga di "*filter*" kan dan dikeluarkan dari kilang-kilang. Jadi saya harap pihak JAS berusaha lagi untuk memastikan air kotor yang dikeluarkan dari kilang juga dapat dikesan, dia buat kerja dengan betul.

Jadi jikalau alam sekitar kita, ekosistem kita seperti Middle Bank seperti *Seagrass* itu dimusnahkan, memang kita akan hilangnya selama-lamanya. Lautan yang ditambun pemaju-pemaju demi kepentingan komersial dan persendirian akan menjadi pemaju-pemaju kaya, tetapi apa yang dimusnahkan itu tidak dapat dikira nilainya. Mengikut satu laporan bahawa Middle Bank iaitu kawasan *Seagrass Bed* adalah salah satu-satunya di Pulau Pinang terutamanya di Selat Melaka, di Selat Melaka lebih kurang 20% spesiesnya terkandung di kawasan kita ini dari 50 spesies sedunia kita terdapat 20% ada di sini. *Seagrass Bed* boleh di dapati di beberapa kawasan dari sepanjang Selat Melaka ini, dari Pantai Pulau Langkawi, Kedah, Penang, Perak, Negeri Sembilan terutamanya Pulau di Johor, tapi malangnya *Seagrass Bed* yang mengandungi *sea horse* di Johor itu sudah dimusnahkan. *Seagrass Bed* yang terbesar Malaysia pada masa ini ialah *Merambong Shoal* sepanjangnya 1.2 kilometer, lebarnya 80 hingga 100 meter. Jadi mengikut seorang pelajar Den Hartog pada tahun 1970 bahawa *Seabed Grass* yang dijumpai di Middle Bank di Pulau Pinang ini mengandungi enam (6) spesies dan tiga (3) spesies yang terbesar sekali termasuk *enhalus*, *halophila*, *halodule*.

Jadi, ancaman yang utama ke atas ekosistem *Seagrass Bed* adalah dilakukan manusia dengan pembangunan lautan seperti tebus guna di sepanjang pantai. Middle Bank dan termasuk Pulau Gazumbo ini telah lama menjadi kawasan pengajian ekosistem *Seagrass Bed* oleh pelajar-pelajar dari USM dan juga dari tempatan dan antarabangsa. Jadi, saya fikir kita harus mengekalkan kawasan *Seabed* yang kita ada ini di Middle Bank dan Pulau Gazumbo ini yang unik ini sebagai satu Taman Rekreasi Marin supaya diwartakan sebagai Taman Marin *Seagrass Bed* Pulau Pinang sebagai satu produk pelancongan baru. Tidak juga lupa bahawa dalam ucapan Bajet kita, kita juga ada menyentuh satu (1) perkara bahawa persinggahan penyu sudah bertambah di Pulau Pinang. Dia bertambah kerana dia ada makanan di sini. Kalau *Seabed Grass* itu dimusnahkan memang penyu semua ini akan hilang dan satu lagi yang sangat menarik adalah *dolphin*, dia menunjukkan cintanya kepada *girlfriend* nya, katakan *dolphin* yang ada itu dengan memberikan *Seabed Grass* itu kepada *girlfriend* nya, pasangannya. So, itu satu, satu apa tu *situation* yang istimewa di yang berlaku di laut kita. Jadi ini adalah sangat penting untuk kita mempertahankan *Seabed Grass* kita.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Minta penjelasan. YB. Tanjung Bunga, saya mendapati ucapan YB. Tanjung Bunga itu sangat menarik. Berkenaan dengan *Seagrass Bed* ini(dengan izin). Adakah cadangan untukewartakan kawasan itu sebagai satu tempat pelancongan yang dapat memelihara *Seagrass Bed* tersebut. Sekiranya pelancong yang ramai pergi ke kawasan *Seagrass Bed* ini, adakah ia akan merosakkan tumbuhan-tumbuhan semula jadi ini dan seterusnya akan memusnahkan ekosistem yang telah dibangkitkan oleh YB. Tanjung Bunga tadi. Sebab tadi ada pandangan mengatakan bahawa Middle Bank dan ramai lagi pemaju yang telah membangunkan di kawasan sekitar, di persekitaran pantai ini dan mereka juga menyatakan itu adalah untuk memelihara dan juga untuk menarik pelancong juga untuk datang ke kawasan tersebut. So, itu saya rasa ada bertentangan sekiranya kita menjadikannya sebagai satu kawasan tempat pelancongan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Penjelasan. Minta laluan. Sebenarnya kegunaan *Seagrass Bed* bukan sahaja untuk memelihara *seahorse* tapi *Seagrass Bed* tu memberi nutrien kepada ikan-ikan kecil dan ekosistem di dalam kawasan perlautan. Maka sebenarnya ia penting bagi kemampanan perikanan-perikanan dan ekonomi perikanan bagi Pulau Pinang dan *Seagrass Bed* juga akan tangkap *soil* tanah yang hanyut ke pinggir pulau kami maka akan bantu untuk mencegah *erosion*. So, *Seagrass Bed* s sebenarnya selain daripada *tourism* juga bantu dalam kemampanan perikan serta pemeliharaan pinggir pantai kami. Terima kasih.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

YB. Dato' Speaker, penjelasan. YB. Dato' Speaker, saya amat berbangga dan juga menarik akan isu ikan lumba-lumba yang datang ke Pulau Pinang itu. Saya tak akan kata saya adalah seorang pakar tetapi saya memang dah lama 10, 20 tahun ikut apa ni ikan lumba-lumba di Australia dan juga di Selat Melaka. Bukan *expert*, tapi pendek kata YB. Dato' Speaker adalah penting dua (2) isu di sini dan saya ingat

wujudkan di sini. Satu (1) adalah kepentingan dan kewajipan sebagai Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengambil berat dan kepentingan atas binatang liar *wild life* yang datang ke Pulau Pinang. Ikan lumba-lumba YB. Dato' Speaker dia bukan suka pergi ke mana-mana tempat yang hanya tempat yang sesuai dan tempat yang cantik seperti Negeri Pulau Pinang dan dia akan datang seperti Bay, Moreton Bay di Australia dan juga beberapa tempat.

Dengan kesimpulan adalah penting bagi kita mengambil berat atas *survival* ... (dengan izin) ikan lumba-lumba. Baru-baru ini dua (2) ikan lumba-lumba mati di laut Pulau Pinang. Di dalam tempoh satu (1) bulan ini dan adalah cukup susah hati bagi orang Pulau Pinang. Bagi saya juga kerana ikan lumba-lumba memang datang ke Pulau Pinang saya lihat dengan mata saya sendiri juga tengok bagaimana mereka *enjoy* (dengan izin) lautan Pulau Pinang dan juga yang penting itu saya nak rakamkan bukan sahaja ikan lumba-lumba tetapi ikan lumba-lumba yang *pink colour*, *pink dolphin* juga datang ke Pulau Pinang. Ya, dan sekarang ini pertandingan daya saingan dari Negeri Perak juga datang untuk cuba menarik ikan lumba-lumba ke Perak, tempat yang datang menarik ikan lumba-lumba yang datang ke Pulau Pinang itu adalah sepasang. Dan dengan ini saya alih kepada isu kedua di mana kita mengatakan ekologi *versus* (dengan izin) *ecology versus*, ekologi lawan apa ni *tourism*. Di sini saya ada satu (1) perkara sahaja cadangan saja iaitu tak semestinya dengan mengambil kira cadangan Machang Bubuk tak semestinya pelancongan mengenai haiwan liar itu bercanggah tak semestinya bercanggah dengan *protection* perlindungan haiwan yang liar itu. So, tak semestinya. Kadang-kadang jikalau dengan urusan yang baik kita boleh dapatkan faedah dari dua segi dua-dua aspek itu. Itu sahaja. Terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih kepada YB. Machang Bubuk, YB. Pulau Tikus dan YB. Kebun Bunga bagi penjelasan yang begitu tepat dan terperinci dan juga menambahkan kredit semua orang supaya mempertahankan *Seagrass Bed* di Pulau Pinang yang penting unik ini. Jadi, tiada masalah untuk dipelihara dan pelancongan boleh dihadkan atau boleh di *design* supaya tak ramai pergi turun ke laut *Seagrass Bed* itu supaya merosakkan menjejaskan tempat itu lah. Jadi, tiga (3) syarat, satu (1) kes di Hong Kong di mana bila mereka buat tebus guna laut, jambatan yang melalui satu kawasan di mana kawasan itu adalah kampung katakan kampung *dolphin* jadi melalui bantahan daripada sekuat-kuatnya daripada NGO, maka Kerajaan Hong Kong juga membuat satu pindaan atas pembangunan projek itulah supaya kawasan *dolphin* itu dapat dikekalkan dan sekarang dia memang jadi satu tapak yang menarik.

Jadi, saya fikir tiga (3) syarat yang harus diadakan oleh semua pembangunan atau bandar raya untuk menjalankan bila nak menjalankan tebus guna tanah iaitu kalau tebus guna itu amatlah perlu dijalankan dari segi ekonomi, komuniti atau alam sekitar dan keperluan masyarakat. Yang kedua, jikalau sudah kehabisan cara-cara lain dan ketiga ia tidak boleh menjejaskan operasi sesebuah pelabuhan atau yang terdekatnya *community* itu. Jadi ini adalah tiga (3) syarat yang sekarang saya fikir dipakai guna oleh kebanyakan bandar raya antarabangsa bila dijalankan tebus guna tanah. Saya harap jadi dengan itu....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan. Minta laluan Yang Berhormat. *Sorry*. Saya baru masuk tapi tertarik dengan perbincangan ini. Sedarkah Yang Berhormat baru-baru ini ada satu liputan berkenaan dengan terjumpanya buaya *Crocodile sighting in Penang sparks frenzy* liputan surat khabar *The Star*. Saya nak baca *the people's paper*. Terima kasih. Ini bukan buaya darat, ini betul-betul buaya. Apakah ulasan Yang Berhormat berkenaan dengan perkara ini dan saya pun risau nak pergi ke tepi laut, sama ada tindakan-tindakan perlu diambil dan sebagainya berkenaan dengan perkara ini kerana kita baru dapat jumpa satu (2) saja, banyak lagi yang mungkin ada. Apakah pandangan Yang Berhormat berkenaan perkara ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih YB. Seri Delima. Jadi, buaya di dalam laut ini memang menarik hati. Tetapi ia memang bahaya kepada manusia *naturally* tetapi buaya darat lebih dahsyat la. Jadi mungkin dia tersesat di jalan raya, Sungai Jawi atau sungai mana satulah dia, kerana setahu saya buaya ada banyak di Sungai Jawi dan selatan lah. Jadi, dulu ada juga kawan-kawan yang membela buaya di kawasan sana jadi satu *Crocodile Park, something like that ...* (dengan izin, mungkin buaya-buaya itulah yang terlepas masuk ke laut. Kalau boleh JAS, JPS atau Perhilitan kena buat kerja untuk keluarkan buaya ini dari laut supaya dia kita semua selamat dan nelayan juga selamat dapatkan ikan untuk semua kita. Jadi saya haraplah RKK Tanah Tahunan ini diadakan dan disempurnakan dalam Pelan Tempatan Pulau Pinang demi maksud yang kita bahaskan tadi.

Satu lagi RKK saya fikir sesuai juga dimasukkan dalam Pelan Tempatan Pulau Pinang iaitu RKK Tanah Berisiko dan Bercerun Kelas Tiga dan Empat disediakan dan diwartakan untuk pengawalan, pengurusan, pemeliharaan, dan penjagaan alam sekitar terutamanya ' *water catchment* ' atau kawasan tadahan air di bahagian Pulau di kawasan Bukit Bendera. Walaupun kita ada Garis Panduan *Safety Guidelines for Hillside Development 2012* disediakan JPBD dan PBT untuk pengawalan aspek keselamatan dan penyelenggaraan dalam aktiviti pembangunan di kawasan lereng bukit tetapi ia tidak diberikan penguatkuasaan dan diperuntukan dengan sempurna supaya tugasnya dijalankan dengan betul misalnya, kes ' Bukit Gondol ' atas Lot 11396 yang terletak di atas paras air 980 kaki dan dibotakkan dengan pemotongan pokok dan tanah bukit nampak dari jauh bukan sahaja bukit digondolkan dan tidak dapat dikawalkan. Akhirnya kita lihat dari jauh bukan sahaja bukit dimusnahkan maka prestasi kerajaan dalam bidang ini dipertikaikan. Walaupun pemaju atau tuan tanah nama dia General Appearance (dengan izin) itu didakwa ke mahkamah dan didenda juga tak cukup untuk memelihara bukit yang digondolkan itu. Jadi terutamanya Director nya sangat bangga berkata dalam surat khabar. "Saya sudah belanja bermillion ringgit, tanam pokok apa lagi." Apa itu million ringgit, ini lebih lagi nilai daripada million ringgit mungkin tidak terkira.

Jadi adalah betul bahawa Jawantankuasa Tanah dalam pengurusan tanah dan menangani isu-isu tanah memang ada kelemahannya dalam kes macam ini dan saya fikir adalah perlu untuk adakan RKK Tanah Tambunan reclaim land dan *master plan ...* (dengan izin) dan RKK Tanah yang berisiko dan bercerun Kelas 3 & 4 ini diwartakan

dan dimasukkan ke dalam Pelan Tempatan Pulau Pinang. Dengan adanya RKK 2 ini saya fikir yang kelemahan berkemungkinan dilakukan manusia dalam Jawantankuasa Tanah atau jawantankuasa berkenaan dan jabatan-jabatan berkenaan yang selalu meluluskan permohonan dengan alasan *technical comply*...(dengan izin). Jadi tidaklah begitu betul kepada pandangan saya.

RKK Tanah Bukit yang berisiko itu juga perlu untuk mengawal kawasan air tadahan di Bukit Bendera dan sebagainya di Negeri kita. Air mentah dari tadahan dari Bukit Bendera atau tadahan di kawasan sekitar cuma membekalkan 20% bekalan air kepada Negeri Pulau Pinang. Manakala 80% dibekalkan dari Sungai Muda. Bekalan air mentah dari Sungai Muda dijangka hanya dapat memenuhi keperluan bekalan air mentah Negeri Pulau Pinang sehingga tahun 2020 sahaja. Jadi cuma tinggal enam (6) tahun saja. Jadi lepas 2020, sumber tambahan adalah diperlukan untuk membekalkan air mentah bagi Negeri Pulau Pinang, jadi air mentah akan datang dari mana?....(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Tanjong Bunga panjang lagi.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Saya minta panjang sikit, kerana semua isu yang penting, yang perlu didengar dan yang patut didengar. Saya minta panjangkan masa, terima kasih. Atas isu tersebut selalu diancamkan dan diugutkan politik terutamanya masa ini memang Barisan Nasional bila dah rampas kuasa Kerajaan Negeri Kedah akan naikan kos mengguna air mentah dari Sungai Muda, kalau tidak akan putus bekalnya. Ini tidak patut dibangkitkan untuk kemanusiaan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Mohon penjelasan tadi Yang Berhormat menyatakan yang Kerajaan Negeri Kedah akan menaikkan harga kos air mentah dan kalau tak akan diputuskan bekalan air itu. Betul? Itu apa yang diutarakan oleh YB. sebentar tadi. Cuba ulang sekali lagi.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Sungai Muda, kalau tidak akan putus bekalnya. Ini mungkin satu, saya faham, mungkin akan ditanya. saya faham, mungkin itu ayat yang kurang jelas, boleh jelaskan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya jelas, tapi saya difahamkan dalam mesyuarat yang lepas, Y.A.B. Ketua Menteri masih lagi belum berjumpa dan berbincang. Jadi bagaimanakah timbulnya air dikatakan akan dinaikkan. Padahal perbincangan belum diadakan lagi.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Boleh saya mencelah sikit. Penggal lalu kita pernah berbincang saya membangkitkan isu ini bahawa kita tidak patut akur kepada sebarang permintaan daripada Kerajaan Negeri Kedah terhadap caj air mentah kerana dia ada had menggunakan Sungai Muda adalah undang-undang, kita mempunyai persepadanan. Saya kata penggal lalu, saya kata itu adalah agenda politik Menteri Besar Kedah kerana dia nak bertanding jawatan Majlis Tertinggi Naib Presiden UMNO, dia lawan-lawan dia nak tanding, dia ugut Pulau Pinang dia nak kata itu kata ini, semata-mata ura-ura untuk bertanding Naib Presiden UMNO.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Air Itam, ini satu tuduhan.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Duduk, duduk, bukan tuduhan itu analisis politik. Analisis politik. Saya kata itu memang mempunyai agenda. Dia anak Mahathir, anak Mahathir, dia ikut cara itu. Saya ringkaskan, oleh itu, analisis politik saya selepas dia kalah dalam pertandingan itu, dia tidak bangkitkan lagi, dia diam, dia *slow down*, itu analisis kita bahawa memang nak guna peluang itu. Oleh itu kita tidak perlu khuatir, itu taktik politik dia, taktik politik Kedah semata-mata untuk menghadapi pilihan raya UMNO.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Dato' Speaker, saya minta laluan.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Dan saya kata penggal lalu, saya kata UMNO ataupun pembangkang tidak mempunyai pendirian dalam hal ini dan sampai hari ini mereka juga tiada pendirian dalam hal ini, kerana mereka tiada, sepatutnya saya menjemput mereka supaya mengadakan satu pendirian supaya Kerajaan Negeri tidak menerima ataupun menghiraukan menerima cadangan kenaikan, sampai hari ini sudah lima (5) bulan tidak ada pendirian.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Minta penjelasan YB. Dato' Speaker. Semasa isu ini dibincangkan di Dewan ini masih belum ada lagi pertandingan untuk Naib Presiden UMNO. Tidak ada lagi. Tidak ada lagi. Dan dia belum buat keputusan untuk bertanding. Itu satu tuduhan melulu, tidak betul. Itu analisis politik yang salah.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Itu bukan satu tuduhan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya belum habis lagi, sila duduk. Satu tuduhan politik yang salah.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Analisa politik.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Itu analisa politik yang salah.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Itu satu analisa yang salah, saya belum habis lagi. Yang kedua kenapa kita nak bangkitkan isu ini lagi kerana Yang Amat Berhormat berkata yang beliau akan berjumpa dengan Menteri Besar Kedah untuk berbincang, sebab itu kita ambil pendirian untuk mendengar dan melihat apakah keputusan daripada perbincangan itu. Sampai ke hari ini masih belum ada lagi perbincangan kerana kita takut membuat keputusan itu tidak betul. Contohnya sekitar tahun 80-an Kerajaan Pulau Pinang pernah meminta supaya Kerajaan Negeri Kedah membuka laluan memberi air kepada Pulau Pinang dan kita membayar, boleh *check*, Kerajaan Negeri boleh *check* balik di sekitar tahun 80-an ada insiden di mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang meminta Kerajaan Negeri Kedah supaya memberi air kepada Pulau Pinang dan kita terpaksa membayar.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Waktu itu semasa kerajaan Barisan Nasional memerintah.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Dengar saya cakap dulu, bagi saya habis dulu. Insiden ini pernah berlaku. Sebab itu kita berhati-hati dalam insiden ini sebab itu kita mahu Kerajaan Negeri berbincang dengan berhemah dengan Menteri Besar Kedah. Buat keputusan untuk kebaikan rakyat Pulau Pinang dan kalau terus sombong bercakap membuat analisa politik yang salah sebegini, ia akan menyakitkan hati orang Kedah. Apa kata sekiranya kalau Kedah membuat empangan di sana. Minta, depa lepaskan. Tak minta, tidak lepas. Apa akan berlaku? Sebab itu berhati-hati sebab kita menghormati Y.A.B. Ketua Menteri, dia kata dia akan berbincang dengan Negeri Kedah dulu. Kita dengar perbincangan itu baru kita bahaskan.

Yang di- Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah jelas, Pulau Betong. YB. Tanjong Bunga kesimpulan 10 minit lagi.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Saya harap jangan ganggu lagi. Jadi walaupun ada satu rancangan Kerajaan iaitu *Master Plan Study For Potable Water Supply in Pulau Pinang until year 2050...* (dengan izin). Mengenal pasti Sungai Perak sebagai memberi sumber air mentah untuk Negeri Pulau Pinang dengan kos anggaran RM300 juta oleh Kerajaan Persekutuan seperti yang termaktub dalam akta (WSIA Act) tetapi projek ini juga masih belum diluluskan dan ditangguhkan. Saya harap projek ini boleh diluluskan secepat mungkin dan harap Yang Berhormat-Yang Berhormat juga mempercepatkan kelulusan ini supaya kita dapat memberi bekalan air kepada Negeri.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sebab YB. minta pandangan daripada kami. Begini pandangan kami Mengkuan Dam telah dibina dan hampir siap. Kita telah melihat bekalan air Kedah lebih murah sebab lebih dekat atau bekalan air dari Negeri Perak, yang mana satu lebih murah, kalau itu murah bermakna kita akan dikenakan caj air yang rendah itu kita minta, membuat perbandingan yang mana lebih murah sama ada daripada Perak atau Kedah. Kita bukan buat usul ini, kita bersetuju menyokong tidak. Kita menyokong mana yang murah, yang rendah daripada Kedah atau Perak kerana kos itu yang memakan jumlah berjuta-juta ringgit.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih. Memang kedua-dua projek bekalan air mentah dari dua-dua negeri itu mustahak. Tambahan dari Perak itu satu pilihan pada masa depan dan adalah perlu juga untuk Kerajaan Negeri mengkaji supaya satu jangka lebih panjang untuk mengekalkan bekalan air dengan pembinaan kilang *Filtration distillation of seawater to freshwater'...*(dengan izin) untuk tujuan rawatan air laut, walaupun memerlukan kos yang tinggi tetapi ia lebih stabil dan lebih *independent*. Kita harus dapat amaran bahawa bekalan air jadi isu besar dalam masa 20 tahun akan datang, di mana pergaduhan antara manusia juga akan berlaku kerana kekurangan bekalan air yang bersih. Jadi YB. Dato' Speaker, untuk Pihak Berkuasa Tempatan, saya rasa berpuas hati bahawa dimaklumkan bahawa terutamanya Bahagian Penguatkuasaan yang terletak di bawah Jabatan Sumber Manusia akan dipertingkatkan ke Jabatan Penguatkuasaan supaya penguatkuasaan boleh dilaksanakan tanpa *fear and favour...* (dengan izin) dan lebih berkesan dan adil. Ini adalah satu harapan yang saya bangkitkan dalam sesi yang lalu.

Saya juga merujuk kepada peruntukan Bajet 2014 ini terdapat peruntukan untuk beberapa jabatan dan agensi tidak relevan dan amat kecil atau sedikit. Indeks Akauntabiliti juga menunjukkan beberapa jabatan dan agensi negeri yang mencapai penarafan empat (4) bintang iaitu tahap sangat baik dan teratur. Misalnya, jabatan tersebut adalah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kewangan Negeri, Majlis Agama Islam Pulau Pinang, Pejabat Tanah dan Galian, PDC, Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang.

Dan dibanding dalam Bajet 2014, menunjukkan untuk maksud B.03, B.04, B.05, B.06 dan B.07 adalah kurang daripada 1% dalam jumlah Bajet 2014. Adakah ini menunjukkan prestasi dalam jabatan ini tidak memuaskan. Maksudnya prestasinya dan peruntukannya menunjukkan jabatan-jabatan ini tidak produktif. Maka, kalau begitu untuk mempertingkatkan prestasi keseluruhan dan maksimumkan penggunaan sumber yang terhad pada peringkat ini, saya cadangkan di bahagian pulau, kedua-dua jabatan DTL dan DBD dimansuhkan dan dicantumkan di bawah Majlis Perbandaran Pulau Pinang di mana lebih baik, perkhidmatan akan diberikan oleh Perbandaran. Dalam masa yang sama, beberapa jabatan baru harus ditubuhkan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang terutamanya untuk mempertingkatkan perkhidmatan awam dalam usaha Kerajaan Negeri untuk merealisasikan impian ke arah negeri maju, pintar dan bertaraf antarabangsa pada tahun 2015.

Jadi jabatan-jabatan baru yang dicadangkan seperti Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Lanskap, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal, Jabatan Urbanisasi dan *Sustainable Development* dan Jabatan Geotek Tanah Tambunan dan Tanah Bukit Berisiko, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Audit dan akhir sekali Jabatan Marin terutamanya Jabatan Marin itu kita perlukan untuk menangani isu yang dibangkitkan oleh YB. Seri Delima berkenaan dengan kejadian kemalangan-kemalangan berlaku di pantai Batu Feringgi oleh pengusaha-pengusaha pantai. Jadi saya fikir *Restructuring*, *Re-engineering* dan *Re-branding* untuk mempertingkatkan Majlis Perbandaran Pulau Pinang ini sangat perlu disegerakan dan ia amat bermakna mengikut Bajet yang dibentangkan ini. Terutamanya Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal sangat penting sekali dan perlu disegerakan kerana *Solid Waste Management*...(dengan izin) di Negeri Pulau Pinang kini sudah berada dalam tangan kita lebih tiga (3) tahun. Jadi infrastruktur untuk *Solid Waste Management* dari pintu rumah atau punca ke tanah pelupusan *landfill*...(dengan izin), tapak iaitu Pulau Burung melalui *transfer station* di Ampang Jajar dan dari SPS terus ke Pulau Burung sudahpun berjalan dengan lancar dan seperti dirancang.

Jadi amatlah perlu jabatan itu menjalankan tugas pengawalan sisa pepejal dengan lebih berkesan. Sekarang apa yang kurangnya ialah *segregation at source* dan *regulator* atau *by-law* PBT untuk melaksanakan sistem yang berkesan ini untuk menjadikan sisa pepejal yang kita keluarkan 2,000 metrik tan sehari boleh dikawal dengan betul dan mengurangkan sisa pepejal masuk ke dalam *land fill* dan meningkatkan penggunaan *landfill*.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sebelum itu, saya nak buat satu usul. Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan Peraturan 6A(i) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon masa Persidangan hari ini 9 Disember 2013 Isnin dilanjutkan sehingga jam 7.00 malam.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ada sokongan.

Timbalan Ketua Menteri I:

Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A(i) untuk melanjutkan tempoh Persidangan pada hari ini 9 Disember 2013 hari Isnin dilanjutkan sehingga jam 7 malam.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata "Ya." Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak setuju katakan "Tidak."

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Ahli-ahli Pembangkang:

"Tidak."

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Ya" lebih suara bersetuju, usul ini dipersetujui. YB. Tanjong Bunga telah mengambil masa lebih satu jam dan lepas ini sila buat kesimpulan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan, satu perkara sahaja. Bercakap tentang sisa pepejal, saya tidak sempat mengulas perkara ini semasa saya membahaskan Bajet di *table* di Dewan ini. Saya merujuk kepada suratkhbar *The Star*, *the people's paper* berkenaan dengan *empty plastic bottles are being left at the side of the road* (dengan izin) semasa anjuran the Penang Bridge Run. Saya rasa perkara ini harus diberi perhatian serius kerana tiap-tiap tahun bila kita menganjurkan Penang Bridge Marathon, kita lihat penganjur tidak memberi perhatian kepada inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang tidak menggalakkan penggunaan plastik. Kita lihat dalam gambar ini terdapat botol-botol plastik yang ditinggalkan di tepi-tepi jalan, longgokan yang begitu banyak. Jadi saranan saya kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan adalah kalau boleh semasa anjuran sukan besar begini, kita pastikan bahawa konsep *No Plastic* juga diamalkan secara serius kalau tidak kita akan jadi *laughing stock* mengapa kita membenarkan plastik-plastik botol digunakan, walaupun polisi Kerajaan Negeri adalah tidak membenarkan plastik beg digunakan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih pandangan daripada YB. Seri Delima. Itu terpulang kepada *public* kesedaran *public* untuk menjaga alam sekitar bukan melalui anjuran yang memberi penguatkuasa. Jadi saya sambung. Melalui sistem *segregation at source* ini kita jangka *recycling rate* akan tercapai antara 50 - 70%. Jadi pada masa kini, kalau kita capai *recycling rate* ini memang akan menjimatkan PBT dalam bajet menguruskan sisa pepejal ke RM30 hingga 50 juta setahun.

YB. Timbalan Speaker, prestasi ekonomi Negeri Pulau Pinang kita bergantung kepada sektor pembuatan, pembinaan, sektor perkhidmatan dan sektor pelancongan. Untuk mempertingkatkan prestasi ekonomi Negeri, kita juga mesti pertingkatkan taraf dan kualiti infrastruktur baru. Kita ada tiga (3) projek mega yang akan dijalankan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas iaitu Jalan Pintasan Ayer Itam ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu, Jalan Pintasan Persiaran Gurney, Jalan Berkembar Tanjung Bungah dan Terowong Link Ketiga yang bernilai RM6.341 billion. Maka saya juga mencadangkan untuk menghadapi pembangunan tahun 2025, satu lagi projek pengangkutan awam iaitu *mass transportation*. Selain sistem *transportation model* yang lama, bas dan lain-lain, sistem pengangkutan awam *mass* yang kita boleh pertimbangkan adalah *underground heavy rails transportation* dilaksanakan. Sistem *subway* ini amatlah sesuai untuk Negeri kita dibandingkan LRT dan monorel. Di sini kita juga dapat banyak perbandingan antara *heavy rail*, *light rail* dan *monorail*. Kekuatan *subway* adalah lebih daripada kekuatan *light rail* dan monorel. Dan banyak lagi kekuatan saya tidak akan jelaskan lagi. Memandangkan kajian *heavy rail* dipakai oleh bandar raya yang besar seperti Hong Kong, Shenzhen, Kaohsiung, Taipei, Tokyo, Shanghai memang *heavy rail* ini sangat bermanfaat kepada seluruh bandar raya yang besar dengan penduduk yang sekurang-kurangnya 2 juta ke atas. Bandar raya misalnya Kaohsiung yang berpopulasi lebih kurang tiga juta dia juga mengambil keputusan untuk mengadakan *heavy rail* ini untuk memberi perkhidmatan yang lebih selesa kepada orang ramai dan ia berjaya.

Saya fikir di Pulau Pinang kita boleh mempertimbangkan sistem ini kerana populasi kita akan sampai 2 juta dan dengan adanya pelancong yang datang ke Pulau Pinang. Misalnya dalam tahun 2012, ada enam juta pelancong masuk ke Pulau Pinang dan juga data-data bahawa pelancong-pelancong masuk melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang pada tahun ini adalah 40.4 juta. Ini adalah pelanggan yang boleh memberi *market* kepada *subway* ini.

Di samping itu saya fikir, untuk meningkatkan ekonomi kita seperti mana yang di mahu Penang sebagai *Sports City* kita perlu mempercepatkan pembangunan *dedicated Bicycle Lane* dan saya juga meminta Kerajaan Negeri mempercepatkan dalam menentukan satu tapak *International Youth Camp Site* untuk mengembalikan kecemerlangan kita bila kita ada *coronation camp* bila kita dapat banyak *youth international* datang ke Pulau Pinang untuk berkhemah dan berinteraksi, jadi saya harap dapat dipercepatkan ditentukan tapaknya.

YB. Timbalan Speaker, saya fikir rancangan ekonomi kelautan harus juga dikaji untuk meneroka ekonomi lautan terutamanya di Lautan Hindi selain daripada sektor yang lain. Ekonomi lautan akan membawa lebih banyak sumber ekonomi baru dan juga pekerjaan kepada Negeri kita. Negara dan bandar raya antarabangsa, pelabuhan

antarabangsa seperti Hong Kong, Singapore, Kaohsiung, Seoul, Shanghai, Seoul, Busan dan Tokyo dan sebagainya selalunya terlibat dalam aspek ekonomi lautan dan mereka berjaya memperkembangkan ekonomi mereka melalui ekonomi lautan. Jadi industri perkapalan, pembinaan kapal Yatch Industry, Cruise Industry dan lain-lain termasuk *deep sea fishing*, *marine product*, *port management* dan juga *marine engineering*....(dengan izin) akan membawa banyak pekerjaan kepada kita. Sebagai satu negeri pulau adalah tempat yang sesuai untuk kita meneroka ke dalam bidang ekonomi lautan ini. Jadi ekonomi lautan meliputi aktiviti yang luas. Kita tahu bahawa lautan meliputi 70% dan daratan hanya 30%. Jadi ekonomi lautan menuju ke arah ini iaitu satu perkembangan yang hebat dan pada masa ini banyak lagi banyak pelabuhan antarabangsa misalnya Kaohsiung dia sudah menuju ke arah Green Port, Green Fishing, Marine Tourism and Recreation Global Cruise Travel Trend dan juga menjadikan *port* itu satu *marine aesthetic of life* juga termasuk *marine culture* ... (dengan izin). Jadi kita harus lukiskan satu *road map* ekonomi lautan untuk Negeri Pulau Pinang sebagai satu sumber unik untuk memperkembangkan Negeri Pulau Pinang mencapai visi negeri bertaraf antarabangsa dan pintar juga, sebuah bandar lautan *international*...(dengan izin) *the pivotal position of Penang* di Selat Melaka dan Lautan Hindi yang terkenal sebagai pelabuhan *silk road by the sea* ...(dengan izin) jadi akan memberi kita ruang lagi faktor untuk menjadi satu bandar lautan antarabangsa yang cemerlang.

Isu yang terakhir, saya mahu sentuh, mahu tak mahu juga saya kena sentuh juga. Iaitu isu Mak Nyah. Bajet untuk 2014 ini tidak cukup, saya fikir demokrasi dan berperikemanusiaan. Ia harus juga selain daripada menjaga golongan wanita sebagai spektrum gender maka golongan Mak Nyah yang kita telah bersetuju memberi bantuan pada mesyuarat pertama yang lalu, tidak diperuntukkan Yang Berhormat-Yang Berhormat termasuk YB. Telok Ayer Tawar, YB. Sungai Dua, YB. Bertam dan YB. Telok Bahang, di mana sudah pun kita bersetuju bahawa satu jawatankuasa ditubuhkan. Saya hargai sokongan dan jasa baik kalian. Saya dengan memang rakan saya jugalah bagi kredit, saya dengan ikhlasnya sekali lagi meminta jasa baik Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam sesi mesyuarat ini supaya memberi sokongan kerana *technical problem* kita tak dapat tubuhkan satu platform untuk menjalankan tugas ini, tetapi saya sudah ada maklum balas yang dikutipkan, data-data yang dikutipkan dan satu kertas sudah saya sediakan pada masa ini saya fikir tak dapat jalankan tugas dengan betul. Saya harap saya akan bagi satu cadangan baru pada sesi sidang DUN yang akan datang pada tahun hadapan. Saya harap sebelum itu saya akan bincang dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat tentang kertas itu supaya kita dapat menghalusi menghalusi kertas itu dihalusikan lagi...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan, terima kasih Yang Berhormat tapi perkara asas yang patut kita capai adalah ke arah pemulihan, bukan ke arah aktiviti yang tidak sihat, itulah asas yang kita buat persetujuan supaya kita boleh setuju bagaimana ke arah memulih, menasihati, tarbiah melalui agama dan sebagainya.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Ya memang semua itu di dalam kajian dan diambil pertimbangan dan kita akan sama-sama lagi duduk jalankan apa itu *go through the paper* supaya satu keputusan yang akhir kita dapat menubuhkan satu platform untuk menjalankan tugas untuk manusia gender yang kurang bernasib baik. Jadi saya dengan itu saya mohon menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. YB. Paya Terubong.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

YB. Timbalan Speaker, terima kasih diucapkan atas peluang yang diberikan untuk berbahas yang ringkas. YB. Timbalan Speaker saya akan memberi satu ucapan bahas yang ringkas dan tepat kepada topik. YB. Timbalan Speaker, saya ingin memberi kepujian kepada Kerajaan Negeri yang telah merintis program membangunkan Pulau Pinang sebagai bandar rendah karbon yang terjalin dengan kerjasama *United Nation Environmental Program, Global Environment Centre* dan juga Bank Dunia. Konsep bandar karbon rendah ini memang selaras dengan konsep bandar hijau. Menurut Steffen Lehmann penulis buku *The Principal of Green Urbanism Transforming The City for Sustainability ...*(dengan izin).

Konsep bandar hijau merangkumi tiga (3) prinsip yang menekankan karbon sifar (zero). Prinsip-prinsip ialah:

Pertama: penggunaan sumber tenaga fosil sifar,

Kedua: pembuangan sifar (*zero waste*),

Ketiga: pelepasan sifar (*zero emission* atau *low-to-no carbon emission*)

Ini bermakna, pembangunan bandar yang hijau seharusnya menerapkan prinsip-prinsip "pengurangan" impak negatif terutama di dalam merancang, mereka bentuk dan membina elemen-elemen bandar seperti kediaman, bangunan, infrastruktur, tanah lapang serta kemudahan.

Di Eropah kini terdapat pembangunan bandar-bandar yang menerapkan prinsip-prinsip hijau dalam proses penggunaan semula. Bandar Kalundborg di Denmark sering diketengahkan sebagai model untuk pembangunan industri yang mementingkan ekologi yang mungkin boleh dirujuk dan dipelajari oleh Kerajaan Negeri.

Di Asia pula, Park City Minami Senrioka di Osaka, merupakan satu inisiatif bandar rendah karbon yang turut dilengkapi stesen kereta api *neutral karbon* yang pertama di Jepun iaitu Stesen Bandar Settsu. Bandar hijau ini telah dibina oleh syarikat swasta Mitsui Fudosan yang sangat prihatin terhadap kualiti hidup di Negara Jepun. Untuk memastikan isu berkaitan dengan penggunaan teknologi hijau dan perubahan iklim dapat ditangani secara berkesan melalui Sistem Perancangan

Bandar (SPB) melalui Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia telah menyediakan Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau yang dirangka berteraskan kepada reka bentuk pasif kejiranan hijau, konsep 3R dan disokong dengan bantuan teknologi hijau.

Garis panduan perancangan ini telah mendapat persetujuan Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim yang diadakan pada 11 Ogos 2011. Garis panduan ini berfungsi sebagai alat untuk memandu perancangan serta pembentukan kejiranan dan bandar hijau di Malaysia, di mana pengurangan karbon dari pembangunan hijau ini boleh dinilai melalui *Low Carbon Cities Framework* yang disediakan oleh Kementerian Tenaga Teknologi Hijau Dan Air. Untuk mencapai pengurangan pelepasan karbon, garis panduan ini telah mengariskan sepuluh prinsip utama untuk membantu pelaksanaannya:

- 1) mengutamakan aspek kemampanan dan pemuliharaan alam sekitar;
- 2) menyediakan satu kawasan penempatan yang mengutamakan keindahan dan keselesaan kepada penduduk;
- 3) mempunyai ciri-ciri *affordable* iaitu penduduk mampu untuk menjalankan aktiviti ekonomi, memiliki rumah, bekerja dan berekreasi dalam lingkungan kawasan kejiranan;
- 4) mewujudkan masyarakat harmoni, sejahtera, sihat dan berinteraksi;
- 5) mewujudkan aktiviti ekonomi setempat yang berdaya saing;
- 6) mewujudkan kemudahansampaian yang tinggi kepada penduduk bagi menghubungkan pengangkutan awam dan berjalan kaki serta aktiviti berbasikal;
- 7) menawarkan kepelbagaian kemudahan dan perkhidmatan untuk aktiviti harian penduduk;
- 8) menggunakan kaedah tenaga yang boleh diperbaharui dan kecekapan tenaga;
- 9) menyediakan infrastruktur hijau: dan
- 10) mereka bentuk mengguna kejiranan berskala manusia (*human scale*).

Dalam menghadapi cabaran ini, Pulau Pinang harus mempunyai cara tersendiri untuk mengatasi isu-isu global antara penyelesaian ialah melalui inovasi perancangan bandar yang teliti dan peka terhadap keunikan cuaca, budaya dan *geo-politik* Pulau Pinang tersendiri.

Untuk merealisasikan misi *low carbon city* atau bandar rendah karbon ini, setiap Kerajaan mesti memainkan peranan yang penting. Saya berharap para perancang bandar daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan juga daripada pihak swasta akan terus peka dan berpandangan jauh bagi menghasilkan perancangan yang strategik

dan menyeluruh untuk menghadapi perubahan-perubahan yang tidak menentu. Para perancang bandar yang berwawasan akan mesti menghasilkan bandar yang responsif kepada cabaran masa depan dan bandar sebegini akan sentiasa menjamin kualiti hidup yang tinggi kepada penduduknya dan kemampunan Negeri ini.

Saya berharap Kerajaan Negeri Pulau Pinang mungkin boleh mencontohi Singapura di mana kesemua bangunan kerajaan yang baru dibina kesemuanya mesti mematuhi konsep *green building* indeks dan bangunan lama kerajaan yang sedia ada pun mesti cuba diubah suai supaya menjadi bangunan yang menjimatkan tenaga atau *save energy building*...(dengan izin) yang mempunyai ciri-ciri seperti sistem pengumpulan air hujan, pemasangan lampu LED dan sebagainya. Pihak Kerajaan Negeri juga boleh merintis program ini dan pelbagai intensif boleh diberikan kepada pihak swasta contoh pemaju supaya lebih bangunan yang berorientasikan kehijauan dapat dilancarkan misalan *fast track* diberikan kepada permohonan perancang yang berunsur kehijauan seperti yang dipatuhi *Green Building Index*. Pembangunan bandar hijau dan sifar karbon atau rendah karbon dapat menghasilkan bandar yang mampan agar penduduknya lebih selesa, produktif dan berdaya maju, kemajuan hijau atau *green growth*...(dengan izin) akan terus menjadikan keutamaan dalam pembangunan bandar.

YB. Timbalan Speaker, saya di sini saya memang kagum dengan usaha Kerajaan Negeri dalam mengubal polisi baru untuk mengawal pasaran perumahan di Negeri ini. Saya memang setuju dengan pemindaan dasar penjualan rumah kos rendah atau rumah kos sederhana rendah di Pulau Pinang supaya dasar rumah kerajaan, rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah yang dibina oleh pihak swasta juga tidak boleh dijual dalam tempoh 10 tahun. Selainnya, hanya boleh dijual kepada pembeli *listed buyer*. Kerajaan Negeri juga mesti membuat dengan jelas "*make it clear*"...(dengan izin) kepada pembeli, bakal pembeli rumah bahawa kesemua rumah kos rendah atau rumah kos sederhana rendah tidak boleh disewa tetapi hanya boleh diduduki oleh sendiri sahaja. Memang satu rahsia yang terbuka di Negeri ini banyak rumah kos rendah atau rumah kos sederhana rendah telah disewa kepada buruh asing. Saya faham bahawa usaha sedang dilakukan oleh EXCO Perumahan dalam menyelesaikan masalah ini dalam mengubal polisi baru supaya undang-undang baru dapat dijadikan lebih ketat dan komprehensif untuk mengawal rumah kos rendah atau rumah kos sederhana rendah di sewa kepada buruh asing. Di sini saya mencadangkan bahawa mungkin undang-undang baru atau peraturan baru yang lebih ketat boleh dilaksanakan supaya pembeli yang didapati menyewa unit mereka kepada buruh asing atau *third party* disenaraihitamkan. Bukan pembeli saja disenaraihitamkan, pasangannya juga disenaraihitamkan. Supaya tidak boleh dibenarkan untuk membeli rumah kos rendah, sederhana rendah dan juga termasuk rumah mampu beli seumur hidup. Dengan hukuman yang lebih keras, kita baru boleh menghalang rumah kos rendah atau kos sederhana rendah atau mampu beli disewa kepada pihak ketiga dan tidak diduduki oleh pembeli sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai dasar baru, saya juga tidak ada halangan dan memberi sokongan sepenuhnya mengenai levi 30% harga penjualan ke atas semua transaksi hartanah oleh warganegara asing. Mengenai cadangan levi 2% terhadap penjual yang menjual dalam tempoh tiga (3) tahun dari tarikh pembelian, saya ingin meminta Kerajaan Negeri mengambil lebih input daripada *industry players*...(dengan izin) dan juga pandangan yang lebih luas kepada rakyat negeri ini.

Saya memang setuju dengan usaha Kerajaan Negeri ini untuk mengawal transaksi spekulatif agar harga perumahan dapat di kawal. Namun saya khuatir levi 2% ini mungkin melanggar dengan undang-undang RPGT atau cukai keuntungan hartanah CKHT yang sedia ada. Ini kerana dengan *existence undang-undang* RPGT, saya lihat dari segi undang-undang cukai, tambahan levi 2% ini mungkin dilihat sebagai *double taxation*...(dengan izin) kepada rakyat Negeri Pulau Pinang. Kadang-kala, penjualan dalam tempoh tiga (3) tahun dari tarikh pembelian tidak semestinya dari aspek spekulatif, sebaliknya mungkin pemilik rumah ini menghadapi masalah kewangan, hilang pekerjaan atau mengalami masalah kesihatan dan tidak dapat lagi menanggung ansuran pinjaman bank, atau pemilik tersebut ingin berpindah ke tempat lain. Terdapat pelbagai faktor seseorang ingin menjual rumahnya dalam tempoh tiga (3) tahun dan tidak semestinya spekulatif. Saya menyeru supaya cadangan levi 2% ini dikaji lebih teliti dengan khuatirnya isu *double taxation*.

Selain itu, RPGT yang sedia ada hanya dikira berdasarkan keuntungan yang dikaut daripada penjualan. Sekiranya suatu transaksi tidak membawa apa-apa keuntungan RPGT tidak akan dikenakan. Jadi saya tidak pasti bahawa levi 2% ini adalah berdasarkan keuntungan yang diperolehi atau berdasarkan harga penjualan tersebut. Saya mencadangkan sekiranya levi 2% ini hendak dikenakan, boleh dilaksanakan dalam hanya beberapa kriteria, misalan hanya dikira berasaskan keuntungan yang diperolehi tetapi bukan berdasarkan harga jualan. Dan juga hanya dikenakan mungkin kepada rumah ketiga, dan bukan dikenakan ke atas rumah pertama atau rumah kedua. Ini kerana rumah pertama dan rumah kedua dibeli untuk kegunaan sendiri tetapi rumah ketiga dan keempat ini mungkin digunakan untuk *investment*. Tidak adil kalau levi ini dikenakan ke atas rumah yang pertama dan rumah kedua. Sebab kadang-kala kalau dia membeli satu (1) rumah yang pertama, selepas itu mungkin kerana gaji naik atau dia dapat loteri, dia mungkin nak *upgrade* kepada rumah yang lebih baik. Jadi dia hendak menjualkan rumah pertamanya. Jadi saya mencadangkan levi hanya dikenakan kepada rumah yang ketiga dan bukan ke atas rumah yang pertama atau yang kedua. Dan kalau dan semestinyalah kalau levi ini dikenakan, mungkin hanya dikenakan ke atas warga asing dan bukan ke atas warga tempatan atau ke atas warga Pulau Pinang sendiri.

Walau bagaimanapun, dalam pandangan saya, cadangan levi 2% ini mempunyai tujuan dan visi yang baik untuk mengawal harga rumah yang semakin meningkat di Negeri Pulau Pinang. Namun mekanisme boleh dikaji dengan lebih lanjut dengan mengambil lebih banyak pandangan daripada *industries players* dan juga profesion-profesional yang terlibat dalam industri perumahan ini dan pemaju-pemaju dan juga rakyat Negeri Pulau Pinang, supaya implementasi levi 2% ini benar-benar dapat mencapai tujuannya dan tidak akan menjejaskan golongan yang tidak berniat spekulatif. Yang di-Pertua Dato' Speaker, daripada soalan bertulis yang diterima pada penggal ini, saya amat kesal dan kecewa bahawa sehingga tahun 2013, (JPS) Jabatan Pengairan dan Saliran tidak mendapat sebarang peruntukan bagi kerja-kerja pengindahan di Kolam Takungan Sungai Dondang, Paya Terubong. Kolam Takungan Sungai Dondang di Paya Terubong ini, dalam pandangan saya sekurang-kurangnya, bukan hanya boleh memainkan peranan sebagai kolam takungan air banjir semasa hari hujan. Tetapi juga patut diperindahkan sebagai satu tempat rekreasi yang cantik untuk penduduk sekitar

Daripada jawapan bertulis yang diberikan kepada saya. "Tiada sebarang peruntukan yang diberikan kerja-kerja pengindahan bagi tahun 2013. Sebanyak RM105,888.00 telah dibelanjakan untuk kerja dan penyelenggaraan dalam tahun 2013." Daripada RM105,888.00 ini, separuhnya iaitu RM51,000.00 telah dibelanjakan sebagai kos pembersihan kolam. Saya tak faham kenapa separuh peruntukan dibelanjakan untuk kos pembersihan. Dalam Bajet 2014 yang baru dibentang, anggaran perbelanjaan yang diperuntukkan kepada JPS pada tahun 2014 adalah sebanyak RM2,897,600.00. Saya berharap JPS dapat mengambil langkah untuk kerja-kerja pengindahan ke atas Kolam Takungan Sungai Dondang supaya kolam yang cantik ini tidak dibiarkan sahaja. Sebaliknya dapat dibangunkan sebagai satu taman rekreasi yang memanfaatkan penduduk di sekitar. Kita boleh nampak di luar negeri, banyak kolam-kolam yang telah di indahkan untuk menjadi kolam yang cantik untuk rekreasi untuk penduduk setempat juga boleh dijadikan sebagai satu tempat pelancongan. Tetapi dengan kecewanya kolam tersebut di Paya Terubong tidak diambil tindakan oleh JPS untuk kerja-kerja pengindahan. Saya berpendapat JPS patut mengambil tindakan atau inisiatif yang lebih aktif, proaktif dan bukan pasif dengan begitu membiarkan kolam begitu sahaja. Saya memohon pihak Kerajaan dan JPS dapat meneliti cadangan saya dengan mengambil langkah pengindahkan kolam takungan tersebut. *Equipment-exercise, jogging track, pondok rehat*, boleh disempurnakan untuk tujuan rekreasi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya berasa amat gembira daripada soalan bertulis bahawa sebuah syarikat *White Knight* telah mengambil alih projek terbengkalai di Majestic Height, fasa 2, 2A, 2B, 3 dan 4 di Paya Terubong iaitu sebuah syarikat bernama PLB Land Sdn. Bhd. telah mengambil alih peranan *White Knight* dalam projek terbengkalai ini. Di sini saya difahamkan bahawa PLB Land Sdn. Bhd. kini dalam proses untuk mengemukakan semula permohonan kepada MPPP untuk membangunkan semula projek tersebut berdasarkan *plan as built*.

Projek terbengkalai Majestic Height ini merupakan projek terbelangakai yang terbesar di Pulau Pinang. Projek terbelangakai yang terbesar ini melibatkan berpulu-puluh ekar kawasan bukit dan juga melibatkan beribu-ribu pembeli rumah. Projek ini telah terbengkalai lebih sepuluh (10) tahun sejak zaman Pentadbiran Barisan Nasional. Dengan usaha Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat, *White Knight* kini telah dicari untuk menghidupkan semula projek tersebut. Walau bagaimanapun sebagai ADUN kawasan, saya berharap projek terbengkalai Majestic Height ini dapat mewujudkan unsur-unsur kehijauan, *Green Building* dan unsur-unsur yang berorientasikan mesra alam sekitar. Saya berharap kurang pokok ditebang, dan alam sekitar dikekalkan sedaya upaya. Selain itu, saya juga berharap pembangunan yang akan dilaksanakan di Majestic Height ini dapat memberi satu lembaran yang baru bagi industri perumahan di Paya Terubong yang kini penuh dengan rumah kos rendah yang kurang penyelenggaraan dan penuh dengan pelbagai masalah. Saya juga berharap lebih banyak rumah mampu milik yang berkualiti dapat dibina dalam pembangunan projek tersebut.

Selain projek terbengkalai Majestic Heights ini, di Paya Terubong ini, terdapat juga tapak kilang getah Lee Rubber yang telah diberhentikan operasinya. Saya di fahamkan juga tapak kilang Lee Rubber ini adalah dalam proses *open tender* oleh pemiliknya yang sekarang di Singapura. Saya berharap dengan pembangunan semula Majestic Height dan juga pembangunan bakal di tapak kilang Lee Rubber ini,

saya menanti-menanti satu perancangan yang berkualiti dapat dilaksanakan di Paya Terubong. Supaya Paya Terubong boleh dijadikan suatu *township* baru atau *township satellite* yang baru dengan pelbagai infrastruktur yang baru dan sempurna di mana penduduk dapat suatu keadaan dan suasana yang lebih selesa.

Yang Berhormat Dato' Speaker. Daripada ucapan yang telah dibuat oleh Y.A.B. Ketua Menteri telah menyebutkan bahawa MPPP sedang bercadang mengawal selia pembinaan jalan bernilai RM45 juta termasuk projek jalan yang menghubungkan jalan berkembar Jalan Paya Terubong yang dikenali sebagai Jalan Bukit Kukus dari Lebuhraya Thean Teik ke Tingkat Paya Terubong 1 Sun Moon City. Saya memang mengalu-alukan projek ini memandangkan semakin bertambahnya populasi di kawasan Paya Terubong yang selanjutnya yang menyebabkan masalah trafik yang semakin sesak. Saya di sini ingin mengambil kesempatan mewakili penduduk-penduduk di KADUN saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas inisiatif untuk menyelesaikan masalah trafik di KADUN saya ini. Dengan mengambil langkah membina jalan pintasan Air Hitam ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu, dan juga menghubungkan Lebuhraya Thean Teik ke Tingkat Paya Terubong 1, iaitu *Sun Moon City*. Tetapi di sini saya ingin tahu bilakah projek jalan berkembar yang menghubungkan jalan berkembar jalan Paya Terubong yang dikenali sebagai Jalan Bukit Kukus dari Lebuhraya Thean Teik ke Tingkat Paya Terubong *Sun Moon City* akan dimulakan? Berapakah tempoh lamanya untuk menyempurnakan projek tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya juga di sini ingin mengambil kesempatan dalam menyatakan sokongan saya terhadap YB. Pengkalan Kota yang telah menyeru supaya bahawa mewujudkan satu kampung buruh asing di bina, bukan saja di bina di Seberang malah di bahagian Pulau juga. Rusuhan oleh pekerja-pekerja Bangladesh yang baru-baru ini di Singapura harus dijadikan sebagai satu cermin kepadanegeri kita sendiri supaya masalah sosial tersebut tidak berlaku di Negeri kita sendiri. Saya memang faham bahawa masalah buruh asing ini sebab di tempat KADUN saya. Saya percaya KADUN saya adalah tempat yang mempunyai paling banyak buruh asing, sebab di kawasan saya Paya Terubong dan Relau adalah dibanjiri oleh buruh asing. Saya percayai bahawa kalau dibanding dengan KADUN-KADUN lain, KADUN saya adalah mempunyai paling banyak buruh asing jadi saya adalah lebih memahami dan mengetahui masalah buruh asing yang telah membanjiri di rumah-rumah dan juga menjejaskan kehidupan orang tempatan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan. Saya juga tidak berkesempatan untuk membawa kepada Dewan Yang Mulia ini. Kita bercakap tentang masalah rusuhan di Singapura tetapi saya ingin mengingatkan kepada semua yang hadir kepada Dewan Yang Mulia ini apa yang telah berlaku pada dua (2) bulan yang lalu di mana seorang kakitangan bank telah ditembak mati semasa satu rombongan dan hasil daripada siasatan pihak polis didapati bahawa Pengawal Keselamatan yang memiliki senjata itu adalah seorang yang berwarganegara Indonesia bernama La Ode dan apabila serbuan dibuat di rumah La Ode suspek ini juga telah didapati bahawa ada dua (2), tiga (3) orang warganegara Indonesia yang tinggal di rumah tersebut, memiliki kad pengenalan palsu yang juga memiliki senjata api yang bekerja sebagai pengawal-pengawal keselamatan.

Jadi masalah ini yang berlaku di Singapura itu tidak begitu serius. Masalah yang berlaku di Negara kita di mana terdapat banyak orang warga Indonesia yang boleh bekerja sebagai Pengawal Keselamatan yang telah menyebabkan seorang yang tak bersalah ibu kepada anak-anak ditembak mati *cold blooded murder* (dengan izin), YB. Dato' Speaker adalah perkara yang perlu kita beri perhatian. Sebab itu kita harus sarankan kepada Pihak Berkuasa Tempatan supaya serius dengan tindakan-tindakan penguatkuasaan. Bukan sahaja itu, Yang Berhormat saya juga ingin berterima kasih kepada YB. Phee Boon Poh, dia baru keluar yang telah baru-baru ini mengadakan *job fair for the disable*, pertama kalinya saya lihat inisiatif daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengadakan satu *job fair* di mana tokey-tokey ataupun kilang-kilang disarankan untuk menggaji orang-orang yang kurang upaya di Pulau Pinang daripada menggaji orang-orang asing atau warganegara asing, di mana kita harus berterima kasih juga kepada Kerajaan Negeri di atas inisiatif yang diambil.

Berbalik kepada isu warganegara asing ini saya rasa kita tak boleh berkrompromi, perkara ini dah begitu serius, kita lihat juga di kawasan berdekatan dengan Jambatan Pertama Pulau Pinang terdapat banyak kedai-kedai ikan bakar yang diusahakan oleh warganegara asing. Walaupun tapak itu kemungkinannya dimiliki oleh orang-orang tempatan tetapi diusahakan oleh warganegara asing. Perkara ini saya rasa harus diberi pandangan yang serius. Terima kasih YB. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Terima kasih Seri Delima. Kita semua di sini adalah wakil rakyat yang dipilih oleh warga Negeri Pulau Pinang, kita bukan wakil rakyat yang dipilih oleh buruh asing. Kita bukan ADUN yang dipilih oleh Bangladesh, Indonesia atau Vietnam. Kita mesti memperjuangkan hak dan kepentingan untuk orang Pulau Pinang sendiri. Kita mesti memperjuangkan "*Penang people first*", jadi kita mestilah sama-sama melihat serius dan mengambil berat terhadap masalah warga asing. Sebenarnya, bukan warga asing buruh asing, kalau warga asing di Tanjung Bunga, Gurney warga asing, itu tak sama. Jadi kita mesti melihat rusuhan yang berlaku dan *criminal-criminal* yang berlaku oleh buruh asing, jadi saya berharap satu tempat satu tapak mesti dikaji dengan cepatnya supaya satu kampung buruh asing dapat dikumpulkan. Baru-baru ini seperti yang telah disebut oleh Pengkalan Kota, pihak Kerajaan Negeri telah membuat lawatan di Singapura untuk mengkaji kampung buruh di Singapura di mana hak asasi buruh asing telah dijagai dengan baik.

Di samping itu kepentingan dan kehidupan orang tempatan juga tidak akan terganggu. Jadi saya berharap bukan sahajalah dibinakan di Seberang Perai, satu tempat mesti dibinakan di kawasan Pulau juga. Saya tidak mahu kawasan saya dikenali sebagai satu KADUN buruh asing. Jadi saya lebih rela berkhidmat kepada penduduk kita sendiri dan bukan berkhidmat untuk pekerja asing. YB. Tuan Speaker, saya mempunyai *confident* terhadap bajet 2014 ini dan kerana ia memang satu merupakan satu Bajet yang berjiwa rakyat dan juga akan membawa manfaat kepada semua rakyat Negeri Pulau Pinang ini. Oleh yang demikian, saya memohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih kepada YB. Timbalan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Pembekalan 2014 dan Usul Anggaran Pembangunan yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri sebelum ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Ketua Menteri Pulau Pinang telah berjaya membentangkan sebuah bajet yang prihatin terhadap rakyat yang tengah mengalami dalam beban kehidupan yang kian hari kian berat. Tambahan pula dengan keadaan ekonomi dunia yang sedang meleset dan juga tekanan hidup rakyat biasa di bawah di akar umbi juga meningkat.

Kesinambungan Bajet Pulau Pinang yang berteraskan urus tadbir Kerajaan Pakatan Rakyat yang cekap, akauntabiliti dan telus bukan sahaja bangga dengan pencapaian ekonomi yang cemerlang dan bersih tapi dalam pengagihan hasil negeri kepada golongan yang kurang berkemampuan untuk bersaing dalam arena ekonomi yang sengit ini. Memang bajet 2014 yang dibentangkan oleh Ketua Menteri telah merangkumi kesemua aspek yang penting namun masih terdapat beberapa isu pokok yang perlu ditangani oleh Kerajaan Pakatan Rakyat supaya aspirasi rakyat yang mendokong agenda perubahan dapat digilap semula.

Yang pertama, tebatan banjir dan pembangunan yang mampan, YB. Timbalan Speaker, sejak saya dipilih sebagai ADUN kawasan Machang Bubuk dalam masa setengah tahun ini telah berlakunya lima (5) kali banjir kilat dan banjir lumpur. Apabilanya berlaku hujan yang lebat atau hujan yang tidak melebihi daripada dua (2) jam berterusan, maka banyak kawasan perumahan termasuk kampung-kampung tradisi di KADUN Machang Bubuk tidak dapat terlepas pada bencana banjir ini. Isu banjir ini telah menjadi satu (1) masalah utama bagi penduduk-penduduk di KADUN Machang Bubuk. Setiap kali hujan, maka keseluruhan penduduk termasuk saya sendiri sebagai wakil rakyat juga akan berada keadaan yang khuatir kerana pelbagai kemusnahan dan kerosakan harta benda yang akan dialami oleh penduduk-penduduk. Penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan perumahan yang telah lama dibangunkan, kawasan mereka telah menjadi banjir *hot spot* yang selalu hidup dalam keadaan ketakutan serta kebimbangan banjir akan berlaku bila-bila masa dan mereka seolah-olah tidak dapat membela nasib mereka sendiri. Sebenarnya banjir kilat yang semakin terjadi-jadi di KADUN Machang Bubuk ini bukan sesuatu yang di luar jangkaan, dengan pembangunan perumahan serta penerokaan kawasan hutan secara besar-besaran maka kawasan tadahan air semula jadi akan berkurangan, pembangunan yang tidak terkawal akan membawa kesan yang mudarat.

Tambahan dengan perubahan iklim sedunia maka hujan yang menurun juga dalam kuantiti yang besar. YB. Timbalan Speaker saya bukan seorang anti pembangunan tetapi pembangunan itu mesti berteraskan kepada kepentingan rakyat dan menjamin kesejahteraan masyarakat. Pembangunan yang hanya mementingkan keuntungan khasnya bagi pihak pemaju-pemaju yang tidak melepaskan sebarang peluang dan seinci tanah untuk dibangunkan. Pembangunan yang tidak lestari

termasuk kerja-kerja tanah haram telah mendatangkan banyak kesan-kesan negatif kepada alam sekitar seperti tanah runtuh, banjir, dan hakisan tanah yang serius. Negeri Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang menekankan *Greener and Cleaner Penang* ...(dengan izin), rakyat juga berharap Kerajaan Negeri dapat menjalankan tugas dengan memastikan pembangunan yang mampan, sistematik dan berlandaskan kehijauan dan pemeliharaan alam sekitar.

Mengikut jawapan YB. Sungai Puyu kepada soalan bertulis saya, keluasan hutan simpanan kekal hanya tinggal 5100.93 hektar atau 4.9% daripada jumlah keluasan tanah Pulau Pinang. Walaupun tiada hutan simpan kekal yang diwartakan keluar sejak 2008 iaitu apabila Pakatan Rakyat mengambil alih pentadbiran Pulau Pinang, tiada ada hutan simpan kekal diwartakan keluar, namun tiada tindakan proaktif yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menambah keluasan hutan atau kawasan hijau dengan mewartakan lebih banyak hutan, kawasan hijau sekurang-kurangnya kepada 10% daripada jumlah keluasan Pulau Pinang.

Oleh itu saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri akan mengkaji supaya kawasan-kawasan hijau atau kawasan tanah lapang di sekitar Alma dan Machang Bubuk supaya boleh diwartakan sebagai kawasan sensitif alam sekitar memandangkan kawasan yang terletak di sana merupakan kawasan yang berisiko tinggi banjir dan kawasan tadahan air semula jadi tersebut perlu dipelihara. Memandangkan tanah semakin berkurangan dan banyak kawasan hijau dan bukit terpaksa memberi laluan kepada projek-projek pembangunan, maka perlu ada satu tindakan yang drastik daripada Kerajaan Negeri untuk mengawal semua pembangunan di kawasan-kawasan sensitif alam sekitar dengan mengenakan syarat yang lebih ketat. Sekiranya Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan proaktif untuk mengelakkan tragedi tanah runtuh dengan menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Tanah Berisiko Negeri, maka adalah penting juga untuk kerajaan mengkaji supaya mengeluarkan satu garis panduan bagi tujuan pengawalan dan kelulusan pembangunan di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi banjir seperti di kawasan sekitar Alma, Cherok To' Kun, Kampung Machang Bubuk dan sebagainya.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, Machang Bubuk mengalu-alukan tindakan Kerajaan Negeri yang memperuntukkan jumlah RM18.06 juta dalam menangani bencana banjir. Di mana RM5 juta untuk projek khas tebatan banjir dan RM13.06 juta untuk kerja-kerja mendalam dan melebarkan sungai, parit, membaiki *flap gate* dan sebagainya. Tindakan tegas iaitu mewajibkan pemaju yang tidak bertanggungjawab menyebabkan banjir untuk membayar untuk membuat bayaran khas sebelum arahan henti kerja atau (dengan izin)... *stop work order* ditarik balik memang tepat pada masa. Namun demikian, sehingga hari ini, Daerah Seberang Perai Tengah yang begitu pesat membangun masih tidak mempunyai satu plan induk perparitan dan saliran di kawasan SPT.

Mengikut maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang, serta Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), semua kelulusan kebenaran merancang adalah berasaskan kepada perunding-perunding yang dilantik oleh pihak pemaju dengan ulasan-ulasan jabatan teknikal. Tetapi, tanpa plan induk yang menyeluruh dan dinamik itu, maka cadangan-cadangan yang dibuat oleh perunding tersebut tidak dapat dipertikaikan atau dibahas dengan pandangan profesional daripada pegawai-pegawai kerajaan. Oleh itu, sementara kita menunggu

supaya pelan induk perparitan dan saliran daerah SPT itu dikeluarkan, dihasilkan, maka Machang Bubuk mencadangkan agar Jawatankuasa Perancang Negeri, (SPC) serta MPSP untuk membekukan segala permohonan *rezoning* dan kebenaran merancang di kawasan berisiko tinggi banjir ini, seperti kawasan Alma, Cherok To' Kun dan Kampung Machang Bubuk. Kerajaan Negeri perlu mengambil iktibar di mana berlakunya bencana banjir yang serius yang berlakunya di Pantai Timur dan Selatan baru-baru ini.

Pembangunan perlu berlandaskan alam sekitar dan kepada rakyat dan bukannya semata-mata untuk keuntungan pemaju sahaja. Tambahan pula dengan rancangan jangka masa panjang, JPS dalam menangani banjir di KADUN Machang Bubuk termasuklah membina satu kolam takungan banjir di Alma, kira-kira 8.7 hektar tanah perlu di ambil balik oleh Kerajaan. Maka adalah penting untuk Kerajaan membeku semua permohonan pembangunan di kawasan Alma sehingga proses pengambilan tanah, pengambilan balik tanah diselesaikan dan dilaksanakan. Untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang yang bebas daripada bencana banjir, maka penglibatan penduduk dalam menyalurkan pandangan mereka adalah penting. Aduan-aduan yang telah dibuat oleh penduduk perlu diambil tindakan yang serius kerana tindakan penguatkuasaan yang berkesan akan menentukan sama ada dasar-dasar yang dikeluarkan oleh Kerajaan itu berjaya atau tidak. Machang Bubuk mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada semua rakyat Pulau Pinang agar memberi kerjasama kepada pihak berkuasa agar kerja-kerja tanah haram dilapor dan diambil tindakan oleh pihak berkuasa. Di samping itu, orang ramai juga boleh menyumbang idea-idea serta kritikan yang membina untuk menangani masalah banjir yang sering berlaku.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, Machang Bubuk menyambut baik juga usaha Kerajaan Negeri dalam pendidikan dan pendedahan ke generasi muda terhadap peranan dan tanggungjawab sebagai rakyat yang peka terhadap isu-isu semasa termasuk hak asasi manusia. Rancangan pemberian dana Tabung Usahawan Tani Muda berjumlah RM5,000 berbentuk mikro kredit kepada bakal usahawan muda mulai 2014 memang tepat pada sasaran. Orang muda yang ingin menceburi dalam bidang keusahawanan yang menghadapi kekurangan modal untuk permulaannya. Modal permulaan yang bernilai RM5,000, walaupun bukan satu jumlah yang besar, tetapi amat bermakna untuk menggalakkan orang muda untuk menceburi dalam bidang keusahawanan ini.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mewujudkan peluang pekerjaan termasuk penubuhan *Smart Centre* untuk menyediakan kemudahan dan panduan kepada pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana, IKS serta *Penang CAT Centre* untuk membantu mencari kerja, mencari peluang-peluang pekerjaan dengan kerjasama PDC, MPPP, MPSP dan PBAPP perlu dipertingkatkan agar bantuan-bantuan tersebut tepat pada sasarannya. Walaupun perindustrian Malaysia telah berkembang dengan penyertaan golongan wanita, tetapi berbanding dengan lelaki, kedudukan wanita masih tidak setara, malah rendah lagi. Kebanyakan wanita hanya melibatkan diri dalam kerja operator yang mengulangi mekanikal yang mudah dan ilmu teknologi yang rendah dan masa pekerjaan yang panjang. Bagi pekerja wanita di kilang, mereka tidak diberi perhatian dan latihan teknikal yang

mencukupi. Secara amnya, lelaki masih dianggap sebagai pemimpin dan pentadbir. Tambahan lagi, kebanyakan wanita terpaksa berhenti kerja selepas kahwin dan beranak. Pekerja wanita di Malaysia menghadapi masalah waktu bekerja yang panjang. Keadaan persekitaran bekerja yang tidak berkualiti dan sering mengalami risiko tinggi mengalami kecederaan pekerjaan.

Sementara Kerajaan berusaha untuk menarik pelaburan asing ke Pulau Pinang, masalah dan cabaran yang dihadapi oleh tenaga kerja wanita itu perlu diberi tumpuan. Kebanyakan undang-undang sumber manusia yang ada di Malaysia ini masih lebih berpihak kepada pelabur-pelabur atau pengilang-pengilang dan bukannya melindungi hak-hak pekerja. Sektor pembuatan Malaysia yang semakin kehilangan daya saing, serta sementara kita membangunkan *Knowledge Economy*, (dengan izin) *k-Economy* untuk berhasil, syarikat pembuatan Amerika Syarikat yang mendominasi sektor pembuatan dunia ini telah mula memindahkan kilang-kilang pembuatan mereka balik ke Amerika Syarikat. Yang sebelum ini dianggap paling kurang bernilai dalam *value chain of proposition* (tidak jelas) dengan izin. Sektor pembuatan adalah *multiplier* kepada banyak sektor ekonomi yang lain termasuk logistik, kewangan, pembinaan dan lain-lain. Tanpa asas yang kuat dalam sektor pembuatan, kesemua sektor ekonomi yang lain tetap dalam keadaan yang lemah. Hanya dalam beberapa tahun kebelakangan ini, dunia baru mengetahui pembuatan adalah paling penting kepada perkembangan ekonomi kebangsaan. Maka fenomena kilang-kilang utama telah berpindah balik ke negara asal masing-masing termasuk Taiwan dan Jepun.

Semasa sektor pelancongan dan logistik yang bertambah momentum, pembangunan dan kestabilan sosial ekonomi di Pulau Pinang masih bergantung kepada Foreign Direct Investment, FDI,(dengan izin) dalam sektor pembuatan. Kejatuhan dalam FDI dalam sektor pembuatan tidak boleh dijustifikasi sebagai pemindahan ke *k-Economy* atau *Business Process Outsourcing* (BPO) semata-mata. Baru-baru ini aduan bahawa ramai pekerja telah menjadi mangsa kepada pemberhentian kerja atau(dengan izin) *lay off exercises* oleh syarikat Multi Nasional Company seperti Intel, Flextronics, Altera dan Jabil Global dan lain-lain yang bertapak di Pulau Pinang dan Kulim Hi-Tech Park. Maka, adalah penting bagi Kerajaan Pulau Pinang untuk mengambil tindakan yang agresif untuk mempertingkatkan prestasi sektor pembuatan dengan memperkenalkan program *Agile Penang's Industry, API*,...(dengan izin) di mana bertujuan untuk mempertingkatkan ketangkasan syarikat yang bertapak di Pulau Pinang dalam persaingan rantai permintaan dan bekalan, *demand and supply chain*,(dengan izin) dalam keadaan yang ketidak tentuan. Lebih spesifik, program API ini perlu menyediakan:

- a) Platform untuk kongsi informasi berkenaan dengan pembekalan dan permintaan.
- b) *Synergy Creation* ...(dengan izin) di kalangan syarikat Pulau Pinang untuk berdepan dengan tekanan luar.
- c) Mereka bentuk semula peluang untuk *optimise mechanism* Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Syarikat Pulau Pinang dalam membuat bisnes dengan cara yang lebih berkesan.

- d) Memperluaskan peluang bisnes di kalangan IKS di Pulau Pinang.
- e) Memperkuatkan kerjasama di antara syarikat Pulau Pinang yang membolehkan penjimatan kos serta meningkatkan keuntungan.
- f) Mengimbangkan *public perception*, persepsi umum atas kerajaan Pulau Pinang yang terlalu bermesra dengan pemaju hartanah berbanding dengan sektor pembuatan dan logistik.
- g) Menunjukkan kesediaan Pulau Pinang yang kuat dan komited dalam melaksanakan ketangkasan pembuatan dan juga logistik dalam keseluruhan industri kepada pelabur asing.

Di samping itu, syarikat swasta juga perlu mencari pelbagai langkah untuk menghadapi tekanan ekonomi tersebut dan bukannya mencari jalan penyelesaian terakhir untuk menghentikan kerja. Menghentikan kerja ke atas pekerja-pekerja mereka. Adalah penting bagi pihak Kerajaan Negeri bagi untuk memastikan bahawa proses tersebut dijalankan mengikut peraturan serta berlaku adil kepada pekerja-pekerja tempatan.

YB. Timbalan Speaker, selain itu, tambahan 1,550 *hotspot WiFi* percuma dalam tempoh tiga (3) tahun mulai 2014 juga memberi satu suntikan baru kepada pembangunan belia-belia di Pulau Pinang. Dengan adanya capaian Penang Free WiFi yang lebih luas, maka orang muda akan berpeluang untuk akses kepada internet dan berinteraksi dengan informasi terkini secara percuma dengan harapan untuk menjadikan Pulau Mutiara kepada bandaraya antarabangsa yang berdaya saing secara global maka adalah asas untuk mempunyai kepintaran digital dengan prinsip *free WiFi* untuk semua. Hanya Kerajaan Negeri juga perlu ambil berat tentang kelajuan internet yang diberi percuma itu. Machang Bubuk sering menerima aduan bahawa *Penang Free WiFi* adalah sangat perlahan dan kurang stabil. Tanpa menaikkan taraf infrastruktur dan kapasiti jalur lebar tanpa wayar ini, lebih banyak *hot spot* yang diwujudkan, kelajuan tersebut akan dibahagikan dengan *hotspot-hotspot* yang ada dan sekali gus memperlahankan kelajuan internet yang dibekal oleh *Penang Free WiFi*.

Di samping itu, penubuhan Penang Youth Learning Centre yang bernilai RM4 juta yang mengandungi pelbagai kemudahan untuk orang muda membaca, belajar dan bersukan di Kampung Buah Pala ini, penglibatan generasi muda dalam proses pembuat dasar dan keputusan adalah sama penting. Selain daripada pembangunan infrastruktur kepada belia, adalah penting untuk mempertingkatkan isi kandungan atau *software* ...(dengan izin) sesuatu kepada golongan belia. Cadangan untuk mewujudkan ADUN Muda di Pulau Pinang amat penting.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sedikit Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat ada menyentuh tentang Kampung Buah Pala dan dengan tempat pusat *learning centre*.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terletak di Kampung Buah Pala.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Nak sentuh dan bagi pandangan tentang hal itu, baru-baru ini dalam persidangan ada menyentuh tentang Kampung Buah Pala, kita tahu masalahnya bila ia bermula siapa yang menyelesaikannya dan sebagainya tapi dalam persidangan dalam UMNO juga kita lihat Perdana Menteri telah mengatakan membuat kenyataan palsu. Saya ingin kenyataan palsu membuat satu penipuan masalah ini di selesaikan oleh UMNO dan Barisan Nasional. Itu adalah satu perkara telah diberi liputan dalam berita dan juga Malaysia Kini dan laman web yang lain jadi untuk rekod untuk saya nyatakan di sini masalah Kampung Buah Pala ini tidak diselesaikan oleh UMNO atau Barisan Nasional tetapi diselesaikan oleh kita Ketua Umum Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Pakatan Rakyat. Malahan orang-orang penduduk di situ lebih kurang 20 keluarga India dan empat (4) keluarga Melayu berterima kasih kepada Pakatan Rakyat dan saya memang tidak puas hati menyakitkan hati saya kerana kenyataan yang palsu yang tidak benar diulang-ulangkan oleh Perdana Menteri. Di mana memang rumah diberikan kepada mangsa-mangsa tipu helah MIC yang enggan menerima rumah-rumah pampasan tersebut akhirnya mereka menerima kunci-kunci rumah yang telah disediakan di Seberang berdekatan, dengan sembilan (9) orang yang telah pun makan tipu helah dan diperdaya oleh MIC kononnya dengan dakwah MIC akan membeli balik tanah tersebut dengan RM30 juta. Jadi pokoknya saya ingin dalam Dewan yang mulia ini menegaskan Perdana Menteri kita telah pun menyatakan satu penipuan yang besar dalam persidangan UMNO bahawa masalah Kampung Buah Pala ini telah diselesaikan oleh Barisan Nasional dan UMNO tetapi hakikatnya kita yang telah menyelesaikannya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih kepada Seri Delima yang telah menambah maklumat ke atas isu yang telah berlalu di Kampung Buah Pala dan sekarangnyanya tempat tersebut dijadikan *learning centre* yang akan memberi manfaat kepada orang-orang muda dan masyarakat di Pulau Pinang. Dan saya teruskan, dengan cadangan mewujudkan ADUN Muda di Pulau Pinang ini memang memerlukan satu *platform* untuk memberikan peluang kepada orang muda melibatkan diri dalam politik secara langsung dan aktif. Orang muda yang berpeluang mengambil bahagian persidangan ADUN muda ini akan dilatih untuk berfikir secara kritis, terbuka, analitik dan matang dalam membuat keputusan. Walaupun Dewan Undangan Negeri pernah mengadakan sesi persidangan Parlimen Muda tahun 2012 dengan 32 Ahli Parlimen Muda berumur 25 tahun ke bawah tetapi hanyamerupakan satu jenis *one off programme* iaitu ... (dengan izin) dan tiada sebarang tindakan susulan selepas program tersebut. Oleh itu Kerajaan Negeri boleh memperluaskan penglibatan orang muda dalam pembuat dasar di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan dalam menentukan dasar-dasar yang berkaitan dengan pembangunan belia. Dengan mewujudkan ADUN Muda di Pulau Pinang maka penglibatan orang muda dalam pembuat dasar akan lebih terserlah dan

berkesan. Satu garis panduan atau *terms of reference*(dengan izin) boleh dikeluarkan untuk menggalakkan orang muda untuk melibatkan diri dalam agenda perubahan sosial yang diperjuangkan oleh pelbagai pihak. Sumber kewangan ia juga perlu dihulurkan kepada ADUN Muda ini supaya mereka boleh mengadakan aktiviti yang sihat serta memberi tambah nilai kepada pembangunan Pulau Pinang .

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat sikit lagi. Tentang ADUN Muda ini saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat dalam persidangan UMNO juga Ahli Parlimen Rembau telah mencadangkan bahawa UMNO mula mendekati murid-murid sekolah. Bagi saya itu adalah satu perkara yang menakutkan. Kalau UMNO mula mendekati anak-anak atau murid-murid sekolah dengan minda yang begitu himpit, yang begitu serong yang memainkan isu perkauman memang habislah masa depan anak-anak muda kita kalau terjerumus dengan politik perkauman UMNO. Jadi saya memang menyambut baik cadangan Yang Berhormat daripada Machang Bubuk supaya kita dari Pakatan Rakyat mendampingi murid-murid sekolah tak kira murid-murid dari sekolah Melayu, India atau Cina untuk memberitahu mereka supaya was-was dengan politik UMNO yang begitu *racist*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih Seri Delima. ADUN Muda yang saya cadangkan ini adalah sebenarnya adalah satu *platform independent* yang memang orang-orang muda diberi peluang menganggotai, platform yang bebas untuk mereka berdebat dan sama-sama menukar pendapat untuk memberi satu cadangan atau memberi satu pelan yang membina kepada pembangunan belia di dalam Pulau Pinang ini. Sebenarnya ADUN Muda ini memang juga ia telah diadakan di negeri-negeri seperti di Selangor yang memang kita nampak mereka sudah mengadakan seperti yang sidang Dewan dan mereka boleh mengalami proses tersebut, menghayati proses demokrasi yang ada dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya teruskan. Memandangkan bilangan pesakit buah pinggang yang meningkat dan keperluan untuk rawatan semakin mendesak. Saya mengalu-alukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah yang berusaha menubuhkan dua (2) buah Pusat Dialisis CAT di Balik Pulau dan Seberang Jaya sebagai usaha membantu rakyat yang miskin yang menghadapi penyakit buah pinggang di kawasan luar bandar dengan bilangan pesakit buah pinggang yang juga di KADUN Machang Bubuk yang ramai, maka saya mencadangkan juga Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan supaya pelaksanaan satu KADUN satu Pusat Dialisis CAT atau Pusat Rawatan Dialisis Rakyat. Walaupun terdapat inisiatif daripada pertubuhan-pertubuhan Kebajikan NGO di seluruh Pulau Pinang yang menyediakan perkhidmatan rawatan dialisis namun masih tidak dapat menampung keperluan yang mendesak ini. Pusat perkhidmatan ADUN selalu menerima aduan atau permohonan bantuan untuk pesakit-pesakit buah pinggang mendapatkan rawatan. Kos rawatan yang tinggi telah menjadi orang-orang pesakit yang buah pinggang itu bertambah miskin. Ada pula yang tidak dilindungi oleh insurans dan terpaksa minta bantuan orang ramai untuk mendapat rawatan supaya dapat teruskan hidup mereka.

Oleh itu Kerajaan Negeri boleh mengkaji pelbagai bentuk kerjasama oleh pihak swasta dan Kementerian Kesihatan supaya merealisasikan satu KADUN satu Pusat Dialisis CAT. Memandangkan proses untuk menubuhkan pusat rawatan hemodialisis ini mengambil masa yang panjang maka Kerajaan Negeri dipohon untuk buat sementara waktu menyediakan bantuan kos rawatan untuk pesakit buah pinggang sementara menunggu Pusat Dialisis CAT itu beroperasi. Di samping itu kerjasama daripada Kementerian Kesihatan amat penting kerana lesen yang sah diperlukan untuk membolehkan sebuah Pusat Dialisis CAT beroperasi dan kita berharap ADUN-ADUN daripada Barisan Nasional boleh mendesak supaya Kementerian Kesihatan dapat mempercepatkan kelulusan Pusat Dialisis CAT yang diadakan. Kerana setiap Pusat Rawatan Dialisis CAT juga memerlukan doktor yang bertauliah untuk menjaga, menyelia Pusat Rawatan Dialisis CAT untuk beroperasi. Untuk mengatasi masalah ketidakcukupan Pusat Rawatan Dialisis dalam jangka masa yang panjang maka kesedaran tentang gaya hidup yang sihat dan cergas perlu dipupuk di semua lapisan masyarakat.

Usaha Negeri Pulau Pinang melahirkan jaguh sukan antarabangsa serta menjadikan Pulau Pinang sebagai Bandar Raya Sukan atau *sport city*(dengan izin) perlu berasaskan matlamat di mana untuk melahirkan masyarakat yang prihatin terhadap kesihatan dan konsep *prevention is better than cure* ...(dengan izin) rakyat sihat negeri kuat dan makmur. Saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian semua ke atas satu perkara yang sering kali terlepas pandang oleh pihak berkuasa iaitu Sukan Paralimpik. Sukan Paralimpik di pelbagai peringkat yang disertai oleh Orang Kelainan Upaya (OKU) tidak mendapat tumpuan yang sewajarnya. Padahal golongan OKU yang menceburi bidang sukan sebenarnya memerlukan lebih banyak galakkan dan bantuan daripada pelbagai pihak mahupun Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat.

Seorang olahragawan atau atlit paralimpik yang bernama Encik Yuspi Mat Dali 37 tahun yang berasal dari Bukit Teh, KADUN Machang Bubuk telah berjaya memenangi beberapa kejohanan angkat berat di peringkat nasional dan antarabangsa. Ramai mungkin tak pernah dengar siapa ini Encik Yuspi Mat Dali tetapi beliau telah menang beberapa kejohanan di peringkat nasional dan antarabangsa. Tahniah kepada Yuspi yang baru-baru sahaja menang pingat Emas dalam Kejohanan Angkat Berat Paralimpik Kebangsaan dan berjaya menduduki *ranking* kedudukan yang ke-7 di Asia dan ke-11 di antarabangsa, syabas kepada Yuspi yang merupakan anak watan Machang Bubuk. Namun disetiap kemenangan dan kemanisan terdapat kepahitan dan derita yang tidak diketahui oleh orang ramai termasuk Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri.

Saya sendiri telah melawat pusat latihan yang telah dibina oleh beliau sendiri di dalam Kampung Bukit Teh yang dibeli, dibina dengan sumber kewangan Yuspi sendiri. Tempat yang sempit yang terletak di tepi halaman rumah tetapi penuh dengan pelbagai peralatan-peralatan latihan angkat berat dan bina badan. Sebahagian besar daripada peralatan tersebut adalah reka bentuk daripada Encik Yuspi sendiri. Beliau telah melabur semua wang hadiah yang telah dimenangi dalam pertandingan itu untuk membina Pusat Gym Rakyat untuk memberi latihan kepada penduduk-penduduk di sekitar. Lebih mengejutkan saya lagi apabila Encik Yuspi memberitahu saya semua atlet olahragawan atau olahragawati OKU seperti beliau tidak mendapat sumbangan

dan bantuan daripada Kerajaan Pusat dan Negeri. Sekiranya mereka, OKU atau paralimpik ini ingin mengambil bahagian dalam apa jua pertandingan mereka perlu membiayai kos sepenuhnya atas kapisiti sendiri, tanpa sebarang bantuan dan subsidi daripada Kerajaan. Disebabkan dasar dan tumpuan Kerajaan Pusat atau Majlis Sukan Negeri hanya meletakkan fokus mereka ke atas atlet muda sahaja. Atlet paralimpik tidak tergolong dalam kategori MSN dan tidak mendapat bantuan yang sewajarnya.

Oleh itu saya mengambil peluang sebegini untuk menyeru kepada Kerajaan Pusat dan Negeri untuk mengkaji balik dasar yang meminggirkan golongan paralimpik. Sebahagian daripada peruntukan tahunan yang diperuntukkan kepada pembangunan sukan termasuk bayaran insentif yang telah dicadangkan oleh Kerajaan Negeri dalam bajet ini bayaran insentif untuk pemenang perlu disalurkan juga kepada sukan paralimpik. Di samping itu pembinaan-pembinaan kemudahan sukan seperti futsal, kolam renang, pusat gim rakyat perlu diberi tumpuan kepada keperluan atlet paralimpik. Supaya mereka boleh menjalankan latihan yang mencukupi untuk menaikkan nama Negeri Pulau Pinang dan membudayakan semangat kesukanan dikalangan masyarakat yang berbilang kaum. Yang Berhormat Timbalan Speaker....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Machang Bubuk yang telah membawa perhatian ke dalam Dewan perkara yang begitu penting. Saya rasa kita sebelum ini kita tak memberi perhatian kepada perkara ini, cuma dua (2) perkara yang ingin saya beri pandangan. Pertamanya mungkin setuju tak Yang Berhormat bahawa Saudara Yuspi diberi satu penganugerahan darjah kebesaran sempena Hari Jadi T.Y.T. yang akan berlangsung tahun depan, mungkin Yang Berhormat boleh buat cadangan kepada EXCO-EXCO berkenaan supaya kita memberi satu penganugerahan.

Kedua, saya setuju dengan apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa tempat-tempat riadah sukan adalah *less friendly* ...(dengan izin) kepada Timbalan Speaker kepada orang-orang kurang upaya. Umpamanya kita lihat hari ini Yang Berhormat Pulau Tikus yang telah mengalami kemalangan dan terpaksa menggunakan kerusi roda kita lihat tidak ada tempat untuk menaikkan kerusi roda itu masuk ke dalam Dewan. Jadi perkara ini mungkin harus diberi perhatian oleh Pihak Berkuasa Tempatan supaya tempat-tempat riadah sukan seperti kolam sukan, tempat gimnasium dan sebagainya lebih *friendly* kepada orang-orang yang kurang upaya supaya senang *access* walaupun menggunakan *wheelchair*. Itu pandangan saya pandangan Yang Berhormat mengenai cadangan saya untuk memberi penganugerahan darjah kebesaran kepada semua atlet tak kiralah PJK, PJM atau Dato' sekalipun kita beri. Apa pandangan Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih Yang Berhormat Seri Delima. Saya rasa satu cadangan yang saya rasa kita boleh berbincang dengan atlet-atlet tersebut dan saya rasa atlet-atlet paralimpik ini mereka bukan nak anugerah seperti ini mereka nak bantuan-bantuan

secara langsung ke atas pembangunan sukan yang mereka boleh dilalui kerana mereka telah mengalami berbagai kesulitan dan cabaran juga semasa mereka nak bertanding nak membuat latihan dan juga kos *transportation* pengangkutan untuk dangan perkara tersebut memang saya nanti saya akan bangkitkan.

Yang Berhormat Timbalan Speaker dalam sidang Dewan yang lepas Machang Bubuk pernah menyeru kepada pihak eksekutif untuk mempertimbangkan cadangan pembahagian peruntukan ahli kepada ADUN mengikut bilangan pengundi, keluasan, pentadbiran dan keperluan luar bandar yang berlainan berbanding dengan perkhidmatan perbandaran. Seperti apa yang telah dibangkitkan oleh sahabat kita Ahli Kawasan Bukit Tengah yang pagi tadi semasa membuat perbahasan mereka. ADUN Bukit Tengah membangkitkan supaya ada satu peruntukan khas untuk pembangunan di luar bandar atau di desa.

Walaupun peruntukan ADUN kerajaan adalah bertujuan untuk pembiayaan pelaksanaan projek-projek kecil dan segera di sesuatu KADUN sahaja, namun jelas bahawa pembangunan di desa atau luar bandar ini lebih memerlukan sumber yang besar. Peranan dan tanggungjawab kerajaan untuk mengutip cukai dan hasil dan kemudian mengagih semula kekayaan tersebut kepada semua rakyat. Dengan tidak mengabaikan pembangunan di desa dan menjamin kepentingan penduduk di kampung maka Kerajaan Negeri perlu merancang pembangunan di desa supaya lebih teratur. Banyak jalan-jalan di kampung dan desa yang rosak masih tidak dapat diselenggara kerana bajet tak cukup.

Machang Bubuk menyeru supaya Pejabat Daerah Tanah SPT agar berusaha gigih untuk menaik taraf dan memperbaharui muka jalan-jalan. Dengan itu barulah jalan-jalan tersebut dapat didaftar dalam sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia atau MARRIS supaya dapat diselenggara secara berkala. Satu rancangan pembangunan infrastruktur lima (5) tahun perlu dikeluarkan supaya dijadikan satu sasaran kerja tahunan serta melibatkan penyertaan ADUN dan JKKK setempat. Di samping itu kebanyakan kampung-kampung masih tidak mempunyai sistem perparitan dan saliran yang sempurna. Ramai penduduk menjadi mangsa banjir kerana reka bentuk dan struktur rumah kediaman mereka yang terletak di tanah yang lebih rendah dan sekaligus menjadikan halaman rumah mereka menjadi kolam takungan air. Maka satu penilaian dan kaji semula perlu dijalankan secara menyeluruh agar bencana banjir ini tidak melanda kawasan kampung. Untuk melaksana dan menyediakan sistem perparitan di kampung peruntukan yang besar diperlukan.

Machang Bubuk juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan Ketua Menteri Tuan Lim Guan Eng telah memberi perhatian ke atas isu 35 buah keluarga di Kampung Permatang Tok Suboh yang menghadapi ancaman diusir keluar oleh tuan tanah. Ketua Menteri sendiri pernah turun ke kawasan tersebut sebanyak dua (2) kali sejak 2008 kerana Permatang Tok Suboh ini merupakan kawasan yang rendah dan sering dilanda banjir. 35 buah keluarga di Permatang Tok Suboh telah duduk di atas tanah Lot 1258 Mukim 14 Seberang Perai Tengah lebih daripada 30 tahun. Penduduk-penduduk yang tinggal di sana merupakan peneroka dan golongan pekerja yang bekerja bertungkus lumus mencari rezeki. Tempat tinggal mereka merupakan tempat tumpah darah mereka dan kebanyakan dikalangan mereka ini terdiri daripada orang tua dan budak-budak kecil yang masih tidak berupaya bekerja. Oleh itu pembangunan

sesuatu tempat atau kawasan tidak boleh diabaikan hak asasi penduduk di sana yang telah tinggal di sana lebih daripada 30 tahun. Beberapa siri perbincangan di antara YB.Timbalan Ketua Menteri I iaitu Yang Berhormat Ahli Parlimen Bukit Mertajam, ADUN kawasan, Ahli Majlis MPSP, penduduk dan wakil tuan tanah telah diadakan di Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Tengah.

Namun sampai hari ini tiada sebarang keputusan atau situasi yang menang-menang di antara kedua belah pihak. Oleh itu saya mendesak pihak tuan tanah untuk mengambil pendekatan perikemanusiaan dalam menangani isu pendudukan semula di kampung Permatang Tok Suboh ini walaupun tuan tanah ada hak terhadap tanah tersebut tetapi sumbangan penduduk di atas tanah tersebut tidak boleh dipertikaikan ataupun diabaikan juga. Cadangan tuntutan secara rasmi kepada tuan tanah telah dikemukakan oleh penduduk Permatang Tok Suboh. Dengan ini saya menyeru Pihak Berkuasa Negeri agar menetapkan syarat yang jelas supaya di mana pengusiran penduduk dan pembangunan di atas Lot 1258 ini tidak boleh dijalankan selagi rundingan belum selesai. Walaupun isu ini telah di bawa ke mahkamah oleh tuan tanah dan masih dalam proses perbicaraan tetapi kita berharap proses rundingan tersebut dapat dijalankan dengan lancar.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Penjelasan Yang Berhormat Machang Bubuk kes macam ini bukan sahaja berlaku di kawasan Yang Berhormat termasuk juga di kawasan saya yang terkini adalah kes Kampung Mutiara ini adalah kes berlaku di seluruh negeri atau negara kita. Saya harap mungkin kes-kes semua ini boleh dibawa ke satu Jawatankuasa Khas ditubuhkan Kerajaan Negeri untuk menangani semua kes macam ini, supaya pemaju dan tuan tanah memberi peluang bincangkan dan selesaikan dengan lebih harmoni. Itu sahaja.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih Tanjong Bunga. Dan saya setujulah dengan pandangan Tanjong Bunga supaya satu jawatankuasa khas yang dikendali oleh Kerajaan Negeri dengan melibatkan ADUN-ADUN kawasan serta Ahli-ahli Majlis dan JKKK supaya dapat mencari satu jalan penyelesaian yang lebih baik dan juga *win-win situation* ...(dengan izin) kepada kedua-kedua pihak. Penutup Yang Berhormat Timbalan Speaker, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pengundi KADUN Machang Bubuk ke atas sokongan dan tunjuk ajar yang diberikan kepada saya. Kesabaran dan fahaman mereka semasa banjir berlaku khasnya selepas PRU Ke-13 yang berlaku lima (5) kali yang melanda rumah mereka amat dihargai oleh saya.

Saya juga ingin mengambil dan merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua kakitangan kerajaan yang telah menjalankan tugas dengan professional untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat dan juga saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan juga barisan EXCO beliau yang sudi memberi tunjuk ajar kepada saya dan mengambil berat tentang masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di kawasan Machang Bubuk. Dengan ini saya mohon untuk menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan selama 15 minit dan akan disambung semula pada jam 5.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.15 petang.

Dewan disambung semula pada jam 5.30 petang.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat sidang bersambung semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan, silakan. Okay, YB. Permatang Berangan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):

YB. Dato Speaker, saya ingin bercakap mengenai isu kemampuan rakyat Negeri Pulau Pinang untuk membeli rumah yang dibangunkan oleh pihak swasta dan isu harga yang terlalu tinggi jika dibandingkan dengan Lembah Klang. Saya suka memetik satu artikel dalam *Socio Economy and Environmental Research Institute (SERI)* oleh Dr. Michael Lim Mark Hui, beliau berkata *the average house price last year was RM550,000.00 or 8 times the average household income, in comparison the average household, the average house price in Kuala Lumpur was only RM390,000.00 or 6 times the average household income,...*(dengan izin). Harga rumah yang meningkat secara mendadak dan tidak terkawal tidak seharusnya dipandang ringan oleh Kerajaan Negeri. Oleh itu, Kerajaan Negeri harus menyediakan kaedah yang lebih praktikal dalam mengawal harga rumah di negeri ini. Kerajaan Negeri perlu menggunakan dengan tidak menggalakkan sektor swasta atau pemaju swasta membina rumah yang *high-end*, ...(dengan izin), yang hanya menguntungkan orang asing di Singapura dan China. Jika sektor swasta...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya minta maaf, ini berkaitan isu peraturan, adakah saya tersilap dengar Yang Berhormat menyebut menguntungkan swasta dan Cina.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):

Menguntungkan rakyat Singapura dan China. China, China.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Itu ada perbezaan tu, was, was.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):

Tapi tak sebut Cina, sebut China.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang saya dengar itu Cina.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):

Negeri Chinalah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Ada perbezaan Negeri China, orang Cina ada beza.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):

Negeri China dan Negeri Singapura.

Yang di-Pertua Dewan Udangan Negeri:

Sila Permatang Berangan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):

Jika sektor swasta masih ingin membina rumah yang *high-end*, maka Kerajaan Negeri seharusnya mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat, contohnya memperkenalkan bayaran premium lebih tinggi berasaskan kepada GDV sesuatu pembangunan dan bukannya berdasarkan jumlah unit rumah, contohnya sekarang Kerajaan Negeri mewajibkan pemaju yang membina rumah, unit, jumlah unit rumah lebih daripada 150 unit dikehendaki membina 30% rumah kos rendah tanpa mengira harga atau jenis rumah yang dibina tetapi sebaliknya Kerajaan Negeri harus memikirkan untuk menentukan kuota rumah kos rendah dan sederhana berdasarkan GDV atau sesuatu pembangunan. Jika cadangan ini diambil kira, sudah tentu pemaju akan berfikir panjang untuk membina rumah yang lebih mahal.

Berkaitan rumah mampu milik dan rumah kos rendah, seharusnya Kerajaan Negeri dalam meneruskan projek perumahan seharusnya menyediakan satu data berkaitan dengan rumah yang dibeli sama ada untuk dijamin atau untuk dibeli secara spekulasi. Kerajaan Negeri seharusnya mewajibkan satu jawatankuasa untuk menilai dan membuat kajian berkaitan rumah yang didiami atau rumah yang dimiliki sekadar untuk spekulasi. Kerajaan Negeri sepatutnya mempunyai data berkaitan *vacancy*... (dengan izin), atau pun pemilikan yang tidak didiami berbanding dengan rumah-rumah yang dibeli untuk didiami.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat, sikit sahaja. Saya nak tanya pandangan Yang Berhormat tentang dua (2) perkara, pertamanya memang saya setuju, saya sokong pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan harga rumah-rumah yang melambung tinggi, tapi kita tidak boleh lupa tentang faktor geografi di Pulau Pinang yang merupakan sebuah Pulau, di mana had tanah rata begitu terhad untuk pembinaan

rumah-rumah dan sebagainya, dan kita juga lihat bahawa terdapat *trend* sekarang sejak tahun 2008 untuk orang-orang daripada luar Pulau Pinang datang ke Pulau Pinang untuk tinggal di Pulau Pinang kemungkinan sebab suasana politik, itu kita tahu, tapi saya ingin Yang Berhormat memberi ulasan, perbandingan, kenaikan harga rumah berbanding dengan GST yang akan diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun depan dan kenaikan harga tarif elektrik 15% yang saya rasa akan lebih membebankan. Perkara-perkara ini adalah perkara-perkara yang dicadangkan oleh Kerajaan Persekutuan. Walau pun tidak ada sebarang sebab untuk kenaikan tarif elektrik, tidak ada sebarang sebab untuk memperkenalkan GST, tidak ada sebab untuk kenaikan harga petrol dan tidak ada sebab untuk mengurangkan subsidi gula, berbanding dengan harga rumah yang melambung tinggi di Pulau Pinang yang disebabkan oleh tanah rata yang terhad. Boleh atau tidak Yang Berhormat memberi pandangan tentang perkara ini yang saya rasa lebih membebankan rakyat di Negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):

Terima kasih Yang Berhormat. Isu itu tidak dapat saya jawab. Satu isu yang menarik adalah berkaitan pembayaran yuran atau sumbangan atau *contribution* yang dinaikkan kadar sama ada oleh Majlis Perbandaran mahu pun Kerajaan Negeri berbanding yuran yang telah dikenakan oleh Kerajaan yang terdahulu. Contohnya yuran bagi zon semula atau *rezoning* yang telah dinaikkan sehingga 25% ke 50% dan kadar lebih buruk, jika tanah tersebut terletak di sebelah Pulau, dan saya juga difahamkan, walau pun ada satu formula khas bagi pengiraan zon semula atau *rezoning* ini tetapi akhirnya yang membuat keputusan dan kadar itu mungkin akan lebih tinggi jika melibatkan tanah Kerajaan Persekutuan.

Seterusnya, kadar bagi sumbangan infrastruktur atau *infrastructure contribution* yang telah dinaikkan daripada RM5.00 kepada RM15.00 yang melebihi bagi 15 unit rumah bagi setiap satu (1) ekar, manakala tanah komersial pula dinaikkan kadar daripada RM21.00 dibandingkan dengan RM7.00 yang terdahulu. Yang terbaru adalah caruman perparitan *drainage contribution*, bagi parit yang telah dinaikkan sehingga RM50,000.00 satu ekar yang dahulunya hanya RM10,000 satu ekar. Kos-kos sebegini adalah punca harga rumah menjadi semakin tinggi dan ini adalah akibat daripada Kerajaan hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulan daripada simulasi di atas, kos polisi Kerajaan Negeri yang ditanggung oleh pembeli rumah sudah meningkat lebih daripada 700% dari polisi Kerajaan Negeri per/unit rumah sebanyak 7,000 ke 54,000 seunit. Memang tidak mengejutkan mengapa harga rumah di Negeri ini naik dengan mendadak, bagi pentadbiran yang meletakkan dirinya sebagai pejuang kebajikan rakyat, dan kebajikan jenis apakah Kerajaan Negeri ini.

Yang kedua saya ingin membincangkan isu rumah yang dibangunkan oleh pihak Kerajaan Negeri. Pada tahun 2012, Ketua Menteri dalam ucapan semasa perasmian pendaftaran rumah mampu milik di KOMTAR, beliau telah memberikan janji-janji antara lain akan membina 1,320 unit rumah mampu milik di Jalan S.P. Chelliah dan 520 unit di Batu Kawan dan hari ini, saya ingin mengajukan soalan berkaitan status pembangunan yang telah dijanjikan. Jika *development order*, ... (dengan izin), telah diluluskan, dan saya ingin tahu syarikat yang menjalankan

pembangunan tersebut, harga bagi setiap unit yang dibina, peratus jualan, peratus pembeli yang telah diluluskan pinjaman, peratusan pembeli yang dipinjamkan kepada institusi pinjaman, peratus siap rumah-rumah tersebut, peratus Bumiputera yang membeli rumah-rumah tersebut.

Yang keempat ialah isu pemilikan hartanah oleh Bumiputera yang tidak seimbang berbanding dengan kaum Bumiputera. Isu ketidakseimbangan pemilihan hartanah di Pulau Pinang di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera adalah rahsia terbuka yang sering diperkatakan sebagai sebuah Kerajaan yang melaungkan kesamarataan di antara semua rakyat, maka apakah usaha proaktif yang telah dijalankan Kerajaan Negeri untuk membendung perkara ini dari terus berleluasa dan Kerajaan Negeri tidak mempunyai apa-apa tindakan dalam mengamalkan birotokrasi secara total.

Isu kelima ialah isu rumah yang disewakan kepada orang mati, orang yang mati, saya seterusnya memohon penjelasan berkaitan isu Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang menyewakan rumah awam mereka kepada 240 orang yang telah meninggal dunia, dan ini adalah berdasarkan kepada Laporan Audit Negara 2012. Semakan dibuat melalui Jabatan Pendaftaran Negara terhadap 1,349 rekod penyewa rumah awam di Kampung Selut, Taman Free School, Lebuhr Campbell, Padang Tembak dan perumahan Jalan Sungai. Sebanyak 27 unit rumah disewakan kepada yang telah meninggal dunia di perumahan awam Kampung Selut, dan 98 di Taman Free School. Di perumahan awam Lebuhr Campbell pula sebanyak 17 unit dan 24 unit di Padang Tembak yang disewakan kepada orang yang meninggal dunia menurut sumber daripada Jabatan Pendaftaran Negara. Salah sebuah taman perumahan awam, Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang menjadi rebutan di kalangan penduduk kurang berkemampuan di sini iaitu PPRT Jalan Sungai yang disewakan sebanyak 74 unit kepada orang yang telah mati.

Antara kelemahan yang dikesan ketika siasatan dijalankan oleh Jabatan Audit Negara kebanyakan premis dihuni oleh penyewa-penyewa yang tidak berdaftar, kelemahan ini menyebabkan hak penyewa yang tidak lebih berhak untuk mendiami rumah tersebut telah dinafikan oleh Kerajaan Negeri seharusnya memandang serius laporan audit ini.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Minta penjelasan, saya ingin tahu yang telah meninggal dunia juga ada anak dan isteri, jadi di mana anak dan isteri akan tinggal? Kalau *you* halau dia keluar.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila teruskan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):

Kelemahan-kelemahan yang terdapat oleh Kerajaan dalam mentadbir atau menguruskan rumah-rumah yang telah dibina untuk kemudahan orang-orang miskin, saya harap Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan yang sewajarnya dalam mendaftar semula penghuni-penghuni baru dan bagi mendapat rekod-rekod yang lebih berkesan, lebih baik dan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat, sila Yang Berhormat Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Suka saya ucapan terima kasih atas peluang yang diberi untuk membahas Rang Undang-undang Perbekalan 2014 dan Usul Anggaran Pembangunan. Mega projek perumahan mampu milik yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi masalah perumahan adalah satu perkara yang patut dipuji. Keluarga kelas menengah, the *middle class family* sudah lama diabaikan oleh Barisan Nasional. Pihak swasta hanya membina rumah-rumah yang mahal, tidak mampu dibeli oleh golongan *middle class*. Kerajaan Pakatan Rakyat telah memberi harapan yang baru kepada golongan *middle class* dengan membina rumah-rumah dari harga RM72,500.00 hingga RM400,000.00. Eksekutif muda yang kerja di Pulau Pinang tidak perlu berhijrah ke kawasan Seberang untuk membeli rumah. Sektor swasta patut memainkan peranan untuk membina rumah mampu milik dan bukan tumpu perhatian untuk membina rumah mewah untuk orang-orang kaya sahaja, pemaju-pemaju swasta tidaklah hanya mencari keuntungan sahaja. Cadangan Kerajaan Negeri untuk membina *Cable Car* sebagai pengangkutan *alternative* ke Bukit Bendera akan menarik lebih pelancongan ke Bukit Bendera. *Cable car* berpotensi menjadi produk pelancongan yang sangat menarik. Ia akan menarik lebih banyak pelancong dalam dan luar Negara untuk mengunjungi Pulau Pinang. Kerajaan mesti sentiasa beri tumpuan untuk membawa pelancong ke Negeri Pulau Pinang, Pulau Pinang mesti menjadi sebagai destinasi perlancongan yang pertama di Asia Tenggara, lebih baik daripada Singapura.

Kerajaan Pusat mesti memberi bantuan wang dan bukan mendikriminasikan Pulau Pinang. Pengurusan Pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan juga telah menambahbaik mutu sejak Pakatan Rakyat mengambil alih Pulau Pinang, harap mereka akan sentiasa menaik taraf kemudahan orang awam dan menjaga kebersihan Pulau Pinang. Di Bagan Dalam terdapat beberapa jalan raya yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan yang telah rosak tetapi dibiarkan atas alasan oleh Kerajaan Persekutuan bahawa mereka tidak ada wang. Jalan raya seperti Jalan Bagan Luar, Jalan Chain Ferry, Jalan Telaga Air, semua perlu dibaiki tetapi Kerajaan Persekutuan enggan berbuat demikian. Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh UMNO sentiasa menipu rakyat. Apa jadi kepada cukai yang dikutip daripada penduduk-penduduk Pulau Pinang. Mengapa wang cukai tidak digunakan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Minta laluan, minta lauan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Untuk menyelenggara jalan raya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih, Ahli Bagan Dalam. Sekali lagi saya ingin memperingatkan, memohon YB. Dato' Speaker, perkataan-perkataan diskriminasi, menipu tidak seharusnya digunakan terutama sekali kepada pihak, macam pepatah Melayu menyatakan yang memberi susu kita dibalas tuba. Rakyat Pulau Pinang seharusnya mengingati bahawa Jeti Batu Musang, kalau cakap pasal pelancongan, Jeti Batu Musang, Kereta Api Bukit Bendera, Taman Botani, Taman Bunga macam-macam lagi, ini adalah peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Pusat untuk membangunkan pelancongan Negeri Pulau Pinang, tidak termasuk kamera-kamera yang dipasang oleh Majlis-Majlis Perbandaran untuk keselamatan, CCTV dan sebagainya, dan di sini seperti yang telah dimaklumkan tadi, peruntukan berlipat ganda yang telah disediakan oleh Kerajaan Pusat untuk membantu Negeri Pulau Pinang dan seharusnya kita memberi pengiktirafan, bukan mengecam Kerajaan Pusat.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Taman Botanical Garden dan Bukit Bendera ini telah diberi sebelum Pilihan Raya 2008. Merak tidak tahu akan kalah, bila sudah kalah, monorail pun sudah tiada. Faham?

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bagan Dalam teruskan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Apa yang penting di sini, jalan-jalan. Orang awam memang tidak dapat membezakan antara jalan negeri dengan jalan persekutuan, dalam fikiran mereka semua jalan di dalam negeri adalah jalan negeri. UMNO mengambil kesempatan ini dan tidak mahu membaiki Jalan Persekutuan dan mereka harap rakyat Pulau Pinang akan marah kepada Kerajaan Pakatan Rakyat. Saya harap perkara ini boleh di *highlight* oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan menunjukkan kejahatan BN UMNO yang bermain dengan nasib.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

YB. Bagan Dalam, Kerajaan Barisan Nasional ya, bukan UMNO, Barisan Nasional.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bagan Dalam, saya bagi nasihat kepada semua, bila dalam ucapan itu ada yang tidak kena mengena itu tidak perlulah dimasukkan. Dipersilakan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Kemalangan berlaku di atas jalan raya tersebut, *dives of people are at stake*, saya bukan cuba nak cakap bohong atau pura-pura, di sini tetapi sendiri boleh tengok macam mana keadaan Jalan Bagan Luar, bagaimana, saya terima banyak aduan, hari-hari pun terima banyak aduan dan saya EXCO berkenaan Bagan Jermal pun tidak boleh buat apa-apa. Ini bukan *State* punya hal, ini Persekutuan, sampai hari ini jalan teruk *condition*.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Penjelasan. Sedarkah Yang Berhormat bahawa jalan-jalan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat iaitu Jalan Bagan Luar, Jalan Bagan Ayam, Jalan Bagan Jermal, Chain Ferry, New Ferry, Jalan Permatang Pauh, ini semua adalah jalan-jalan *federal* dan JKR Pusat melalui bahagian penyelenggaraan pusat ada satu pejabat di Bangunan Sempilai, di Seberang Jaya dan mereka juga ada anggota-anggota tetapi apabila aduan dituju kepada mereka dan mereka kata tiada peruntukan, tiada peruntukan. Saya anggap tak tahu lah mana pergi tabung-tabung penyelenggaraan jalan pusat itu ke mana dan mereka hanya melantik sebuah syarikat monopoli iaitu Melati Wangsa untuk menyelenggara jalan *federal* iaitu di *North layer* iaitu di Utara Perak, di seluruh Pulau Pinang dan juga di Kedah dan Perlis, tak mampu buat. Yang Berhormat Ketua Pembangkang hari-hari melalui Jalan Bagan Luar apabila dari Telok Ayer Tawar nak pergi ke feri dia macam duduk kereta kuda, bukan dia tak tahu, tahu, tapi jalan itu memang macam itu lagi, tak ada orang nak buat. Kalau Kerajaan Negeri buat itu tidak betul, sebab dia di luar bidang kuasanya. Saya berharap Yang Berhormat boleh membezakan di mana itu *federal road* dimana itu jalan negeri dan di mana itu jalan-jalan bawah PBT dan itu tertaklukkan kepada Barisan Nasional yang sentiasa melaung-laungkan membela nasib rakyat.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya ingin tambah sedikit, saya rasa perkara yang dibangunkan oleh Yang Berhormat Bagan Dalam amat menarik dan adalah satu fakta bahawa terdapat konsep pilih kasih JKR daripada dahulu lagi, kalau Ahli Parlimen Kawasan tersebut adalah Ahli Parlimen daripada parti pembangkang terutamanya di kawasan jalan yang disebut oleh Yang Berhormat tadi adalah Ahli Parlimennya adalah Ketua Menteri kita sendiri. Memang pengagihan tidak diberikan untuk memperbaiki jalan tersebut dan mereka sebenarnya sentiasa hanya menjaga kawasan-kawasan di mana Ahli Parlimennya adalah daripada Barisan Nasional dan ini telah diamalkan bukan sekarang tetapi sejak lebih kurang 30 tahun ke 40 tahun, kita menerima aduan bahawa jalan-jalan yang di mana Ahli Parlimennya adalah Ahli Parlimen Pembangkang memang tidak ada sebarang peruntukan diberikan oleh JKR untuk memperbaiki jalan tersebut.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Penjelasan Yang Berhormat Dato Speaker, Yang Berhormat Bagan Dalam, saya juga bersetuju dengan perkara mengenai sumber dari *federal*, Kerajaan *federal* dan saya juga mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan seperti *Program Happy* yang sepatutnya dibekalkan untuk mengecat misalnya Pangsapuri Padang Tembak, sampai sekarang pun kita tidak dapat satu sen untuk sokongan dan mengecat kawasan itu dan sebagai ADUN Kawasan itu dimaki teruk kerana penduduk atau rakyat tidak faham dari mana, Kerajaan Pusat kah atau pun dari Kerajaan Tempatan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Saya tahu untuk membezakan antara jalan negeri dan jalan persekutuan tetapi rakyat tidak tahu, dia ingat ADUN tidak buat kerja, marah ADUN kenapa jalan macam ini? Patutnya kita mesti *highlight* perkara ini, kata perkara ini Barisan Nasional, Kerajaan Pusat yang tidak mahu buat kerja bukan Pakatan Rakyat. YB. Dato' Speaker, selepas 56 tahun kemerdekaan UMNO masih bermain isu perkauman supaya mereka boleh menjadi relevan di kalangan orang Melayu.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Speaker dia masih menggunakan perkataan UMNO.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Biarkan dia habis.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Apa salah? Kalau tak mahu tukar nama lah. Sampai mahu hapuskan tempat warisan Lembah Bujang di Kedah. Negara-negara lain di dunia mengambil berat untuk menjaga warisan mereka tetapi UMNO hendak hapuskan tapak warisan kerana mereka ada motif tertentu, setiap kali UMNO mengadakan perhimpunan atau pilihan orang-orang Cina, India dan Dato' Seri Anwar menjadi mangsa. UMNO mesti berfikir *racist* ini mesti ditolak supaya rakyat Malaysia boleh hidup dengan aman dan damai. Jangan selalu membangkitkan isu-isu *racist*, saya ingat kalau UMNO tak bangkit, kita pun tidak akan ucapah tentang apa UMNO buat dalam perhimpunan. Ini semua bermula daripada Ahli-ahli UMNO. Pakatan Rakyat sentiasa mesti jaga (gangguan):

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Minta laluan, terima kasih. Yang pertama, saya rujuk yang tadi tentang ada rakan-rakan Yang Berhormat menyebut di kawasan Parlimen yang bukan Barisan Nasional, Kerajaan Pusat tak buat, tidak perlu guna perkataan Barisan, guna Kerajaan Pusat. Tetapi ada tak kawasan Parlimen yang bukan di kalangan Barisan Nasional yang Kerajaan Pusat bagi peruntukan banyak untuk pembangunan. Satu soalan, ada tidak? Adalah kan, tetapi ada juga contohnya macam kawasan ADUN Barisan

Nasional jadi pembangkang, ada juga kerana ADUN itu kawasan pembangkang, ada juga yang tidak buat projek yang di bawah negeri jadi masalah. Peguam ini nak bukti sahajalah, tak apalah *you* pergi bicara di mahkamah. Saya nak cakap itu sahaja, nanti saya bawa bukti, tak apa.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan. Okay?

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Ada dua soalan, ada satu lagi, okey, saya berhenti dahulu, nanti saya sambung.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Pakatan Rakyat mesti sentiasa jaga warisan Bandar George Town supaya warisan dikekalkan selama-lamanya. Saya harap Kerajaan Persekutuan akan membantu dari segi kewangan supaya bangunan-bangunan warisan di Pulau Pinang diselenggarakan.

YB. Dato' Speaker, akhir sekali penubuhan-penubuhan Briged Wanita oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memelihara kebajikan wanita di seluruh Negeri Pulau Pinang adalah satu langkah yang baik. Mereka adalah agen kerajaan yang boleh membawa pembangunan di kalangan wanita. Walau bagaimanapun, saya cadang bahawa Ketua-ketua Briged Wanita diberi elaun supaya mereka boleh lebih berkesan dalam aktiviti yang dijalankan sebab sekarang mereka tidak diberi apa-apa bantuan, mungkin satu amaun *nominal* untuk menghargai sumbangan kerja Briged kepada rakyat Pulau Pinang. Sehubungan dengan itu YB. Dato' Speaker saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya Ahli Yang Berhormat Berapit.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Terima kasih kepada YB. Dato' Speaker kerana memberi saya peluang untuk berbahas dalam Dewan Yang Mulia ini untuk perbahasan ke atas ucapan Bajet Negeri Pulau Pinang 2014. YB. Dato' Speaker, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan perasaan simpati dan ucap takziah saya kepada semua ahli-ahli keluarga kepada mangsa yang terkorban yang terlibat dengan kejadian banjir yang sedang menimpa di Negeri-negeri Pantai Timur di Semenanjung Malaysia. Sememangnya keadaan cuaca yang tidak menentu pada masa ini menyukarkan persediaan awal rakyat jelata untuk menghadapi bencana air bah ini yang mendatangkan kerugian kepada semua pihak. Selain daripada negeri Johor, Perak, Terengganu, Melaka dan Pahang yang kini sedang melalui masa yang sukar, Negeri Pulau Pinang juga tidak dapat melarikan diri daripada bencana alam yang sedang melanda ini di mana ia telah berlaku seawal bulan Oktober yang lalu.

Sehubungan itu saya amat bersyukur kepada Kerajaan Negeri yang terus prihatin dan usaha untuk mengatasi masalah banjir di Negeri Pulau Pinang melalui meningkatkan peruntukan banjir sebanyak 11 peratus daripada RM16 juta kepada RM18.06 juta untuk tahun 2014 di mana MPSP akan memperuntukkan RM9.1 juta untuk projek tebatan banjir pada tahun depan dan RM3.4 juta adalah di kawasan Bukit Mertajam. Dengan hasrat untuk mengurangkan kesengsaraan rakyat jelata menghadapi mala petaka alam ini, di sini saya ingin memohon agar pihak MPSP dapat menggunakan sebahagian daripada peruntukan ini untuk membesarkan longkang-longkang sedia ada di kawasan Bukit Mertajam seperti di kawasan saya Jalan Aston, Taman Sri Rambai atau pun di kawasan Alma di mana saya dapati bahawa longkang-longkang yang dibina ini dulu adalah kecil pada masa kini dan tidak cukup untuk menampung kadar aliran air hujan yang semakin banyak dan juga akibat dari peningkatan rumah-rumah kediaman di kawasan ini. Kawasan *catchment area* untuk air hujan(dengan izin) juga perlu diselia dengan baik bagi memastikan tiada masalah air yang tersumbat apabila hujan turun yang seterusnya mengakibatkan kejadian banjir berlaku.

Selaras dengan itu, juga saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri dapat juga mengkhaskan sejumlah peruntukan untuk semua Pejabat Daerah dan Tanah khususnya di Daerah SPT di bawah *Standard Operating Procedure (SOP)* bagi bencana alam yang boleh digunakan bagi tujuan bantuan kecemasan kepada mangsa-mangsa banjir di Negeri Pulau Pinang agar kebajikan serta hal ehwal kecemasan mereka dapat diringankan dengan segera, ini adalah untuk menjamin sekiranya Pulau Pinang menghadapi bencana banjir ini seperti yang berlaku di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Pihak Kerajaan Negeri dapat menyalurkan wang peruntukan ini untuk tujuan membantu rakyat mengharungi masa sukar ini dengan kadar yang segera.

Saya mengambil makluman terhadap sebuah kes yang berlaku di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Perkampungan Berapit pada 11 September 2003 yang lalu. Akibat daripada hujan lebat yang mana ia telah mengakibatkan sebahagian daripada dinding pagar sekolah tumbang akibat bencana alam tersebut dan mengambil sebanyak dua (2) bulan kenderaan terbenam di bawah runtuhannya dinding tersebut. Saya difahamkan bahawa bantuan untuk kerja membaiki dinding pagar bangunan dan kerja mengeluarkan runtuhannya dinding ini lambat disalurkan kepada pihak sekolah tersebut dan hanya dapat diperbaiki setelah pihak sekolah menerima bantuan peruntukan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia selepas dua (2) bulan kejadian berlaku dan saya harap perkara ini tidak akan berlaku lagi di masa hadapan.

YB. Dato' speaker, di samping itu saya turut merayu agar pihak Kerajaan Tempatan turut sama dapat memainkan peranan aktif dengan memantau semua projek-projek pembangunan yang dijalankan di lereng-lereng bukit dalam tempoh bencana alam ini dengan memastikan agar semua projek-projek pembangunan dipantau rapi. Ini adalah untuk memastikan agar projek-projek sebegini tidak menjadi penyumbang sampingan kepada kejadian-kejadian banjir di Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri tidak dipersalahkan bagi kegagalan memantau projek-projek sebegini. Saya mengharapkan agar satu mekanisme terhadap pemantauan ini dapat dilaksanakan dengan jitu dan berkesan untuk mencegah kejadian banjir daripada berlaku.

Selain pemantauan terhadap projek-projek sebegini, pemantauan terhadap pokok-pokok lesu juga perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Langkah-langkah pencegahan dapat diambil dalam mencantas dahan-dahan pokok yang berada dalam kedudukan yang berbahaya agar tidak berlaku kejadian pokok-pokok tumbang dalam tempoh beberapa bulan ini. Ini adalah untuk menjamin keselamatan penduduk Pulau Pinang terutamanya di laluan jalan raya terutamanya apabila berlaku hujan lebat atau angin kencang. Saya juga ingin memohon maklumat sama ada pihak Kerajaan Negeri mempunyai *response team*(dengan izin) yang tersendiri bagi menangani kejadian bencana alam sekiranya ia berlaku. Apa yang saya lihat keadaan kini hanya bergantung kepada *ad hoc basic team* sahaja. Sekiranya berlaku sebarang bencana ini, adalah lembap untuk mengatasi sebarang masalah yang wujud. Sekiranya boleh, kumpulan *respond team* yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan diwujudkan di setiap daerah di Negeri Pulau Pinang bagi memantau serta menyokong sebarang kejadian bencana alam yang berlaku dengan segera.

YB. Dato' Speaker, melihat kepada kejayaan serta pencapaian Kerajaan Negeri yang sememangnya prihatin kepada pembangunan warga emas di Negeri Pulau Pinang melalui pemberian sumbangan berjumlah sebanyak RM100.00 setahun, saya ingin mengambil kesempatan ini dengan mencadangkan agar pihak Kerajaan Negeri turut sama menjalinkan kerjasama dengan pihak hospital swasta atau hospital Kerajaan dan juga pihak syarikat insurans untuk membekalkan skim perlindungan insurans Perubatan kepada warga emas memandangkan kos perubatan semakin meningkat pada masa kini yang menyukarkan pembelian insurans oleh ramai warga emas di Negeri Pulau Pinang.

Semoga pihak Kerajaan Negeri dapat mewujudkan satu rundingan meja bulat di kalangan semua pihak yang terlibat untuk mencari jalan penyelesaian yang bersesuaian bagi membantu warga emas di Negeri Pulau Pinang dalam memastikan kesihatan mereka turut dijamin selain daripada pemberian RM100.00 setahun. Dengan melaksanakan Skim Perlindungan Insurans Perubatan Warga Emas dipercayai Negeri Pulau Pinang akan mendahului lagi di Malaysia dalam menjaga kepentingan rakyat terutamanya warga emas.

YB. Dato' Speaker, pada tahun 2014, pihak Tenaga Nasional Berhad telah mengumumkan akan menaik kadar caj elektrik sebanyak 15%. Kenaikan ini akan membebaskan semua badan-badan pertubuhan bukan Kerajaan yang menguruskan rumah-rumah kebajikan. Saya bimbang bahawa kadar kenaikan ini akan menyebabkan rumah-rumah amal seperti ini yang rata-rata beroperasi menggunakan wang sumbangan kebajikan akan menghadapi masalah kekurangan kewangan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mereka.

Di sini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk turut mencadangkan agar Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat mengenal pasti serta menyediakan satu Bajet pentadbiran untuk membantu pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dalam Negeri Pulau Pinang yang menguruskan rumah-rumah kebajikan awam. Pada pendapat saya, selain agensi-agensi Kerajaan yang sedia wujud di Negeri Pulau Pinang, pihak-pihak NGO turut sama mempunyai kepentingan serta sentiasa berusaha untuk meningkatkan taraf hidup penduduk di Negeri Pulau Pinang khususnya dalam membantu golongan yang memerlukan atau pun golongan kurang upaya.

Di sini saya ingin menyentuh mengenai kejayaan yang telah dicapai di mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang pernah memperuntukkan dana khas kepada Pertubuhan Kesedaran Wanita untuk perubahan iaitu WCC yang telah berjaya menubuhkan pihak Pusat Perkhidmatan Wanita iaitu PPW untuk menjaga kebajikan kaum wanita. Kejayaan PPW ini telah mendapat sambutan yang positif dari kalangan rakyat Pulau Pinang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh mengamalkan pemberian peruntukan secara tahunan kepada NGO-NGO yang dikenalpasti kerana NGO yang berkonsepkan kebajikan ini banyak membantu Kerajaan Negeri dalam membantu rakyat jelata dalam Negeri kita. Dengan peruntukan yang mencukupi, NGO-NGO ini dapat meringkankan beban Kerajaan Negeri dalam memberi perkhidmatan kerja sosialis kepada rakyat.

Saya juga ingin merayu agar Kerajaan Persekutuan memandang berat terhadap peningkatan kos taraf hidup masyarakat yang semakin membebankan rakyat sejak kebelakangan ini. Pada tahun ini sahaja selepas berlangsungnya Pilihan Raya Umum Ke-13, Negara telah menyaksikan banyak kos perbelanjaan seperti harga minyak, harga gula, harga elektrik dan sebagainya. Ini sememangnya membebankan isi rumah dan rakyat sehingga menyebabkan keperitan hidup. Saya bimbang bahawa sekiranya perkara ini tidak dikawal, ia akan menyebabkan kadar jenayah meningkat seperti kes-kes kecurian, rompak dan sebagainya berlaku. Saya harap kawan-kawan yang di Barisan Pembangkang akan menyalurkan suara saya kepada pihak Kerajaan Pusat untuk meneliti permintaan saya sebagai wakil rakyat Berapit untuk rakyat kita.

YB. Dato' Speaker, menyentuh mengenai pembangunan sukan, sebagai bekas EXCO Belia dan Sukan Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab dalam portfolio sejak tahun 2008 hingga pertengahan tahun 2013, saya telah berusaha gigih untuk memperkenalkan Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri yang mengetengahkan sukan sebagai matlamat utama kepada pembentukan gaya hidup sihat masyarakat Pulau Pinang. Selaras dengan itu, pelbagai penganjuran program sukan berbentuk *participative* masyarakat telah dianjurkan sepanjang tahun. Antara program-program yang di ketengahkan meliputi program-program sukan bertaraf antarabangsa yang mendorong kemasukan para peserta dari luar Negara seperti pada tahun 2009, *25th World Chinese Basketball Invitational Tournament* yang melibatkan penyertaan seramai 3,000 orang peserta dari Negara China dan merata dunia. Program sukan angkat berat bertaraf antarabangsa yang telah mendapatkan pengiktirafan dari Persatuan Angkat Berat Antarabangsa seperti *Commonwealth Relief In Championship 2009*, *1st Intercontinental Clark Grand Prix And Junior Weightlifting Championship 2010* dan *Men And Women Junior World Weightlifting Championship 2011* yang melibatkan penyertaan dari lebih 80 buah Negara. Selain daripada sukan peringkat antarabangsa yang telah berjaya dibawa masuk ke Pulau Pinang seperti *ASEAN Kendo Tournament 2013*, *Asian Individual Squash Championship 2011*, *International Junior Age Group Tennis Championship 2008* hingga 2013 dan banyak lagi yang mendapat pengiktirafan dari badan induk dunia. Walaupun Pulau Pinang belum menjalankan sukan-sukan sedunia lagi.

Selaras dengan itu, ingin saya memaklumkan bahawa usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah Bandar Raya Sukan amatlah dialu-alukan. Saya berharap bahawa dengan rekod-rekod penganjuran sukan bertaraf antarabangsa yang telah diperkenalkan sejak Kerajaan Pakatan Rakyat

memegang pentadbiran Kerajaan Negeri pada 8 Mac 2008, ia akan merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang termasyhur sebagai sebuah Bandar Raya Sukan yang pasti menarik penyertaan lebih banyak atlit-atlit luar Negara. Oleh hal yang demikian, saya berharap Kerajaan Negeri akan memberi perhatian kepada *venue-venue* sukan yang bertaraf antarabangsa di Pulau Pinang, sebab sampai hari ini kita tak ada kolam air iaitu *standard international swimming pool* di Pulau Pinang lagi dan PISA pun diubah suai menjadi *convention center*. Kita masih tiada dewan sukan, *indoor stadium* yang bertaraf antarabangsa.

Kalau mahu menjadikan Pulau Pinang sebagai satu Negeri yang masyhur dalam aliran sukan, saya harap Kerajaan Negeri akan mendengar suara saya daripada Berapit dan saya juga harap Kerajaan Negeri akan terus memberi bantuan kepada semua persatuan-persatuan belia dan beliawanis dan juga persatuan-persatuan NGO di Pulau Pinang, sebab selalu kita kata Kerajaan Pulau Pinang ini Kerajaan yang prihatin rakyat. Sekian terima kasih. Saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih YB. Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk memberi ucapan di dalam Dewan Yang Mulia ini. YB. Ahli Dewan dan YB. Dato' Speaker, beberapa usul yang saya akan sentuhkan untuk petang ini. Pertama sektor pelancongan. YB. Dato' Speaker dan Ahli Dewan sekalian, seperti yang kita telah maklum, Kementerian Pelancongan kita telah mengumumkan tahun 2014 sebagai Tahun Melawat Malaysia. Pulau Pinang sebagai Negeri ketiga yang menjadi tumpuan kunjungan pelancong ke Malaysia boleh dikatakan memainkan peranan yang amat penting untuk menjayakan program Tahun Melawat Malaysia 2014 ini setelah di bawah pimpinan Pakatan Rakyat.

Pada tahun 2012, jumlah perbelanjaan pelancong di Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak RM8.58 juta. Justeru itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan RM35.48 juta untuk Program Pelancongan di Negeri Pulau Pinang selaras dengan program ini untuk tahun 2014. Setakat ini, banyak tempat pelancongan yang diberi perhatian dan diperkembangkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih bertumpu di sebelah Pulau. Contohnya dalam bajet 2014, Negeri Pulau Pinang peruntukan telah disediakan untuk perayaan George Town Heritage Festival, Projek Eco-Tourism Venture di Bukit Bendera, Projek Water-play di The Escape Phase 2 dan projek Integrated Wellness Resort di Telok Bahang. Walaupun tempat ADUN Barisan Nasional, tetapi Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat tidak melupakan untuk membangunkan kawasan Telok Bahang. Ini adalah kerana Kerajaan Pakatan Rakyat adalah menjaga kepentingan semua rakyat tak kira kaum dan bangsa dan juga tak kira tempat Barisan Nasional atau pun Pakatan Rakyat. Sememangnya projek-projek ini berpotensi untuk menjadi tarikan pelancongan yang baru di Negeri Pulau Pinang. Namun, persoalannya, kenapa kawasan-kawasan di Seberang Perai tidak dimasukkan juga dalam rancangan atau projek pelancongan di Pulau Pinang. Buat setakat ini, berdasarkan maklumat yang diberikan oleh EXCO Pelancongan, di antara tempat pelancongan yang menarik di Seberang Perai Utara adalah di Kuala Muda,

Penaga dan Vision Park di peta. Manakala di kawasan Seberang Perai Tengah adalah di Auto City Juru, di Kawasan Seberang Perai Selatan adalah di Pulau Aman dan Hutan Lipur Bukit Panchor. Tidak dapat dinafikan Kuala Muda adalah satu perkampungan nelayan yang cantik dan menarik bagi pelancong yang berminat di dalam *eco-tourism*.

Di Auto City di Juru pula adalah pusat hiburan dan masakan antarabangsa, tetapi kekurangan elemen kebudayaan tempatan. Pulau Aman memang adalah tempat pelancongan yang menarik di kawasan Seberang Perai Selatan tetapi Hutan Lipur Bukit Panchor buat setakat ini tidak mendapat sambutan yang baik. Apakah rancangan EXCO Pelancongan untuk memperbaiki dan mempromosi Hutan Lipur Bukit Panchor untuk menjadi tempat pelancongan yang menarik di kawasan SPS? Di samping itu adakah kawasan pelancongan di SPS terhad kepada kedua-dua tempat itu sahaja? Macam mana dengan tempat pelancongan yang menarik di kawasan N19 DUN Jawi?

YB. Dato' Speaker, Ahli Dewan sekalian, izinkan saya mengulangi isu kawasan kelip-kelip yang pernah saya bangkitkan dalam persidangan DUN yang diadakan pada bulan Julai yang lepas. Saya sebagai Wakil Rakyat DUN N19 Jawi berasa amat bertuah kerana kawasan Kampung Sanglang masih boleh melihat keli-kelip yang memancar perkampungan di atas pokok di tepi Sungai Kerian selepas waktu senja dan waktu malam. Pemandangan semula jadi ini sangat mengagumkan kerana ia bagai *Christmas tree* yang dihias oleh lampu semula jadi. Sebenarnya fenomena kelip-kelip yang berkumpul memancar di pokok dalam kegelapan ini adalah keajaiban dunia yang kelapan, *eighth wonder of the world*. Namun setakat ini hanya Kuala Selangor yang terkenal sebagai kawasan kelip-kelip yang tidak ramai pelancong tahu bahawa ia juga boleh didapati di Kampung Sanglang. Jadi saya sebagai wakil rakyat di kawasan Kampung Sanglang, telah berkali bertanya-tanya kenapa kelip-kelip di Kampung Sanglang telah lama wujud tetapi masih tidak popular dan kurang dikunjungi oleh pelancong sehingga sekarang.

Sekali lagi saya mohon EXCO Pelancongan membantu mempromosikan kawasan yang unik ini kepada pelancong tempatan dan juga pelancong asing kerana ia bukan sahaja dapat membuka mata pelancong kita tetapi juga boleh menjadi sumber pendapatan yang baru kepada Negeri Pulau Pinang dan juga menjadi sumber pendapatan yang baru untuk peniaga-peniaga tempatan. YB Dato' Speaker dan Ahli-ahli Dewan sekalian, berdasarkan statistik...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

YB. Jawi, minta sekejap.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Okey.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya nak tanya sedarkah rakan ADUN Jawi ada peruntukan Kerajaan Pusat telah membantu projek kelip-kelip ini di Nibong Tebal?

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Berdasarkan statistik daripada Tourism Malaysia, jumlah pelancong yang mengunjungi Negeri Pulau Pinang telah meningkat dari 5.96 juta pada tahun 2009.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Sikit ja. Jawi jawab tak saya punya soalan?

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Saya tak dapat jawab kerana buat masa sekarang saya tidak dapat melihat mahu pun Kerajaan Persekutuan atau pun Kerajaan Negeri melabur untuk membangunkan Kampung Sanglang tersebut.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tak apa. Esok saya bawa Yang Berhormat pergi, sebab Yang Berhormat baru, Yang Berhormat duduk di Juru kan. Untuk makluman YB. Dato' Speaker, ada peruntukan yang banyak dibuat di situ. Patut kita terima kasih pada Kerajaan Pusat. Patut jawablah balik kata Kerajaan Pusat buat.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Di kawasan Jawi, Kampung Sanglang memang ada jeti tetapi jeti sudah tiada sampan...(ketawa). Sekarang ini saya berasa kesal kalau saya jawab soalan YB. Sungai Aceh kerana ini akan diketawakan oleh orang ramai bahawa jeti ada tetapi sampan dan bot tiada dan tiada kerja-kerja penyelenggaraan dan juga *safety*.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Kita *share* lah. Kerajaan Pusat bagi jeti dengan nilai yang tinggi, Kerajaan Negeri sumbanglah. Baru tunjuk kata kerjasama, boleh ya Yang Berhormat, esok kita tunjuk kat YB. Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Berdasarkan statistik daripada Tourism Malaysia, jumlah pelancong yang mengunjungi Negeri Pulau Pinang telah meningkat dari 5.96 juta pada tahun 2009 kepada 6.09 juta pada tahun 2012 di bawah bimbingan Kerajaan Pakatan Rakyat. Dalam tempoh empat (4) tahun ini, peningkatan jumlah pelancong yang mengunjungi Negeri Pulau Pinang adalah lebih kurang 0.5% setiap tahun. Ini adalah satu *trend* yang baik, untuk mengekalkan dan menambah baik *trend* ini, saya percaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang terutamanya EXCO Pelancongan perlu memberi lebih banyak tumpuan untuk merancang dan menentukan tempat-tempat pelancongan yang baru terutamanya di kawasan Seberang Perai yang kekurangan kunjungan pelancong.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bercadang untuk menganjurkan Tahun Melawat Pulau Pinang pada tahun 2015 sehingga 2017. Ini memerlukan rancangan yang teratur dan pelaburan yang besar dalam infrastruktur asas untuk mewujudkan produk baru, cara baru dan pengalaman yang kekal abadi dalam minda pelancong. Dengan itu, dalam tahun 2014, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan EXCO Pelancongan haruslah membuat perancangan awal supaya dapat bersiap sedia untuk menyambut Tahun Melawat Pulau Pinang pada tahun 2015. Di samping itu, saya juga mengharapkan Kementerian Pelancongan juga dapat bekerjasama dengan Kerajaan Negeri supaya dapat menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2014 dan juga dapat menjayakan Tahun Melawat Pulau Pinang pada tahun 2015 dan tahun 2017. Sebenarnya teras-teras pelancongan yang lain seperti pelancongan budaya, pelancongan sukan dan pelancongan *eco-tourism* patut dibangunkan lagi.

Negara kita boleh dikatakan amat unik kerana diduduki oleh kaum yang berlainan dengan kebudayaan masing-masing. Keunikan ini patut dipromosi kepada pelancong asing seperti mewujudkan perkampungan budaya dan menceritakan sejarah dan budaya kaum masing-masing. Di Negeri Pulau Pinang, tapak warisan sudah terkenal dengan penceritaan budaya tempatan melalui replika besi dan lukisan mural. Ini adalah kerana Kerajaan Pakatan Rakyat dengan hati terbuka amat menggalakkan cara ini untuk mempromosikan tapak-tapak warisan dan bukan seperti Kerajaan Negeri Johor yang tidak menggalakkan lukisan mural ini. Kerajaan Negeri Johor adalah di bawah pimpinan Barisan Nasional. Pada pendapat saya, penceritaan budaya tempatan melalui replika besi dan lukisan mural patut diperluaskan kepada kawasan Seberang Perai juga. Selain itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga boleh mempromosi *eco-tourism* di kawasan yang berpotensi seperti kawasan yang ada penternakan, perikanan dan pertanian terutama di kawasan DUN Sungai Aceh. Contohnya di kawasan SPS, kerajaan boleh bekerjasama dengan pihak penternak untuk bersama-sama membangunkan *ecotourism*. Sekiranya pembangunan sektor pelancongan berjaya di semua tempat, maka ia akan mendatangkan, memberangsangkan industri lain seperti kedai makanan tempatan, *home stay* dan *souvenir shop* dan justeru meningkatkan pendapatan tempatan dan juga pendapatan negeri kita. Seperti yang telah dimaklumkan dalam Bajet 2014... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Yang Berhormat saya mohon, terima kasih. Sebab Jawi sebut Sungai Aceh, saya nak ucap terima kasih kat dia. Sedarkah Jawi bahawa di Sungai Aceh juga ada pelancongan iaitu kita ada dua (2) *home stay* di Sungai Chenaam dan juga di Sungai Udang dan banyak dah pengunjung-pengunjung daripada luar Negara juga dah sampai situ, tempatan pun ramai. Jadi sejauh mana *home stay-home stay* ini dapat pembelaan dan bantuan daripada Kerajaan Negeri?

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih Sungai Aceh. Saya sebutkan Sungai Aceh kerana Kerajaan Pakatan Rakyat tidak mengasingkan ataupun membezakan kawasan-kawasan yang di bawah ADUN Barisan Nasional mahupun ADUN Pakatan Rakyat. Kita memang untuk menjaga kepentingan semua rakyat dan kaum.

Isu kedua yang saya akan sentuh untuk petang ini adalah isu untuk pengangkutan dan pengawalan lalu lintas. Seperti yang kita sudah maklumkan dalam bajet 2012, Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Negeri Pulau Pinang telah dilancarkan pada 25 Mac 2013.

Pada tahun 2014 Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memberi penekanan kepada dua aspek iaitu meningkatkan sistem pengangkutan awam Negeri Pulau Pinang dan kebolehsampaian semua pengguna jalan raya seperti menyediakan perhentian bas yang sesuai dan selamat, menambah laluan bas yang baru, mengamalkan konsep *hub and spoke* dengan pengguna yang perlu menukar bas untuk sampai ke destinasi, menambah bilangan bas terutama pada waktu puncak dan memperkenalkan laluan khas bas di jalan-jalan sesuai.

Saya juga difahamkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengkaji melaksanakan satu sistem jaringan TRAM dan sistem jaringan Light Rail Transit (LRT) atau Transit Aliran Ringan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menulis surat kepada Kerajaan Persekutuan untuk meminta janji mantan Perdana Menteri dan Y.A.B. Perdana Menteri sejak tahun 2007 untuk membina dan membiayai sistem monorel di tunaikan. Sekiranya janji ini adalah janji kosong, maka Kerajaan Negeri Pulau Pinang meminta Kerajaan Persekutuan menyerahkan kuasa pengendalian demi membolehkan Kerajaan Negeri...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat saya minta maaf, minta penjelasan, saya cuma minta sebelum Yang Berhormat menamatkan tentang ulasan ini. Saya cuma minta pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan cadangan oleh Penang Port. Perkara ini menyentuh dua (2) aspek. Satu (1) adalah berkenaan dengan kedatangan pelancong, satu (1) lagi menyentuh tentang isu pengangkutan, kerana Pulau Pinang ini mempunyai satu tarikan pelancong, iaitu perkhidmatan feri di mana ia juga menjadi satu (1) agenda semasa lawatan pelancong-pelancong ke Negeri Pulau Pinang di mana mereka mahu....(dengan izin) *experience*, mengambil pengalaman dari menaiki feri. Saya lihat baru-baru ini terdapat rancangan oleh Penang Port untuk mengurangkan perkhidmatan feri, sekarang kalau kita lihat ada empat atau lima untuk mengurangkannya kepada dua (2) sahaja. Saya ingin mendapatkan ulasan daripada Yang Berhormat mengenai rancangan Penang Port. Ia boleh juga memudaratkan kedatangan pelancong dan secara tidak langsung menyebabkan juga kepada penambahan kesesakan lalu lintas jalan raya.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih Seri Delima. Saya setuju dengan pandangan Seri Delima di mana pelabuhan feri ini memang adalah satu unik, satu transport yang unik kerana bukan semua tempat ada feri. Feri kita di Pulau Pinang sama ada *you* dapat feri ini di Pulau Pinang atau pun dapat di Negara Hong Kong, sebab itu saya rasa amat kesal juga kerana Kerajaan Persekutuan patutlah membangunkan dan bekerjasama dengan Negeri Pulau Pinang supaya untuk mempromotekan lagi dan juga memberi satu pengangkutan yang lebih selesa kepada pelancong supaya mereka dapat menggunakan feri dari Pulau Pinang ke Seberang Perai atau dari Seberang Perai ke Pulau Pinang bukan sahaja dapat membantu Pelancong tetapi ia juga dapat

membantu penduduk-penduduk setempat seperti pekerja-pekerja yang dan penduduk-penduduk yang bekerja di Negeri Pulau Pinang, mereka akan menggunakan feri dan menjimatkan masa dan wang supaya dapat sampai ke destinasi Pulau Pinang dalam masa yang singkat ini.

Isu pengangkutan dan pengurusan lalu lintas sistem monorel saya harapkan Kerajaan Persekutuan dapat membuat satu keputusan, sama ada menyerahkan kuasa pengendalian kepada Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Persekutuan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk membangunkan sistem monorel ini. Pada pendapat saya Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga harus meneliti dan menyediakan bas yang khas untuk membawa pelancong dari satu destinasi pelancongan ke satu destinasi pelancongan yang lain. Sebenarnya, sistem pengangkutan dan pengurusan lalu lintas juga memainkan peranan yang penting dalam pembangunan sektor pelancongan.

Dengan adanya kemudahan pengangkutan yang jelas dan mudah diakses, ia akan memudahkan pelancong untuk melawat dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk memperbaiki dan memperkemaskan serta memantapkan lagi infrastruktur awam di Negeri Pulau Pinang dengan memperuntukkan sebanyak RM19.45 juta bagi tahun 2014 untuk membiayai penyelenggaraan dan penaiktarafan jalan raya. Pada tahun 2014, Kerajaan Negeri Pulau Pinang bakal menyiapkan projek pelebaran jalan dan menaik taraf jambatan di Jalan Song Ban Kheng yang bernilai RM20.42 juta serta memulakan 8 projek baru yang bernilai RM169.5 juta. Salah satu projek baru yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu cadangan pembinaan jambatan baru merentasi sungai yang akan menyambung Kampung Tanjung Berembang walaupun ini kawasan KADUN Sungai Aceh, kawasan ADUN dari Barisan Nasional, tetapi Kerajaan Pakatan Rakyat juga membangunkan tempat tersebut dengan menyambung Tanjung Berembang dengan Kampung Victoria di kawasan DUN Jawi. Saya hendak sebutkan di sini....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya hendak bantu Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Dengar saya sebut dulu, *you* dengar dulu, saya hendak jelaskan kerana tadi Sungai Aceh mengatakan bahawa Kerajaan Negeri tidak sokong projek ataupun kawasan-kawasan Barisan, memang kita sokong di tempat yang patut kita *develop* mesti kita *develop* untuk menjaga kepentingan semua rakyat jelata.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Ya, terima kasih Jawi. Sebenarnya untuk pengetahuan Dewan, Jambatan Tanjung Berembang ini dia untuk dua (2) kawasan, kawasan Jawi dan kawasan Sungai Aceh. Jadi masa pilihan raya hari itu mereka berjanji kalau menang pilihan raya nanti akan mengguna Sungai Aceh hendak buat jambatan, gambar jambatan besar, lepas itu saya berkata, oleh kerana Jawi sudah menang buatlah separuh dahulu, lojiklah bila Sungai Aceh menang sambung dan dalam Bajet pun Air Putih dah bentang, memang ada rancangan, tetapi saya nampak bukanlah rancangan

peruntukan untuk membina, tetapi mungkin peringkat pengambilan tanah barang kali, cuma mungkin Jawi tidak berapa sebat lagi kawasan di situ, saya hendak minta Jawi menyokong saya, bukan sokong parti, tetapi sokong atas persahabatan kita. Jambatan itu tidak perlu kita buat di situ, lebih baik kita buat di Sungai Udang. Sungai Udang juga Sungai Aceh punya KADUN, jadi di sebelah sana Jawi, Yang Berhormat ingatkan. Jadi di situ Yang Berhormat laluan yang paling strategik, dia keluar pergi Byram dia akan berjumpa dengan Batu Kawan dan singgah sebentar di projek MRF di Pulau Burung kemudian dia boleh gunakan jambatan *direct* ke sini, maknanya nelayan-nelayan Sungai Udang yang banyak produk nelayan, dia boleh bawa dengan cepat ke *airport* dan di hantar ke mana-mana saja, lebih cantik, kita dapat lahirkan satu lagi industri pelancongan di situ. Selepas tengok kelip-kelip di sana datanglah ke jambatan itu, kalau boleh Yang Berhormat sokonglah, mungkin macam Air Putih pun dia hanya melawat sebelum Pilihan Raya hari itu dengan adalah EXCO JKR. Duduk atas jambatan bila menang kita akan buat, tak apalah, dah menang Jawi buat sekerat dulu, tapi tak usahlah *cancel* buat di sana, cantik lagi. Kalau saya tidak jelas boleh *refer* dengan DO sekarang atau DO lama pun ada, boleh *check* tempat itu lebih strategik. Terima kasih YB. Dato' Speaker. Sokonglah Yang Berhormat, saya bawa melawat ke kawasan di situ.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

YB. Dato' Speaker, izinkan saya ingin menjelaskan kepada Sungai Aceh mungkin minda Sungai Aceh tak sama dengan saya, kerana mungkin dia dari Barisan Nasional, bimbingan Barisan Nasional dan juga pimpinan Parti UMNO kerana itu pimpinan barisan Nasional mereka mungkin semasa pilihan raya akan turun untuk meluahkan sebarang janji, kalau saya menang saya buat A, buat B, saya buat C, saya buat D. Kalau saya kalah *bye bye* next time lima tahun jumpa lagi, saya akan janji sekali lagi. Kerajaan Pakatan Rakyat bukan janji kosong. Kerajaan Pakatan Rakyat walaupun kalah di Sungai Aceh kita tetap akan buat jambatan ini. Ini adalah kerana kita hendak buat untuk rakyat dan menyambung kawasan Sungai Aceh terutama Kampung Tanjung Berembang kepada Kampung Victoria DUN Jawi penduduk di sana, ini kawasan saya. Ini adalah kebaikan untuk semua rakyat, mahu pun pelancongan mahu pun peniaga, mungkin minda tidak sama, hala tuju tidak sama dan parti pun tidak sama dan kalau Sungai Aceh berminat juga boleh berfikir *join* lah Parti Pakatan Rakyat supaya bersama-sama kita berjuang untuk rakyat dan bukan sekali lima (5) tahun pilihan raya barulah kita mengeluarkan janji lepas kalah kita jumpa lima (5) tahun, bukan ini Kerajaan Pakatan Rakyat bukan jumpa untuk lima (5) tahun dan janji kosong. Saya teruskan ucapan saya.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Ini nak ke perbetul ini Jawi. Saya tak ada, saya tak janji, masa pilihan raya saya tak janji buat jambatan oleh kerana Pakatan Rakyat dah janji nanti betindih dan saya pun yakin Pakatan Rakyat tidak boleh buat sebab duit tak ada, mungkin nak harap daripada Kerajaan Pusat tapi tak apalah saya hendak cadang. Barisan Nasional tidak janji hendak buat jambatan sama ada Sungai Udang atau pun di Tanjong Berembang. Cuma dalam sidang Dewan dulu saya bagi pandangan, mana wakil EXCO JKR, pasal apa duduk belakang, boleh pindah duduk belakang dengan YB. Batu Maung.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Yang Berhormat pun dulu duduk belakang, sekarang duduk di depan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya tak bagi *floor*. Jadi saya masih ingat kalau gambar itu saya boleh tunjuk YB. Malik dengan YB. Lim.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sebut KADUN.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Kawasan ya, angguk tiga kali, tadi atas justifikasi yang disebut lebih logik. Tapi YB. Batu Maung dan Yang Berhormat inilah mempertahankan juga hendak bagi mudah pergi ke Taiping itu situ, mana boleh, pergi Taiping ikut jalan lain. Saya masih ingat tapi kalau gambar itu ada jadi maknanya, YB Jawi kita bincang pasal pembangunan jangan sembang dok hal lain, dia kawasan lain, Jadi begini kalau EXCO dulu, Batu Maung dengan Bagan Jermal boleh bersetuju tiga (3) kali angguk. Orang Jepun angguk kira hormatlah, makna dia setujulah. Maknanya YB. Jawi telah bercanggah dengan dua (2) EXCO dan satu (1) Pakatan. Ini bahaya, bahaya, jangan bagi bercanggah

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Mungkin YB. Kawasan Sungai Aceh, kesihan, tak faham, sekali lagi saya jelaskan, okey saya *go word by word slow* sikit, mungkin tadi saya cepat sikit. Tadi Sungai Aceh cadangkan sekarang menang Jawi, Sungai Aceh kalah. Buatlah jambatan separuh, Kerajaan Pakatan Rakyat tidak akan buat jambatan separuh punya. Ini bukan hala tuju Kerajaan Pakatan Rakyat. Polisi Kerajaan Pakatan Rakyat adalah menjaga hak rakyat, polisi Kerajaan Pakatan bukan jaga kroni. Kerajaan Pakatan Rakyat walaupun kalah, saya contohkan, kalau kalah kita akan buat seperti di sini. Sungai Aceh. Sekarang kita kalah, tapi kita juga akan buat, saya tidak sebut Sungai Aceh, Kerajaan Barisan Nasional yang menjanjikan akan buat jambatan itu. Sana memberi contoh di mana Kerajaan Barisan Nasional sentiasa mengeluarkan janji-janji kosong seperti tadi monorel, saya baru sebut saja Sungai Aceh, mahu saya *repeat* sekali lagi, jangan buang masa, banyak lagi projek-projek Kerajaan Persekutuan mereka akan janji semasa pilihan raya, lepas itu kalah jumpa lagi lima (5) tahun. Kerajaan Pakatan Rakyat bukan macam ini. Kalau Sungai Aceh berminat sekalilah saya jemput menyertailah Pakatan Rakyat jom kita berubah untuk kepentingan rakyat dan juga Pakatan Rakyat.

Pada masa kini hanya terdapat lima (5) laluan perkhidmatan bas yang menghubungkan taman perumahan di KADUN JAWI, daripada lima (5) laluan ini, tiga (3) laluan adalah daripada Rapid Penang dan dua (2) laluan daripada City Liner kekerapan bas bermula dari 35 minit kepada 80 minit. Saya dimaklumkan pada masa kini Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama-sama dengan pihak SPAD dan operator bas sedang menilai mengkaji tentang pelaksanaan ke atas laluan baru bukan sahaja

KADUN Jawi tetapi di seluruh Negeri Pulau Pinang, dengar betul-betul ya, bukan di kawasan DUN Jawi saja, tetapi di seluruh Negeri Pulau Pinang termasuk 10 kawasan di bawah pimpinan Barisan Nasional. Pada pendapat saya, sistem pengangkutan asas seperti perkhidmatan bas haruslah dipertingkatkan lagi di kawasan-kawasan perumahan terutamanya di kawasan perumahan kos rendah dan rumah kos sederhana rendah supaya dapat meringankan beban golongan miskin dan berpendapatan rendah serta memudahkan mereka bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Buat masa kini, saya mendapati bahawa masih terdapat banyak kawasan seperti tidak ada akses pengangkutan awam walaupun pada tahun 2014 Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk meningkatkan pembinaan rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah dan kali ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memajukan kawasan di Ladang Kaledonia di kawasan DUN Jawi. Saya percaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan cuba menambah baik akses untuk pengangkutan awam di Ladang Kaledonia.

Kesimpulan, selama ini sektor perindustrian memang diberi perhatian yang lebih berbanding dengan sektor pelancongan. Mengikut laporan yang dikemukakan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Pulau Pinang adalah lokasi pelaburan terbesar di Malaysia dengan RM36.1 bilion di antara tahun 2008 sehingga tahun 2012 di bawah pimpinan Kerajaan Pakatan Rakyat berbanding dengan RM18.7 bilion di antara tahun 2003 sehingga tahun 2007 di bawah pimpinan Barisan Nasional. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat dapat membangunkan Negeri Pulau Pinang dalam tempoh lima (5) tahun ini dengan menarik banyak pelabur-pelabur asing untuk melabur di Negeri Pulau Pinang. Barulah pada 5 Mei 2013 kita sekali lagi dapat menang dengan majoriti 68%. Namun pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga perlu membangunkan industri pelancongan memandangkan ia juga adalah salah satu sumber pendapatan yang besar bagi Negeri Pulau Pinang dan akan memberangsangkan sektor ekonomi yang lain.

Sebenarnya, Kerajaan Tempatan iaitu PBT, MPSP dan MPPP juga memainkan peranan yang penting dalam membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memastikan setiap kawasan termasuk kawasan perumahan, kawasan perindustrian, kawasan perniagaan dan kawasan pelancongan sentiasa dalam keadaan yang bersih dan cantik. Ini adalah kerana kebanyakan kemudahan-kemudahan adalah di bawah jagaan MPPP dan MPSP seperti kerja-kerja penyelenggaraan jalan raya dan jalan perumahan, pembersihan parit dan jalan, penyelenggaraan lampu jalan dan lampu isyarat serta kerja-kerja penyelenggaraan lanskap seperti penanaman pokok bunga. Ini termasuklah kita berharap Kerajaan Persekutuan JKR yang dapat memberi kerjasama untuk memperbaiki jalan-jalan Persekutuan dan *main road* supaya dapat membangun bersama-sama. Ini adalah penting bukan sahaja untuk penduduk tempatan, ia juga dapat memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur asing yang melabur di Pulau Pinang serta pelancong-pelancong asing yang melawat Negeri kita khususnya. Penjaja-penjaja haruslah menjaga kebersihan kerana Negeri Pulau Pinang memang terkenal dengan makanan tempatan yang sedap yang menjadi satu tarikan kepada pelancong. Saya percaya Kerajaan Tempatan boleh bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk bersama-sama memelihara keselamatan, kebersihan, kehijauan dan kesihatan Negeri Pulau Pinang untuk menyambut Tahun Melawat Malaysia 2014 dan Tahun Melawat Pulau Pinang 2015 dan 2017. Sekian terima kasih, saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat. KOMTAR.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai dalam perbahasan atas ucapan Bajet Negeri Pulau Pinang 2014 oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Bajet ini merupakan bajet kali yang keenam yang dibentangkan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat ke arah sasaran transformasikan Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri bertaraf antarabangsa dan pintar. Syabas diucapkan kerana Bajet 2014 ini dapat mengurangkan anggaran defisitnya kepada RM255.44 juta berbanding anggaran defisit tahun 2013 sebanyak RM262.04 juta.

Selain itu Kerajaan Negeri juga mencapai beberapa kejayaan seperti merekodkan lebih bajet setiap tahun menaikkan aset Kumpulan Wang Disatukan sejak tahun 2008, pengurangan hutang Kerajaan Negeri dan seterusnya. Keupayaan Kerajaan Negeri dalam pengurusan kewangan yang baik juga mendapat kepujian daripada laporan Ketua Audit Negara 2012. Syabas diucapkan sekali lagi.

Saya percaya Bajet tahun 2014 ini merupakan Bajet yang amat dinanti-nantikan oleh rakyat Pulau Pinang sebab ia terus memberi tumpuan kepada teras utama pembangunan Negeri, peruntukan yang bermanfaat dan berjiwa rakyat seperti peruntukan program warga emas, anak emas, pelajar emas dan lain-lain program emas yang masih kekal. Satu lagi berita baik adalah program ibu emas yang akan dilaksanakan pada tahun 2014. Pada masa yang sama ia memberi fokus ke atas isu yang semakin membimbangkan orang ramai terutamanya penduduk yang bermastautin di Negeri Pulau Pinang, iaitu isu Perumahan.

Saya berterima kasih dan ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana terus membina rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan tambahan lagi satu kategori iaitu rumah mampu milik dengan memutuskan bahawa harga maksimum di kawasan Pulau ditetapkan pada RM400,000 manakala di kawasan Seberang Perai harga maksimum ialah RM250,000. Sesungguhnya kategori rumah mampu milik amat diperlukan. Saya ingin sebut contoh saya sendiri, pendapatan isi rumah saya adalah lebih kurang RM6,000 sebulan, jika saya ingin memohon rumah Kerajaan (LMC), saya tidak layak langsung kerana pendapatan sudah melebihi syarat yang ditetapkan iaitu pendapatan isi rumah maksimum RM3,500 sebulan. Sebaliknya, jika saya membeli rumah daripada pemaju swasta, saya hendak mengambil kira harga pasaran RM500 sekaki persegi atau lebih, dan kebanyakan unit yang dibina adalah melebihi 1,000 kaki persegi dan bernilai lebih kurang RM600,000 seunit. Dengan 90% pinjaman dan bayaran balik 30 tahun, ansuran setiap bulan adalah lebih kurang RM3,000, iaitu separuh daripada pendapatan isi rumah saya. Jumlah ansuran ini adalah satu beban berat dan bukan dapat ditanggung oleh setiap isi rumah.

Oleh yang demikian, dengan adanya pembinaan kategori rumah mampu milik, golongan isi rumah yang berpendapatan antara RM3,500 hingga RM10,000 mampu memiliki rumah sendiri. Di samping itu, saya juga bersetuju dengan mengehendkan tempoh pindah milik sepanjang 10 tahun, dengan ini akan mengehendkan spekulatif dan mengawal harga rumah. Oleh yang demikian, dapat dilihat Bajet Kerajaan Negeri 2014 amat memberi tumpuan yang spesifik ke atas isu perumahan bagi menangani dan mengawal masalah harga rumah yang kian meningkat sehingga tidak mampu ditanggung oleh rakyat Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, saya berpandangan bahawa masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam bajet 2014. Satu daripadanya ialah penambahbaikan boleh dibuat dalam proses permohonan untuk menyewa rumah PPR.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, menurut kontrak penyewaan PPR selama tiga (3) tahun hanya penyewa yang menepati syarat tersebut sahaja dibenarkan untuk memohon bagi melanjutkan tempoh penyewaan rumah tersebut. Kajian atau penilaian perlu dibuat bagi memastikan kelayakan penyewa untuk terus menyewa unit tersebut. Penyewa yang sudah tidak layak menduduki PPR akan diberi notis untuk berpindah. Tetapi soalan saya adakah proses penilaian dibuat selepas tiga (3) tahun? Kebanyakan penyewa sudah sewa lebih dari sepuluh (10) tahun, dan ada yang lebih dari itu. Namun, setakat ini saya difahamkan bahawa tidak ada keluarga yang diarahkan berpindah keluar walaupun telah tamat tempoh tersebut. Laporan Ketua Audit Negara 2012 juga menunjukkan 240 unit rumah PPR disewa kepada orang yang telah meninggal dunia. Penilaian semula dapat mengawal kegiatan penyewa yang mengambil kesempatan tinggal di PPR walaupun mempunyai rumah lain yang kebiasaannya disewakan kepada orang lain. Sekiranya masalah ini masih dibiarkan dan tidak diambil tindakan serius maka kerajaan akan selalu menghadapi kekurangan rumah sewa untuk pemohon yang benar-benar layak. Cadangan saya adalah Bahagian Perumahan perlu buat kajian dan penilaian dengan serius, manakala penyewa-penyewa yang memerlukan bantuan harus diberi tumpuan oleh jabatan-jabatan lain seperti, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Sumber Manusia supaya keluarga yang susah dapat berdikari dan keluar dari kemiskinan. Saya juga mencadangkan rumah PPRT dikategori kepada beberapa jenis kadar sewa iaitu RM100.00, RM200.00, RM300.00 sebagai salah satu mekanisme untuk mengawal salah guna rumah sewa PPRT.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, terdapat 250,000 pengguna jalan raya di Negeri Pulau Pinang setiap hari dan 42.5% daripada jumlah ini ada di kawasan Pulau. Mengikut rekod Jabatan Pengangkutan Jalan bilangan kenderaan bermotor banyak meningkat di Negeri Pulau Pinang dalam tempoh lima (5) tahun ini. Oleh yang demikian, kita perlu memberi tumpuan yang secukupnya kepada pengangkutan awam dari segi pengurusan lalu lintas. Sebab penambahan penduduk dan penambahan kenderaan atas jalan raya kian meningkat mengakibatkan masalah kesesakan lalu lintas kian meruncing di Negeri Pulau Pinang. Dengan itu, saya sokong sepenuhnya pelaksanaan Tram atau Sistem Jaringan Light Rail Transit (LRT) oleh Kerajaan Negeri sepertimana yang telah dicadangkan dalam Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Negeri Pulau Pinang.

Kerajaan telah menulis surat kepada pemangku Menteri Pengangkutan tidak lama dahulu untuk memohon membina dan membiayai sistem perkhidmatan LRT atau MRT serta pengangkutan awam alternatif bagi mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di Negeri Pulau Pinang. Ini adalah janji mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi kepada rakyat Pulau Pinang. Oleh itu saya berharap permohonan tersebut dapat ditunaikan dengan secepat mungkin. Sementara menunggu kelulusan sistem pengangkutan awam yang lebih moden daripada Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri juga mempunyai cadangan untuk memperuntukkan sebanyak RM10 juta untuk projek bas percuma kepada rakyat Pulau Pinang semasa waktu puncak iaitu waktu masuk kerja dan waktu balik kerja. Malangnya cadangan yang baik ini belum mendapat persetujuan daripada Kerajaan Pusat. Ini adalah memungkirkan janji yang dibuat oleh Kerajaan Pusat semasa pengurangan subsidi petrol...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Speaker, jam sudah pukul 7.00. Peraturan.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Sikit saja lagi.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Aceh, peraturan juga. Peraturan 6A (3). Sila, banyak lagi?

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Half, 15 minit.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, teruskan.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Kerajaan Pusat semasa pengurangan subsidi petrol, di mana Kerajaan Pusat telah berjanji akan menggunakan dana dari penjimatan subsidi petrol tersebut untuk mempertingkatkan sistem pengangkutan awam. Pada pandangan saya, pengurusan lalu lintas dan sistem pengangkutan awam perlu dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri masing-masing bagi tujuan mencapai keberkesanan. Kerajaan Pusat perlu turunkan kuasa kepada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Di samping melaksanakan perancangan pengangkutan awam, tempat meletak kereta juga perlu dirancang dengan baik pada masa yang sama.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan satu sistem tempat letak kereta yang telah banyak dilaksanakan oleh bandar raya antarabangsa dan sesuai dibina di negeri ini, iaitu *Robotic Parking Systems* atau *Automated Parking system*. *System Parking Robotic* bukan lagi sistem yang baru. Sistem ini diperkenalkan sejak 50 tahun dahulu.

Sistem *parking* ini telah banyak diguna pakai di Amerika Syarikat, Jepun dan Taiwan. Ia merupakan bangunan tempat letak kereta yang berfungsi secara automatik berkelajuan tinggi dengan boleh memuatkan beratus-ratus sehingga beribu-ribu buah kereta dalam separuh dari ruang garaj konvensional. Dengan sistem ini, ruang lebihan boleh diwujudkan untuk tujuan lain tidak kira dari segi reka bentuk, pembangunan atau masyarakat. Yang penting adalah oleh kerana tanah yang terhad di kawasan Pulau terutamanya dalam kawasan Zon Bandar Warisan dan ketinggian bangunan adalah dihadkan 18 meter, maka cadangan Sistem Parking Robotic ini merupakan alternatif yang amat sesuai dipertimbangkan.

Tapak-tapak yang berpotensi telah dapat dikenal pasti, sekiranya Pihak Berkuasa Tempatan berpendapat ini adalah cadangan yang dapat diterima, maka boleh dilaksanakan cadangan ini, termasuk menggunakan akta untuk mengambil alih tanah persendirian untuk mendirikan *car park* ini demi kepentingan orang ramai. Dengan adanya *System Parking Robotic*, tempat letak kereta ini di sisir jalan di kawasan George Town boleh dihapuskan. Ia memberi kebaikan kerana lebih ruang jalan dapat digunakan untuk pergerakan lalu lintas dengan lebih lancar, serta dapat digunakan untuk laluan khas bagi bas atau pembinaan Tram/LRT. Walaupun kos pembinaan tempat letak kereta ini lebih mahal berbanding dengan tempat letak kereta yang konvensional, tetapi manfaatnya adalah lebih dan berbaloi. Oleh itu saya berharap cadangan ini mendapat pertimbangan yang selanjutnya.

Yang Berhormat Dato' yang di-Pertua, saya telah menghantar soalan bertulis mengenai masalah kesesakan lalu lintas di sekeliling kawasan KOMTAR. Jawapan dari YB. Padang Kota adalah seperti berikut:-

"Punca kesesakan lalu lintas di sekeliling kawasan KOMTAR adalah disebabkan oleh isi padu aliran lalu lintas yang tinggi pada waktu-waktu puncak lalu lintas dan cuti umum. Di samping itu, sikap pemandu yang enggan mematuhi garisan kotak kuning di persimpangan dan meletak atau menunggu di kawasan larangan terutama di hadapan pintu utama bangunan KOMTAR, serta pakir secara tidak sah oleh bas persiaran di tepi Jalan Ria juga menyebabkan berlakunya kesesakan lalu lintas. Tindakan penguatkuasaan diambil oleh pihak Polis dan MPPP dari semasa ke semasa."

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebenarnya pihak JKKK Kampung Kolam telah menulis surat kepada pihak Polis untuk meminta mengatur anggota Polis Trafik bertugas di persimpangan yang mengalami kesesakan serius. Tapi, saya berasa kecewa kerana sampai sekarang masih belum dapat maklum balas daripada pihak Polis. Saya juga telah bangkitkan isu ini dalam Mesyuarat Tindakan Daerah dan memang berharap Polis boleh beri kerjasama untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di sekeliling kawasan KOMTAR.

Daripada jawapan soalan bertulis, pembinaan *fly over* dari Gat Lebuhraya Prangin ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu sememangnya terdapat dalam pelan perancangan asal untuk menambah baik lalu lintas di Kawasan KOMTAR. Pelan ini akan dikaji semula. Oleh itu saya berharap kajian boleh dilakukan secepat mungkin dan projek ini boleh dilaksanakan. Saya mewakili mangsa-mangsa trafik jem untuk merayu Kerajaan Negeri memandang serius masalah ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri melalui PDC telah menubuhkan Skim mikro kredit untuk memberi fokus dalam mengurangkan jurang atau ketidaksamaan dengan memberi keutamaan kepada golongan miskin, orang kurang upaya, ibu tunggal termasuk penaja kecil bagi membolehkan mereka memulakan dan mengembangkan perniagaan. Secara tidak langsung, penubuhan tabung ini juga dapat membantu Kerajaan Negeri mengurangkan masalah kemiskinan di Negeri ini. Saya berterima kasih kepada Kerajaan Negeri atas Skim Pinjaman ini dengan memberi keutamaan khasnya kepada pemohon dari kalangan ibu tunggal dan wanita. Inilah satu usaha yang cukup baik sekali kerana skim ini betul-betul boleh membantu wanita membina kerjaya mereka. Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa golongan artis belia juga memerlukan bantuan kewangan seperti Skim mikro kredit yang telah disediakan. Saya berkata begitu kerana saya berpendapat bahawa kesenian bukan sesuatu yang dijalankan semata-mata komersial, akan tetapi ia dapat membantu untuk menaik taraf bandar raya ini menuju ke taraf *international city* dan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sektor pelancongan di samping memelihara industri seni yang kian pupus. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya memberi pertimbangan khas kepada golongan artis belia tersebut dalam skim pinjaman atau bantuan kewangan tertentu. Usaha ini akan dapat membantu mempromosi kesenian dan kebudayaan di Negeri Pulau Pinang.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan penganjur bersama seperti MPPP, GTWHI, PGT dan lain-lain atas sokongan dan kerjasama mereka ke atas projek *Armenian Street's Got Talent*. Atas sokongan mereka, projek ini dapat dijalankan dengan lancar walaupun baru sahaja saya menimbulkan cadangan ini pada Persidangan DUN yang sebelum ini. Projek ini sebagai satu inisiatif untuk menyediakan platform kepada golongan artis tempatan untuk menunjukkan bakat mereka. Bukan perkara yang mudah untuk memulakan projek ini dengan pelbagai cabaran yang dihadapi. Jadi saya berharap Kerajaan Negeri boleh terus menyokong projek ini. Saya turut bercadang bahawa *Penang Youth Development Corporate (PYDC)* yang baru ditubuhkan untuk mengendalikan perkara-perkara belia boleh menghulurkan bantuan dalam projek ini supaya bakat-bakat golongan belia tidak disia-siakan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pada awal tahun 2013, kes jenayah telah meningkat di Negeri Pulau Pinang berbanding dengan masa yang sama dalam tahun 2012 terutamanya di pusat bandar warisan. Isu keselamatan ini adalah di bawah bidang kuasa pihak polis. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri tidak pernah lepaskan tanggungjawab dalam usaha untuk membanteras jenayah. Dalam usaha menjadi Pulau Pinang Negeri yang paling selamat. MPPP dan MPSP telah membelanjakan RM3.2 juta untuk menambah 180 lagi CCTV. Adalah diharapkan dengan pemasangan CCTV ini dapat membantu mengurangkan kes jenayah ataupun

membantu polis dalam mengesan penjenayah dan juga boleh digunakan untuk pengurusan lalu lintas. Sekadar memasang CCTV sahaja adalah tidak cukup kerana CCTV memerlukan petugas sepenuh masa untuk mengawal sistem tersebut baru boleh mencapai objektif dengan lebih berkesan. Kerajaan Pakatan Rakyat telah menunaikan janji yang telah dibuat semasa pilihan raya iaitu pengisytiharan harta oleh wakil rakyat Pakatan Rakyat. Contoh baik ini patut diikuti oleh wakil rakyat dari Barisan Nasional. Ini adalah salah satu cara untuk menjamin pimpinan kerajaan yang sentiasa bersikap bebas rasuah, berdedikasi, berintegriti dan berlandaskan prinsip CAT. Selain daripada pengisytiharan harta, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga menunjukkan contoh yang baik iaitu memberi peruntukan kepada pihak pembangkang. Oleh itu saya berharap Kerajaan Pusat juga boleh mengikut apa cadangan begitu baik ini supaya wakil-wakil rakyat Pakatan kita juga boleh dapatkan peruntukan daripada Persekutuan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Tarif Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan bertambah sebanyak 15% mulai 1 Januari 2014. Saya risau terhadap beban Kerajaan Tempatan akan turut meningkat kerana MPPP menanggung sejumlah wang untuk membiayai perbelanjaan lampu jalan dengan kos elektrik setiap tahun lebih kurang RM568 juta dan kos penyelenggaraan lebih kurang RM117 juta setiap tahun bagi sejumlah 34,225 unit lampu jalan setakat Mac 2013 di seluruh kawasan Pulau. Dalam usaha Kerajaan Negeri menuju ke Negeri Hijau, PBT perlu memikirkan satu cara alternatif yang berfokus kepada teknologi hijau atau jimat tenaga untuk menggantikan lampu jalan konvensional. Dalam pasaran terdapat banyak teknologi baru seperti LED, lampu induksi dan lain-lain yang sesuai digunakan sebagai gantian. Kebanyakan produk telah terbukti dapat menjimat tenaga sebanyak 50%. Satu lagi teknologi baru yang boleh dipertimbangkan iaitu tenaga solar. Jika dua (2) teknologi ini dilaksanakan bersama maka bukan sahaja boleh jimat 100% perbelanjaan tenaga maka ia juga akan mengurangkan kos penyelenggaraan. Kebanyakan kabel bawah tanah yang membekalkan tenaga lampu jalan telah rosak, terutamanya pada hari hujan, banyak lampu jalan tidak berfungsi kerana kerosakan kabel. Setiap tahun MPPP juga membelanjakan beratus-ratus ribu ringgit untuk menggantikan kabel bawah tanah yang baru. Jalan raya pun sentiasa di korek sana sini.

Oleh itu aya ingin mencadangkan Kerajaan Negeri untuk memanggil satu *Request for Proposal (RFP)* untuk menyelesaikan masalah ini. Pihak yang berjaya dalam tender akan mengeluarkan modal untuk menggantikan semua lampu jalan lama dan Kerajaan hanya bayar peratusan tertentu yang telah berjaya dijimatkan dalam penjimatan kos tenaga. Dengan cara ini, Kerajaan tidak perlu mengeluarkan dana bagi mendapatkan lampu jalan yang baru. Ini bukan sahaja jimat kos, maka petender mendapat kerja kontrak di samping keselamatan rakyat dijamin. Ketiga-tiga parti ini mencapai *win win situation* akhirnya. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua sekian sahaja perbincangan saya. Saya mohon menyokong, terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan, Dewan akan bersidang semula pada 10 Disember 2013 (Selasa) jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 7.15 malam.